

KESEMBILAN

Ninth

PERTAMA

First

Jilid 1 Bil. 63 Hari Selasa 19hb. Disember, 1995

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan 39)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pendidikan 1995 (Ruangan 39)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat (Ruangan 114)

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN**PENYATA RASMI PARLIMEN****Penggal Yang Pertama****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beras)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

- “ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K (Lipis)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin, B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N.,
A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P.,
S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N.
(Wangsa Maju)

- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)

- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

- “ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat: Dato’ Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab
- Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abd. Samad
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt .Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 19hb. Disember, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

TV - KAWALAN KE ATAS FILEM BERUNSUR

SEKS DAN MUZIK ROCK

1. **Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah usaha kerajaan untuk mengawal penayangan filem-filem dan video di TV, yang mengandungi unsur-unsur keganasan seks dan juga muzik 'rock' ditapis dengan begitu terperinci supaya mengelakkan remaja kita diugut dan hanyut daripada budaya tempatan yang dibina kukuh berdasarkan adat dan budaya tradisi serta ajaran agama yang tinggi dan murni.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sememangnya sentiasa prihatin ke atas kawalan tayangan filem dan video di televisyen khususnya yang berunsur ganas, seks, tahyul dan yang boleh membawa kesan negatif kepada penonton. Untuk itu, semua filem dan video yang ditayangkan di televisyen hendaklah ditapis terlebih dahulu oleh Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri. Dalam pada itu, stesen-stesen televisyen seperti TV1 dan TV2 mengadakan tapisan secara, dengan izin, 'in-house' bagi memastikan filem dan video itu sesuai ditayangkan di televisyen.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan filem-filem yang ditayangkan terlebih dahulu ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem, sama ada berbentuk laser disc ataupun video tape. Jadi, saya ingin bertanya adakah Kementerian Penerangan setakat hari ini berpuas hati dengan mutu kerja-kerja yang telah ditunjukkan oleh Lembaga Penapisan Filem kerana terdapat banyak lagi ciri-ciri keganasan yang ditunjukkan.

Dan saya ingin bertanya adakah Kementerian Penerangan bercadang untuk mencadangkan kerja-kerja penapisan ini diswastakan kepada mana-mana syarikat melalui Kementerian Dalam Negeri?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang akhir tadi mengenai dengan sama ada kita hendak swastakan, ini tertakluk kepada Kementerian Dalam Negeri yang mana Lembaga Penapisan Filem adalah di bawah jagaan mereka.

Mengenai dengan kepuasan hati, sememangnya kita sentiasa prihatin tentang selera masyarakat penonton kita. Makanya seperti yang saya jelaskan tadi, di samping Lembaga Penapisan Filem yang ada di peringkat Kementerian Dalam Negeri, kita juga mempunyai satu 'in-house filtration', dengan izin, untuk menapis filem-filem yang kita tayangkan kelak adalah cukup baik dan selaras dengan cita rasa, kita hendak timbulkan satu citra masyarakat Malaysia yang mempunyai moral. Makanya dengan itu juga, kementerian telah mengambil beberapa langkah seperti yang baru-baru ini diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan untuk menubuhkan satu panel di mana panel ini merangkumi bukan sahaja pegawai-pegawai yang terlibat daripada kementerian bahkan tokoh-tokoh yang mempunyai pengalaman. Juga terlibat ialah para penonton yang mana sedikit sebanyak akan memberi maklum balas (feedback) kepada kita. Maknanya, apa juga kita tayangkan kelak adalah selari dengan kehendak selera penonton dan juga kehendak kerajaan kita.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Siaran TV memang biasanya disukai oleh anak-anak muda dan sebagainya. Persoalan saya di sini, sama ada kementerian sedar adanya siaran bertajuk 'Mighty Morphine' kerana tajuk itupun menggalakkan seolah-

olah khayal dan sebagainya dalam segi dadah dan sebagainya. Jadi, apakah tindakan kementerian untuk membanteras gejala ini?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, sememangnya kementerian sedar bahawa satu rancangan ‘Mighty Morphine Power Rangers’ yang mana ada khususnya untuk program kanak-kanak dan inipun melibatkan bila mana anak saya hendak ke Subang Parade, mereka juga membangkitkan tentang Power Rangers ini dan ada hubung kait dengan Mighty Morphine. Kementerian sedar tentang perkara ini dan kita akan mengambil tindakan supaya Mighty Morphine itu tidak akan menjadi sebagai satu sebaran ditanam dalam pemikiran generasi kita yang akan datang.

PERHUTANAN SEMULA - KELUASAN

2. Tuan Jacob Dungau Sagan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa hektarkah tanah yang telah dimajukan untuk “reforestation” di negara ini dan bagi tiap-tiap negeri di Malaysia. Adakah kerajaan bercadang untuk meluaskan lagi kawasan untuk menanam semula hutan. Jika ada, apakah bantuan-bantuan yang diberi oleh kerajaan kepada pemaju-pemaju yang ingin mengambil bahagian dalam program yang seperti ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kawasan yang telah dimajukan sebagai ladang hutan setakat ini melalui projek perhutanan semula di seluruh negara adalah 170,051 hektar. Keluasan kawasan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:-

Negeri		Hektar
Johor	-	18,322
Pahang	-	18,998

Negeri Sembilan	-	4,171
Selangor	-	9,022
Perak	-	3,084
Kelantan	-	654
Terengganu	-	733
Sabah	-	102,170
Sarawak	-	12,897

Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk meneruskan projek perhutanan semula di hutan-hutan simpan kekal dengan matlamat keluasan 11,000 hektar setahun. Di samping itu, sektor swasta adalah digalakkan menceburi bidang ladang hutan terutamanya untuk memajukan tanah-tanah kerajaan di luar hutan simpan dan tanah-tanah persendirian yang terbiar.

Kerajaan memang menggalakkan pelaburan di sektor swasta dalam sektor ladang hutan melalui pelepasan cukai, iaitu:-

- (i) memberi taraf perintis sehingga 10 tahun bagi pemaju-pemaju di mana 100% hasil pendapatan yang diperolehi dikecualikan daripada cukai dalam tempoh tersebut; dan
- (ii) memberi pelepasan cukai pelaburan 100% ke atas perbelanjaan berkecualan yang ditanggung oleh pemaju dalam tempoh 5 tahun dari tarikh projek diluluskan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan program membaik pulih hutan ataupun pemuliharaan hutan dan juga menghutankan semula adalah satu program yang baik dari segi keseimbangan alam sekitar, jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan,

setakat manakah penguatkuasaan supaya orang ramai yang mempunyai minat yang tinggi untuk meneroka tanah-tanah hutan secara haram begitu tinggi dan setakat manakah penguatkuasaan ini dapat menjamin supaya hutan-hutan simpan tidak dimasuki dan diterokai secara haram?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, kerajaan memang menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam penubuhan ladang hutan walaupun setakat ini penglibatan pihak swasta belum menggalakkan.

Walau bagaimanapun, kerajaan sekarang sedang membuat kajian semula tentang insentif-insentif dan galakan-galakan yang boleh memberi dorongan dan galakan kepada pihak swasta untuk menceburi di dalam projek ladang hutan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, selepas Earth Summit di Rio, ada persetujuan antarabangsa untuk memberi peruntukan yang khas untuk sustainable forest management. Jadi, sampai sekarang apakah negara kita telah menerima ataupun satu-satu insentif yang diberi kepada negara untuk menghala ke arah itu?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini peruntukan dari segi kewangan belum lagi diterima. Walau bagaimanapun, Malaysia memang berkomited untuk menguruskan hutan secara berkekalan menjelang tahun 2000 dan dari segi itu Malaysia dan negara-negara yang lain sedang mengkaji International Tropical Timber Agreement (ITTA) dengan izin,

untuk menentukan supaya segala kriteria, petunjuk dan panduan yang ditetapkan akan dipatuhi oleh negara kita menjelang tahun 2000.

DEFISIT DAGANGAN NEGARA - LANGKAH MENGURANGKAN

3. **Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah telah dan sedang diambil untuk menangani masalah defisit dagangan Malaysia yang melabur bagi tujuh bulan pertama tahun ini kepada RM6.8 bilion daripada RM473.80 juta bagi tempoh yang sama sebelumnya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan defisit perdagangan (trade deficit) adalah termasuk:-

- (i) memastikan pelaksanaan projek-projek mega dikekalkan dengan komponen tempatan dan komponen tersebut dapat dihasilkan oleh pengeluar-pengeluar tempatan;
- (ii) aktiviti membaik pulih jentera berat dan kelengkapan akan disenaraikan sebagai salah satu aktiviti galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan seterusnya layak mendapat taraf perintis atau elaun cukai pelaburan. Ini akan menggalakkan pembangunan industri jentera dan kejuruteraan tempatan yang dapat mengganti barangan modal yang diimport;
- (iii) memperkukuhkan hubung kait di antara industri kecil dan sederhana (IKS) dengan syarikat multinasional supaya IKS dapat membekalkan barangan perantaraan untuk syarikat-syarikat besar tanpa syarikat-syarikat ini terlalu perlu

bergantung kepada barangan perantaraan (intermediate goods) yang diimport.

Dalam konteks ini, Program Pembangunan Vendor telah dipergiatkan. Di samping itu, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana telah ditubuhkan dan menyediakan khidmat nasihat, panduan dan latihan kepada usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana; dan

- (iv) meningkatkan daya saing eksport negara dengan mengurangkan kos urusniaga dalam negeri misalnya melalui pengurangan cukai korporat dan pemansuhan duti import terhadap barangan perantaraan.

Kerajaan yakin dengan langkah-langkah ini bersamaan dengan langkah-langkah Belanjawan 1996 yang telah dibentangkan dulu dan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat ini, kebolehan mengawal perbelanjaan dalam negeri dan meningkatkan tabungan akaun dagangan Malaysia akan mencatat lebih pada tahun 1996 nanti.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan defisit perdagangan ini, apakah langkah yang ada kesannya dan apa nilai yang dijangka boleh dikurangkan dari segi trade deficit?

Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat kementerian, keempat-empat langkah akan membawa kesan yang

positif dan kita tunggulah apabila habis tahun nanti, apabila bil-bil pembayaran dan bil-bil penerimaan didapati oleh negara nanti dapat kita lihat apakah kesan langkah-langkah ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, untuk melihat kesannya kita memerlukan setahun lagi kerana sebahagian daripada langkah-langkah ini mengambil masa yang agak panjang, adjustment period yang memakan masa mungkin setahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Lim Guan Eng tidak hadir]

RUMAH-RUMAH BARU - TEMPOH JAMINAN

5. **Dato' Hon Choon Kim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan akan meneruskan kajian dan melaksanakan untuk melanjutkan tempoh jaminan bagi rumah-rumah baru daripada setahun kepada tiga tahun.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan melanjutkan tempoh liabiliti kecacatan bagi rumah yang dibina adalah masih dalam pertimbangan kementerian. Tempoh 12 bulan adalah didapati munasabah bagi kecacatan yang biasa dikesan.

Walau bagaimanapun, kementerian ini sedang mendapatkan pandangan dari pelbagai pihak termasuk para profesional sama ada wajar dipinda tempoh ini.

BOSNIA-HERZEGOVINA - SUMBANGAN PENYELESAIAN

KONFLIK

6. **Tuan Chang Kon You** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) apakah perkembangan terbaru mengenai peperangan di Bosnia-Herzegovina; dan
- (b) apakah pendirian Malaysia dalam penyelesaian konflik ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak-pihak yang bertelagah di Bosnia-Herzegovina telah pun menandatangani perjanjian damai pada 14hb. Disember, 1995 di Paris. Malaysia menyokong penuh perjanjian damai mengenai Bosnia-Herzegovina. Malaysia sependapat dengan Presiden Alija Izetbegovic yang menyatakan perdamaian walaupun yang tidak adil adalah lebih baik daripada peperangan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia berpendirian bahawa kestabilan di Bosnia-Herzegovina pada masa hadapan adalah berkait dengan pelaksanaan perjanjian damai tersebut. Malaysia akan terus memainkan peranan aktifnya dalam pembangunan semula Bosnia-Herzegovina baik secara dua hala mahupun pelbagai hala.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah bentuk bantuan dan sumbangan yang akan Malaysia berikan dalam usaha membentuk pemulihan dan pembinaan semula Bosnia-Herzegovina?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya belum dapat memberi butiran secara detail tetapi yang pentingnya Malaysia pun telah menjadi ketua dalam badan Assistance Mobilization Group (MG) yang melibatkan negara-negara OIC dan kita juga telah menawarkan bantuan dalam bentuk ketenteraan kita untuk ditempatkan bersama-sama dengan tentera

NATO, dan juga pelbagai perkara yang dapat menyokong dari segi mengimplementasikan perjanjian perdamaian ini.

BEKALAN AIR KE KAMPUNG JALAN TAMPARULI-PEKAN

NABALU

7. **Tuan Yunof Edward Marinking** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk menambah bekalan air untuk kegunaan kampung-kampung sepanjang Jalan Tamparuli-Pekan Nabalau yang kini selalu menghadapi kekurangan air.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyedari masalah kekurangan bekalan air bagi kegunaan penduduk di kampung-kampung sepanjang Jalan Tamparuli-Pekan Nabalau. Walau bagaimanapun, bekalan air adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah.

Untuk mengatasi masalah ini di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, adalah dicadangkan penyambungan bekalan air daripada loji di Tamparuli dengan menyediakan booster pumping station yang dibuat melibatkan anggaran kos RM3 juta. Jabatan Air Negeri telah mengesahkan akan melaksanakan projek tersebut.

Tuan Yunof Edward Edward Marinking: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan itu. Saya ingin bertanya adakah rancangan spesifik mengenai pembekalan air itu dan kalau ada, walaupun memang air adalah di bawah kuasa negeri, tetapi tidaklah salah untuk berunding. Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah lebih munasabah kalau kementerian membuat kajian untuk menggunakan air gravity daripada

menggunakan booster, oleh kerana pada jangka masa yang panjang menggunakan booster ini adalah terlalu tinggi kosnya. Jadi, kalau kita menggunakan pressure adalah lebih murah dan menjimatkan masa. Oleh itu saya ingin bertanya sudahkah kementerian membuat kajian di antara dua facilities itu?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, penduduk di situ menerima gravity dan itu pun kita menghadapi masalah pada musim kemarau. Oleh sebab itu, untuk memberi satu perkhidmatan yang baik, walaupun kosnya tinggi Kerajaan Barisan Nasional mampu memberi bekalan air yang bersih. *[Tepuk]*

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan air adalah keperluan asas yang penting bagi rakyat, jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan berapa peratuskah kawasan-kawasan di negara ini, yang masih belum menerima bekalan air dan bilakah seluruh rakyat di negara ini akan memperolehi bekalan air yang sepenuhnya?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu tidak bersangkutan langsung.

Dato' K. Kumaran: Tidak payah jawab. *[Ketawa]*

SYARIKAT PENSWASTAAN KEMUDAHAN/ KHIDMAT - CAJ BAYARAN BERPATUTAN

8. **Tuan Wong Kam Hoong** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan syarikat-syarikat penswastaan untuk kemudahan dan khidmat memberikan kemudahan dan

khidmat dengan bayaran yang berpatutan dan munasabah demi mencegah inflasi di samping meringankan beban rakyat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat yang terlibat dalam penswastaan untuk memberi kemudahan dan khidmat adalah tertakluk kepada satu perjanjian yang ditandatangani di antara kerajaan dan pihak syarikat serta akta yang berkaitan.

Sesuatu kadar tarif yang dikenakan adalah berdasarkan kepada rundingan terperinci di antara pihak kerajaan dan syarikat sebelum perjanjian ditandatangani oleh kerajaan dan setelah kerajaan berpendapat bahawa kadar yang akan dikenakan adalah munasabah untuk viability projek berkenaan dan berpatutan kepada pengguna.

Kerajaan juga memastikan supaya setiap syarikat yang menyediakan kemudahan atau khidmat di bawah penswastaan tidak menaikkan tarifnya tanpa mendapat persetujuan daripada kerajaan terlebih dahulu. Selaras dengan itu, kementerian yang berkenaan akan meneliti semua cadangan yang dikemukakan oleh pihak syarikat dan seterusnya membuat perakuan sewajarnya untuk pertimbangan kerajaan. Dalam menimbang cadangan pihak syarikat tersebut, pertimbangan sewajarnya akan diberikan kepada implikasi cadangan kenaikan ke atas dasar-dasar kerajaan khususnya bagi membendung inflasi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Syarikat-syarikat penswastaan yang memberi kemudahan yang sedemikian, tiap-tiap tahun kita mendengar mereka mendapat keuntungan yang begitu besar

dan memberi bonus kepada ahli-ahli pekerjaanya sampai 6 bulan gaji. Jadi, soalan saya dalam masa yang sama, mereka juga minta kenaikan tarif, jadi apakah rasional di belakangnya?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, selalunya kalau diambil kira emolumen ataupun bayaran gaji dalam sesebuah organisasi syarikat, kebanyakannya tidak lebih dari 7% atau 5% dari jumlah kos pengurusan syarikat keseluruhannya. Ini bagi sesetengah syarikat besar pada amnya. Jadi, kalaulah diambil kira bonus yang dibayar walaupun 6 kali ganda gaji, pada keseluruhannya kos yang meningkat itu tidak akan mencemarkan dan tidak akan membebankan syarikat itu, hingga membolehkan ia meminta atau memohon tambahan tarif yang dikenakan. Jadi, saya rasa kerajaan juga akan menimbang aspek-aspek sebegini sekiranya terdapat permintaan untuk meningkatkan tarif.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Jabatan Perdana Menteri bercadang mengkaji semula syarat-syarat penswastan di bawah perjanjian (agreement) dengan syarikat-syarikat tertentu apabila cara kutipan yuran atau bayaran dianggap tidak berpatutan atau tidak ada justifikasi? Contohnya, Indah Water telah mengutip yuran bulanan sebelum perkhidmatannya dilaksanakan dan juga arrears bagi tempoh masa sebelum perkhidmatan dimulakan, adakah kementerian Yang Berhormat akan mengkaji semula syarat-syarat di bawah perjanjian ini?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi mengenai Indah Water telah banyak dibincangkan dan memang kerajaan

sedang meneliti segala apa yang telah diperlakukan oleh Syarikat Indah Water, tetapi pada setakat ini tidak menimbulkan masalah hingga memerlukan pindaan menukarkan perjanjian. Kerajaan hanya mengkaji cara Indah Water mengenakan tarif kepada pengguna-pengguna setakat ini.

INSTITUT/PERKHIDMATAN PERUBATAN - PENSWASTAAN

9. Tuan Fu Ah Kiow minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jabatan-jabatan/perkhidmatan perubatan yang akan diswastakan pada Rancangan Malaysia ke-7; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan rakyat yang miskin akan terus menikmati perkhidmatan perubatan termasuk rawatan, diagnostik dan bekalan ubat-ubatan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji

Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti beberapa institut dan perkhidmatan perubatan yang dicadangkan untuk diswastakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu meliputi penggal antara 1986 hingga tahun 2000, iaitu:
 - (i) perkhidmatan sokongan di hospital-hospital, perjanjian konsesi dengan tiga buah syarikat konsortium yang telah dilantik dijangka akan ditandatangani dan dilaksanakan pada permulaan tahun 1996. Perkhidmatan-perkhidmatan sokongan terdiri dari pembuangan sisa-sisa

- klinikal atau clinical waste management, dengan izin, perkhidmatan pembersihan dalam dan luar (hospital cleansing services), perkhidmatan linen, perkhidmatan penyelenggaraan kejuruteraan (engineering maintenance) dan perkhidmatan penyelenggaraan bio-medical; dan
- (ii) meliputi pembangunan semua tapak-tapak hospital, kerajaan sedang menimbang beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak swasta untuk membangunkan semua beberapa tapak hospital kerajaan seperti Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Permai.
 - (iii) pengkorporatan hospital-hospital di Malaysia, kajian masih dijalankan.
- (b) Kerajaan akan terus memberi jaminan untuk menjaga kepentingan pesakit-pesakit yang miskin dan mereka terus menikmati perkhidmatan perubatan termasuk rawatan, diagnostik dan bekalan ubat-ubatan.

Kadar bayaran perkhidmatan perubatan oleh pesakit-pesakit tertakut kepada Perintah Fee Perubatan 1982. Setakat kementerian tiada cadangan untuk meminda kadar bayaran tersebut.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pohon penjelasan dan juga termasuk sebagai cadangan masa hadapan.

Menyentuh tentang perkhidmatan perubatan di hospital-hospital untuk rakyat yang miskin, adakah kerajaan bercadang pada masa akan datang untuk menyediakan perkhidmatan makanan kepada semua pesakit-pesakit kelas 1, kelas 2, kelas 3 - sama sahaja makanan? Ini rasionalnya, kalau yang miskin dia hanya mengharapkan makanan dari hospital, yang kaya kadang-kadang dibawa oleh isteri-isteri [*Ketawa*] ataupun keluarganya. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan bahawa kerajaan sentiasa prihatin kepada masalah yang dihadapi oleh mereka yang kurang berpendapatan. Oleh sebab sistem kita membuat agihan kemudahan mengikut kadar bayaran atau perintah fee yang saya sebutkan tadi, maka berpatutan kemudahan atau service yang disediakan termasuk makanan dan Ahli Yang Berhormat jangan susah hati kerana kaedah penyediaan makanan itu memang setimpal dan cukup dietnya. Kalau tak percaya bolehlah Yang Berhormat check.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa Kementerian Kesihatan bercadang mengasingkan perkhidmatan out-patient dengan hospital. Adakah ini merupakan satu langkah awal untuk menswastakan perkhidmatan hospital?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya langkah ini bukanlah cadangan di peringkat awal atau di sebaliknya

tetapi memandangkan kepada separuh hospital yang begitu terdesak dengan pesakit-pesakit dan oleh kerana hospital seperti Hospital Besar menyediakan semua kemudahan adalah dirasakan lebih baik untuk dipisahkan perkhidmatan out-patient seperti di peringkat poliklinik supaya tumpuan dan perkhidmatan yang lebih cepat boleh diberikan kepada pesakit-pesakit luar khususnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

[Soalan No. 10 - Y. B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hamzah bin Ramli.

[Soalan No.11 - Y. B. Tuan Hamzah bin Ramli tidak hadir]

SUKOM 1998 - PERSIAPAN

12. Tuan Yeong Chee Wah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan setakat manakah persiapan untuk menghadapi SUKOM pada tahun 1998 yang akan datang, jumlah peruntukan yang telah disediakan, berapakah kekurangan kewangan masih belum diselesaikan, apakah masalah lain yang dikenalpastikan oleh kementeriannya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan di sini bahawa soalan yang menyentuh mengenai persiapan negara di dalam usaha penganjuran Sukan Komanwel 1998 telah pun dijawab di Dewan ini pada 14hb. dan 15hb. November yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan kewangan yang terlibat di dalam usaha penganjuran Sukan Komanwel 1998 boleh dibahagikan kepada dua iaitu bagi maksud operasi dan pembangunan. Peruntukan bagi maksud operasi terletak sepenuhnya ke atas SUKOM Ninety Eight Bhd. Untuk maksud itu, syarikat berkenaan telah memulakan usaha bagi mendapatkan sumber-sumber kewangannya sendiri. Kerajaan hanya memberikan pinjaman

sebanyak RM10 juta kepada SUKOM Ninety Eight Bhd. pada tahun 1993 bagi membolehkannya memulakan operasi. Setakat ini SUKOM Ninety Eight Bhd. telah berjaya mengumpulkan hasil sebanyak RM60.5 juta. Adalah dianggarkan bahawa SUKOM Ninety Eight Bhd. akan memperolehi hasil sebanyak RM317 juta, sementara perbelanjaannya pula dijangkakan sebanyak RM295 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan sukan untuk kegunaan jangka panjang seperti penyediaan venue-venue pertandingan, pusat kawalan doping dan kemudahan-kemudahan lain. Di samping itu, kerajaan turut menyalurkan peruntukan bagi latihan atlit-atlit negara. Daripada sejumlah RM448.8 juta yang diperuntukkan kepada Kementerian Belia dan Sukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak RM221 juta adalah bagi maksud penyediaan Sukan Komanwel 1998. Daripada jumlah itu, sebanyak RM90 juta adalah peruntukan secara langsung sementara RM131 juta merupakan pinjaman kepada United Engineers Malaysia bagi pelaksanaan projek Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil. Peruntukan tambahan akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kerana peruntukan yang telah diberikan di bawah Rancangan Malaysia Keenam masih belum mencukupi. Bagi tahun 1996 sahaja peruntukan tambahan yang diperlukan dijangkakan sebanyak RM131.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa masalah yang telah dikenal pasti oleh kementerian adalah berkaitan dengan penyediaan atlit-atlit negara, namun

begitu soal ini juga telah dijawab di Dewan ini pada 15hb. November tahun yang lalu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Melihat kepada prestasi kita dalam Sukan SEA di Chiang Mai baru-baru lepas dan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bahawa masalah yang dihadapi dalam kegiatan sukan negara kita ialah terlalu banyak politicking dalam persatuan-persatuan yang menyebabkan prestasi kita menurun. Kita mempunyai tempoh masa tiga tahun lagi untuk Sukan Komanwel 1998. Soalan saya, apakah langkah-langkah tegas yang sedang disusun oleh kerajaan dari sekarang, dalam jangka masa tiga tahun ini untuk menyelesaikan masalah dalaman di kalangan persatuan-persatuan sukan dan apabila masalah ini selesai, saya percaya prestasi kita dapat ditingkatkan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Sukan SEA Games yang baru lepas nampaknya bahawa prestasi negara kita ini kurang baik. Ini adalah satu hakikat kerana kita tidak dapat memenangi sebanyak 50 pingat emas. Walau bagaimanapun, negara kita ini mempunyai potensi-potensi supaya kita dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang pada tahun yang akan datang.

Tindakan-tindakan yang tegas sedang diambil dan Kementerian Belia dan Sukan telah meminta semua persatuan-persatuan sukan untuk menjalankan post-moterm supaya laporan itu dapat dihantar kepada kementerian supaya tindakan-tindakan yang sesuai dan serius dapat diambil terhadap sukan-sukan yang tidak dapat menunjukkan prestasi yang kita harapkan. Bukan sahaja masalah politicking di dalam persatuan-persatuan sukan tetapi juga masalah

seperti indiscipline, dengan izin, keberkesanan program latihan ataupun mutu-mutu juru latih, baik juru latih dari luar negeri ataupun juru latih tempatan dan juga masalah-masalah yang lain. Kementerian akan mengambil tindakan supaya ini dapat dibetulkan.

Tuan Yeong Chee Wah: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Sukan SEA diadakan di Thailand. Sejauh manakah kementerian berpuas hati dengan keputusan yang diperolehi oleh peserta-peserta negara kita dan apakah tindakan tatatertib akan diambil kepada peserta-peserta yang tidak mematuhi disiplin?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat lebih kurang sama dengan soalan yang awal tadi.

JAMBATAN SUNGAI KERAYONG, JALAN KELANG LAMA - KEROSAKAN

13. **Tuan Liew Ah Kim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sedar kesesakan lalu lintas di Batu Empat Setengah, Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur adalah disebabkan kerosakan jambatan yang menghubungkan Jalan Kelang Lama dan Kuala Lumpur sejak sebelum pilihan raya April 1995. Jika sedar, bilakah tender bagi memperbaiki jambatan ini ditawarkan, dan sila nyatakan kontraktor yang mendapat tawaran memperbaiki jambatan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar kerosakan jambatan yang menyeberangi Sungai Kerayong di Batu Empat Setengah, Jalan Kelang Lama telah menambahkan kesesakan lalu lintas di jalan tersebut. Buat sementara waktu kerja-kerja penyesuaian telah dibuat di bahagian jalan yang terlibat untuk melicinkan perjalanan lalu lintas. Pengguna-pengguna jalan raya juga telah dinasihatkan melalui media massa untuk menggunakan jalan alternatif ke kawasan tersebut bagi mengurangkan

kesesakan lalu lintas. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun menawarkan kontrak untuk membina semula jambatan berkenaan kepada syarikat GMP Construction Sdn. Bhd. pada bulan Oktober, 1995. Kerja-kerja fizikal adalah dijangka bermula pada bulan Januari 1996 dan dijangka siap pada bulan April, 1997 iaitu dalam masa 18 bulan.

Tuan Liew Ah Kim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menghuraikan apakah sebabnya kelambatan untuk menjalankan tender ataupun tawaran tentang kerja untuk memperbaiki ataupun membina semula jambatan yang dirosakkan itu? Apakah sebabnya?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kita mesti tahu bahawa peruntukan untuk pembinaan jambatan ini tidak ada dalam Rancangan Malaysia Keenam ini. Maka oleh kerana itu, kerana perkara ini berlaku di luar dugaan, bermakna kita terpaksa mencari peruntukan di mana-mana dahulu. Jadi, masa untuk mencari peruntukan itu berjalan sehingga kita dapat peruntukan itu, maka barulah kita proseskan untuk dikeluarkan tender, yang sudah tentu mengeluarkan tender ini memakan masa lama sedikit. Jadi, ini sebenarnya sebab kelambatan itu.

Dato' Yap Piau Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu sama ada ada rancangan ataupun tidak untuk melebarkan jalan-jalan lama untuk mengatasi kesesakan lalu-lintas di situ?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita sedang menerima cadangan-cadangan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh. Kalau sekiranya rancangan ini sudah pun dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, saya yakin insya-Allah mungkin ada rancangan untuk membesarkan jalan.

PUSAT ASASI SAINS, UNIVERSITI MALAYSIA - KESAN PENGKORPORATAN

14. **Tuan Noh bin Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Pusat Asasi Sains di Universiti Malaya akan dikekalkan apabila universiti tersebut dikorporatkan kelak.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Sains di Universiti Malaya akan dikekalkan seperti sekarang apabila universiti tersebut dikorporatkan.

PADANG KELAB KTM, BRICKFIELDS - PENUTUPAN KERANA PEMBINAAN PUSAT PENTADBIRAN BARU

15. **Dr. Lee Chong Meng:** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berkenaan permintaan penduduk-penduduk di kawasan Brickfields mengenai projek Keretapi Tanah Melayu (KTM Bhd.) untuk membina satu blok Pusat Pentadbiran KTM di padang Kelab KTM, Jalan Tun Sambathan, Brickfields. Padang tersebut mempunyai sejarah lebih dari 100 tahun. Projek Rakan Muda dan sukan lain-lain telah dilancarkan di tempat itu. Penduduk-penduduk berharap padang itu atau 'green lungs' boleh dikekalkan dan Pusat KTM boleh dipindahkan ke Bangsar atau Sentul.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, konsep pembangunan Pusat Pentadbiran Baru KTMB di Brickfields telah dikenal pasti tentang kesesuaiannya berdasarkan faktor-faktor yang berikut:-

- (i) kawasan padang yang dicadangkan pembinaan Pusat Pentadbiran KTMB ayang baru adalah bekas tapak Kelab Sukan Keretapi (KSK). Kelab Sukan Keretapi telah ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan bersukan untuk kakitangan KTMB khususnya. Sungguhpun demikian, KTMB tidak pernah menghalang dari digunakan oleh orang awam.
- (ii) KTMB telah memutuskan untuk memindahkan KSK ke Sentul Raya kelak yang akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang lebih moden apabila siapnya kompleks mini-stadium yang serba lengkap dengan padang bola.
- (iii) Lokasi Pusat Pentadbiran KTMB yang baru di Brickfields adalah didapati sangat sesuai dengan pembangunan semula kawasan Brickfields yang akan menampilkan kompleks KL Stesen yang akan menjadi pusat tumpuan untuk kemudahan-kemudahan di Bandaraya Kuala Lumpur khususnya.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa pihak KTMB masih ada berapa keping tanah di Sentul atau di Bangsar, bolehkah pihak kementerian mengarahkan bahawa KTMB mengambil tindakan untuk memindahkan projek itu ke Bangsar yang lebih sesuai?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, selepas Kementerian Pengangkutan meneliti segala aspek mengenai projek ini, seperti saya katakan tadi memang didapati sesuai supaya Pusat Pentadbiran KTMB diadakan di padang bekas Kelab Sukan Keretapi. Jika orang awam ataupun ada pihak-pihak minat juga menggunakan padang, memang terdapat lagi dua-tiga padang di sebelah Brickfields, seperti padang kepunyaan YMCA dan juga dua buah sekolah yang berdekatan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Adakah cadangan Kementerian Pengangkutan untuk membangunkan ataupun meminta pihak-pihak swasta bagi membangunkan tanah-tanah milik KTM yang setakat hari ini kita nampak begitu banyak, terutamanya di kawasan-kawasan sebelah Brickfields dan juga kawasan Kepong? Soalan selanjutnya, adakah kementerian mendapat permohonan daripada mana-mana pihak syarikat untuk membangunkan kawasan tanah rezab KTM yang sekarang ini telah dibina sebahagiannya dengan kompleks perniagaan untuk memberikan peluang kepada pemilik kompleks perniagaan tersebut memanjangkan/meluaskan lagi bangunan tersebut. Adakah juga

cadangan kementerian beliau bagi memberikan keutamaan kepada syarikat yang tertentu?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelebu. Mengenai harta benda kepunyaan KTMB di seluruh negara memang Kementerian Pengangkutan mempunyai sikap terbuka, iaitu pihak swasta memang jika minat dapat memberi cadangan kepada KTMB ataupun Kementerian Pengangkutan supaya mana-mana satu tapak kepunyaan KTMB dapat dibangunkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pengangkutan tidak memberi keutamaan kepada mana-mana syarikat yang tertentu dari segi penswastan ini.

PENGGUNA TELEFON SELULAR, LEMBAH KELANG - KERUMITAN

16. **Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementeriannya sedar tentang kerumitan yang dihadapi oleh pengguna-pengguna telefon bimbit di kawasan-kawasan Kuala Lumpur terutama di sepanjang lebuh raya dari Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, di Jalan Parlimen ke Jalan Pekeliling dan kawasan-kawasan berdekatan. Adakah rancangan kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sememangnya sedar pada masa ini terhadap sedikit kerumitan yang dihadapi oleh pengguna-pengguna telefon selular di kawasan-kawasan yang dimaksudkan, iaitu di sepanjang lebuh raya dari Lapangan Terbang

Antarabangsa Subang, di Jalan Parlimen ke Jalan Pekeliling dan kawasan-kawasan berdekatan. Keadaan ini berlaku kerana pada masa ini jumlah Radio Base Station (RBS) yang dipasang di kawasan ini belum mencukupi untuk liputan menyeluruh. Ini wujud kerana di kawasan ini tidak terdapat bangunan-bangunan tinggi yang sesuai untuk menempatkan RBS, dan di samping itu, terdapat bukit-bukit yang boleh menyekat liputan radio untuk kemudahan pengguna.

Walau bagaimanapun, semua pengusaha perkhidmatan selular telah memaklumkan kepada kementerian saya bahawa kerumitan ini akan dapat diperbaiki pada awal tahun depan apabila RBS dapat dipasang di tempat-tempat disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Menteri sedar bahawa ada kawasan yang bukan sahaja di mana menghadapi kerumitan penggunaan telefon selular. Kawasan selepas jejambat menuju ke Damansara atau Jalan Mahameru, di mana kegunaan telefon selular hilang effect langsung, dan boleh disifat sebagai kawasan “Bermuda Triangle,” di mana kapal terbang insolation hilang kegunaannya. Ada beberapa kawasan semacam ini di KL atau Lembah Kelang, dan adakah semua kawasan ini dikenal pasti, dan adakah semua kawasan ini masalahnya akan diatasi tahun depan?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, semua kawasan ini telah pun dikenal pasti oleh semua pengusaha perkhidmatan telefon selular, dan

langkah-langkah telah pun diambil, ataupun ada rancangan menyeluruh untuk mengatasi masalah ini oleh pihak pengusaha.

PERMOHONAN VISA PELAWAT DARI INDIA - KELEWATAN PROSES

17. **Dr. L. Krishnan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pelawat dari negara India ke Malaysia bagi tahun 1992, 1993, 1994; dan
- (b) apakah sebab-sebab kelewatan bagi memproses permohonan visa bagi pelawat dari India yang memakan masa lebih kurang 6 bulan bagi tujuan lawatan sosial ke Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian,

- (a) Jumlah pelawat dari negara India yang melawat Malaysia dalam tahun 1992 adalah seramai 66,501 orang; untuk tahun 1993 seramai 38,622 orang; dan tahun 1994 seramai 53,707 orang.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, tidak berlaku kelewatan mendapat visa bagi pelawat dari India yang datang untuk tujuan business dan melancong yang diuruskan oleh agensi pelancongan tempatan, kerana visa tanpa rujukan diberikan di Pejabat Perwakilan Malaysia di India.

Walau bagaimanapun, bagi pelawat India yang datang dengan Pas Lawatan (Sosial) untuk melawat

keluarga mereka, mereka dikenakan Visa Dengan Rujukan yang mana berlaku kelewatan sehingga ambil masa tiga bulan untuk proses dan kelulusan. Ini kerana permohonan mereka memerlukan penaja dan penaja perlu ditemuduga. Tempoh memproses dan kelulusan diberi bergantung kepada setakat mana kerjasama dan kehadiran penaja untuk ditemuduga.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak pelawat-pelawat dari India melawat Malaysia pada hari ini kerana Malaysia sebuah negara yang baik dan bagus. Yang datang ini, Tuan Yang di-Pertua, berapa ramai yang overstay di Malaysia yang kebanyakannya tidak mahu balik dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan mereka ini tidak overstay dan kembali setelah membuat lawatan di Malaysia ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang overstay ini maknanya mereka tidak ikut peraturan Imigresen, maka memang tidak ada statistik yang tepat. Oleh sebab itulah adanya kemungkinan pelawat daripada negara-negara bukan sahaja India daripada negara-negara yang lain juga, maka peraturan yang memerlukan penaja itu dikenakan supaya apabila sekiranya mereka datang melawat secara sosial itu enggan hendak balik, maka penaja mereka itu akan kita pegang. Ini satu cara yang nampaknya berkesan, kecuali

kalau pelancong datang tidak mahu balik, itu adalah sukar sedikit hendak dikawal. Industri pelancongan ini kena kita jaga, tidak boleh kita terlalu ketat.

Tuan Mohamed bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah hukuman yang diambil ke atas penaja-penaja yang melawat yang tidak pulang ke India selepas tempoh pasportnya tamat?

Tuan Ong Ka Ting: Penaja - Mereka yang memberikan deposit kepada kerajaan itu akan dirampas dan kalau sekiranya mereka ini telah pun dikenakan tindakan, mereka yang malawat itu akan disenaraihitamkan supaya mereka tidak senang-senang sangat masuk ke negara ini lagi.

BARANGAN KAWALAN - HASRAT KERAJAAN

18. **Dr. G. Leelavathi** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan seperti yang dimaklumkan baru-baru ini daging ayam telah disenaraikan sebagai barangan kawalan oleh pihak kementerian. Selain daripada daging ayam, apakah barangan lain yang pihak kementerian berhasrat untuk menjadikan sebagai barangan kawalan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho): Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedang membuat peraturan untuk menjadikan ayam sebagai barang berjadual di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Dengan pengisytiharan ini semua urusan ayam diwajibkan lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian berpendapat bilangan barang-barang yang telah dijadikan sebagai barang kawalan sehingga ini adalah cukup untuk menampung keperluan semasa.

Dr. Lee Chong Meng: Tentang isu ayam, saya mesti ucaplah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang isu penyenaian daging ayam sebagai barangan berjadual para penternak tiadalah alternatif yang lain kerana inilah keputusan kerajaan. Adakah Menteri berkenaan sedar bahawa setakat ini para penternak pada masa ini, harga ayam yang dijual adalah lebih kurang RM2.20 sekilo dan kos keluaran adalah RM2.80 sekilo, jadi kerugian sebulan adalah lebih kurang RM40 juta. Jadi, saya hendak tanya apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengekalkan industri ternakan yang termoden di rantau ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, masa sekarang oleh kerana bekalan ayam di pasaran kita adalah berlebihan, oleh itu harganya turun ke tahap yang rendah sekali. Kementerian saya sedang mengawal selia keadaan ini dan berkenaan untuk melindungi penternak-penternak ayam adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, ini pasal ayam, memang makanan harian kita ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ini memberi jaminan kalau boleh, sama ada bekalan ayam akan mencukupi pada hari perayaan Hari Raya dan juga Tahun Baru Cina yang akan datang ini? Adakah kementerian menghadapi masalah semasa perayaan tersebut untuk mendapat bekalan yang mencukupi bagi penggunaan masyarakat kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan bahawa pada hari biasa keperluan bekalan ayam adalah dianggarkan kira-kira 800 ekor sehari [*Ketawa*] 800,000 ekor sehari tetapi pada musim perayaan, keperluan ini meningkat ke tahap kira-kira 1.1 juta ekor sehari. Oleh itu, kementerian saya akanewartakan ayam sebagai barangan kawalan di samping itu kementerian saya juga sudah banyak kali mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi kerajaan seperti FAMA, Haiwan, NAFAS dan Persatuan Penternak-penternak Ayam Malaysia dan mereka telah memberi jaminan atau komitmen bahawa bekalan ayam akan mencukupi pada hari perayaan.

DAFTAR GERAK - JUMLAH DIDAFSTAR DAN KOS PERBELANJAAN

19. **Tuan Michael Lisa Kaya** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah penduduk di kawasan luar bandar di negeri Sarawak yang didaftarkan dan diberikan kad pengenalan baru pada tahun ini sejak Daftar Gerak dilaksanakan dan pecahan mengikut kaum dan bahagian di seluruh negeri Sarawak; dan
- (b) jumlah kos perbelanjaan sejak Daftar Gerak dilaksanakan dan rancangan kerajaan untuk mempercepatkan proses pendaftaran di seluruh negeri Sarawak.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah penduduk di kawasan luar bandar di negeri Sarawak yang didaftarkan dan dikeluarkan dengan kad pengenalan baru pada tahun ini iaitu sejak program lawatan khas dilaksanakan ialah seramai 19,017 orang, di mana pecahan mengikut kaum dan kawasan ialah seperti berikut :-

	<u>Kawasan</u>	<u>Jumlah</u>	<u>Kaum</u>
	Padawan	606	Bidayuh
	Bekenu	3,629	Kedayan, Iban
&			Melayu
	Siburan	629	Cina
	Lawas	564	Murut
	Miri (Persisiran)	879	Cina,
Melayu&Iban			
	Kuching	3,134	Melayu,
Iban&Cina			
	Kg. Gobilt, Senari & Sijingkat	359	Melayu
	Sg. Tengah	98	Melayu
	Julau	2,272	Iban
	Sibu	4,538	Cina & Iban
	Lubuk Antu	384	Iban
	Semarahan	155	Melayu
	Sejejak	149	Melayu
	Kanowit	1,621	Iban
	<u>JUMLAH:</u>	19,017	

- (b) Jumlah kos perbelanjaan lawatan khas ke kawasan-kawasan pedalaman Sarawak ialah sebanyak RM109,400. Di antara usaha yang diambil oleh kerajaan dalam mempercepatkan proses pendaftaran kad pengenalan di negeri tersebut ialah dengan menggiatkan usaha mengadakan lawatan dari semasa ke semasa di samping mempertingkatkan daya pengeluaran, mempermudah

pengisian borang serta mempercepatkan penghantaran permohonan ke Ibu Pejabat Petaling Jaya dengan menggunakan perkhidmatan Pos Laju.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, pada pengakhiran tahun 1995, didapati Jabatan Pendaftaran Negeri Sarawak ada kesuntukan sumber kewangan untuk menghantar pegawai menjalankan tugas mereka ke pedalaman negeri Sarawak. Dengan itu datang seorang dermawan Ahli Dewan Rakyat memberi RM3 juta untuk kemudahan sedemikian. Ahli Dewan Rakyat di Sarawak pun banyak yang diminta supaya memohon kepada SDO, Pegawai Pembangunan Negeri supaya sumber kewangan diberi kepada Jabatan Pendaftaran.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah, apakah tindakan kementerian ataupun kerajaan agar kesuntukan kewangan ini tidak berlaku untuk tahun 1996 yang mana tahun penghabisan ataupun akhir untuk pendaftaran tersebut.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, wang-wang daripada dermawan itu, saya kena betulkan ulasan ini. Wang-wang itu tidak diberikan kepada Jabatan Pendaftaran Negara, sebaliknya dibelanjakan untuk kemudahan rakyat yang memohon dan juga kemudahan perjalanan ataupun mereka atau wakil rakyat itu membantu si pemohon yang daripada pedalaman yang miskin dari segi gambar dan sebagainya. Tetapi, Jabatan Pendaftaran Negara tidak boleh menerima satu sen pun daripada sesiapa penderma untuk mengelakkan sebarang teguran ataupun penyelewengan yang mungkin terjadi. Itu satu penjelasan.

Kerajaan memang mengalu-alukan sesiapa sahaja wakil rakyat ataupun orang yang mampu membantu exercise ini, operasi ini tetapi Jabatan Pendaftaran Negara tetap akan mengikut prosedur yang ditetapkan tidak akan memberi kelonggaran untuk mana-mana pihak, JPN Sarawak akan menentukan supaya pada tahun Belanjawan 1996 ini kita akan mempunyai kewangan yang cukup dari segi pemprosesan dan juga perjalanan pegawai.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai dengan lawatan khas ataupun daftar bergerak ini, saya ingin bertanya kepada pihak Timbalan Menteri adakah pihak kementerian menyediakan peruntukan-peruntukan tertentu yang dikhususkan untuk lawatan-lawatan khas ini bagi negeri-negeri disebabkan di beberapa tempat, Tuan Yang di-Pertua, alasan pegawai-pegawai pendaftaran di peringkat daerah ialah tidak ada peruntukan untuk tujuan tersebut. Jadi, adakah peruntukan dikhaskan bagi perkhidmatan tahunan dan jika ada berapa jumlah untuk negeri Sarawak?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak menetapkan peruntukan untuk setiap negeri tetapi Jabatan Pendaftaran Negara peringkat negeri perlu mengemukakan permohonan setiap kali memberikan kegiatan berdasarkan kegiatan yang akan mereka jalankan itu, JPN Ibu Pejabat akan meluluskan mengikut kegiatan yang dicadangkan dan kita tidak terlebih dahulu memperuntukkan berapa untuk negeri yang mana, ini kita kena tengok permintaan itu.

JALAN-JALAN KAMPUNG - PEMASANGAN LAMPU ELEKTRIK

20. **Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah kerajaan bercadang supaya

semua jalan masuk ke kampung-kampung di luar bandar dipasang dengan lampu-lampu elektrik sebagai tanda tunjuk adanya kampung, di samping menjaga keselamatan pengguna yang melalui jalan masuk tersebut dari kemalangan jalan raya dan rompakan, bilakah cadangan tersebut akan dijalankan serta selesai dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang menimbang cadangan untuk memasang lampu-lampu jalan termasuk lampu jalan masuk ke kampung-kampung di luar bandar, tempat-tempat awam seperti pondok telefon, dewan orang ramai, surau, klinik dan sebagainya, persimpangan-persimpangan jalan dan lain-lain kawasan tumpuan ramai. Jika cadangan ini diluluskan, ianya akan mula dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Yang Ketujuh dan seterusnya secara berperingkat-peringkat.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.4, 10,11, dan 21 hingga 27 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PASPORT (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pasport 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN 1995

Bacaan Bagi Kali Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-Undang Pendidikan 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[Hari Isnin, 18hb. Disember, 1995]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, sila sambung.

3.35 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, John Naisbitt dalam bukunya *Megatrends Asia* mengatakan bahawa 85% dari sejumlah 57 juta keturunan Tionghua seberang laut kini tertumpu di wilayah Asia Tenggara. Dari jumlah tersebut 5.5 juta adalah rakyat Malaysia dan mereka merupakan 30% dari keseluruhan rakyat di negara ini.

Di Thailand terdapat seramai 6.1 juta keturunan Tionghua. Tetapi, mereka hanya merupakan 3% dari seluruh rakyat di negara berkenaan. Di Indonesia, terdapat seramai 6.5 juta keturunan Tionghua. Mereka juga hanya merupakan 4% dari keseluruhan penduduk di republik tersebut. Dan di Filipina pula, terdapat seramai 1 juta keturunan Tionghua. Jumlah ini hanya merupakan 3% dari keseluruhan penduduk di negara itu.

Statistik di atas jelas membuktikan bahawa jumlah peratusan keturunan Tionghua di Malaysia berbanding dengan keseluruhan penduduk hari ini adalah besar dan signifikan. Statistik ini menjadi lebih signifikan apabila keturunan India di Malaysia pula merupakan 10% dari keseluruhan penduduk di negara ini.

Maka, sudah sewajarnya statistik yang sedemikian memberi satu keinsafan kepada semua pihak yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap kesejahteraan ummah untuk tidak sekali-kali memandang ringan, apatah lagi untuk memperkotak-katikkan kedudukan keturunan Tionghua dan lain-lainnya di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah Dasar Pendidikan Negara, sejak Laporan Razak yang menjelmakan Ordinan Pelajaran 1957 hingga ke Akta Pelajaran 1961 dan juga Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang sedang dibahaskan hari ini, sentiasa memberi perhatian khusus terhadap sensitiviti semua kaum yang menjadi rakyat Malaysia.

Sebab itulah, atas nama suatu kompromi dan atas nama satu toleransi serta demi kesejahteraan ummah yang diharap akan berkekalan, maka Ordinan Pelajaran 1957, Akta Pelajaran 1961 dan juga Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini sentiasa memelihara kewujudan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil serta sekolah menengah Cina swasta.

Sikap toleransi yang diilhamkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak ini berdasarkan kepada realiti kaum di Malaysia sejak dekad-dekad awal kemerdekaan negara lagi. Falsafah abadi yang tersirat di sebalik laporan tersebut, seperti yang termaktub di dalam Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, ialah: “Kami berpandu kepada maksud hendak menjadikan bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan di negeri ini dengan tiada merosakkan atau menyekat bahasa dan kebudayaan bangsa lain yang diam di negeri ini.” Minta maaf, bahasa lama sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, kebijaksanaan yang tercermin menerusi Laporan Razak ini amat jauh sekali bezanya dengan Penyata Barnes 1951, dengan izin, yang tidak langsung mengambil kira komposisi kaum secara realistik. Penyata Barnes hanya mencadangkan kewujudan sekolah nasional yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sahaja. Penyata Barnes hanya berpendapat bahawa sekolah Cina dan sekolah Tamil hendaklah dihapuskan kerana “aktivitinya menjadi duri dalam daging pemerintahan penjajah Inggeris.”

Namun begitu, Laporan Razak terus dikecam dan dikritik, baik oleh orang Melayu atau sebaliknya, Tetapi, pihak bukan Melayu khususnya pemimpin dan penyokong DAP dengan tidak jemu-jemu mengatakan

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak, Yang Berhormat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak izinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak izinkan!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tetapi pihak bukan Melayu khususnya pemimpin dan penyokong DAP yang selama ini tidak jemu-jemu mengatakan kononnya sekolah Cina dan sekolah Tamil akan dihapuskan oleh Kerajaan Barisan Nasional perlu bersyukur. Mereka mesti bersyukur kerana Kerajaan Barisan Nasional yang dulunya Perikatan tidak menggubal Laporan Razak, Ordinan Pelajaran 1957, Akta Pelajaran 1961 dan juga Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini berdasarkan cadangan Penyata Barnes 1951 yang mahu menghapuskan sekolah Cina dan sekolah Tamil.

Di sinilah maka semua pihak mesti berterima kasih kepada kebijaksanaan Kerajaan Perikatan dan kini Kerajaan Barisan Nasional dalam konteks memelihara keharmonian kaum dan perpaduan nasional menerusi pendidikan di Malaysia.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, semua pihak yang cuba mencurigai keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional juga wajar bersyukur kerana Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini pula mengemukakan satu lagi konsesi kepada bukan Melayu. Rang Undang-undang ini memansuhkan seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 yang memberi kuasa kepada Menteri menukar taraf sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah kebangsaan. Sebab itulah maka Yang Berhormat Menteri Pendidikan sewaktu membentangkan Rang Undang-undang ini semalam menegaskan bahawa Rang Undang-undang ini digubal dengan mengambil kira kepentingan dan sensitiviti semua kaum di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sebahagian dari usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk meningkatkan penterjemahan cita-cita nasional bagi mewujudkan suatu Bangsa Malaysia yang bersatupadu di hari muka. Inilah jua usaha awalan ke arah merealisasikan kata-kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu, dengan izin, “wo-men dou xhi yi jia ren”, yang bererti bahawa semua kaum di Malaysia adalah satu keluarga.

Berdasarkan hakikat inilah saya menyokong usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk merangkumkan sensitiviti kepelbagaian bahasa di Malaysia ke

dalam sistem pendidikan negara ini, tanpa sekali-kali menghapuskan martabat bahasa Melayu seperti yang tercatat di dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan-penjelasan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta maaf, tidak ada masa. Inilah bukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang kukuh, moderate dan memang prihatin terhadap pemeliharaan kemuafakatan serta perpaduan nasional, di samping bertindak pragmatis selaras dengan tuntutan jagat yang global dan tuntutan negara bangsa yang sedang memburu kecemerlangan di abad ke-21 kelak. Saya harap rakyat Malaysia yang bukan Melayu akan insaf bahawa inilah yang dinamakan pengorbanan, inilah yang dinamakan pengabdian dan inilah juga yang dinamakan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional terhadap cita-cita mewujudkan satu bangsa Malaysia yang sejati di hari muka. Harap-harap janganlah ada lagi pihak-pihak yang cuba mengeciwakan pengorbanan, pengabdian dan keikhlasan Barisan Nasional ini.

Kepada segelintir orang Melayu yang menggelarkan dirinya intelektual ataupun professor, insafilah bahawa pengorbanan ini dilakukan demi survival bersama, demi kecermerlangan bangsa dan juga demi suatu hakikat bahawa kepelbagaian kaum di negara ini seharusnya dimanfaatkan ke arah peningkatan martabat bangsa dan bukannya dijadikan bahan nasionalisme sembrono yang akan hanya berakhir dengan anarki, perpecahan dan kehancuran. Oleh itu janganlah lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di fitnah ataupun di tohmah dan dituduh kononnya sebagai pengkhianat bangsa Melayu dan bahasa

Melayu kerana semata-mata kabinet beliau yang meluluskan pengubalan Rang Undang-undang ini. Kata-kata tanpa budi bahasa ini hanya mencerminkan tentangan mereka terhadap aspirasi nasional untuk melahirkan bangsa Malaysia yang sejati dan bangsa Malaysia yang semakin cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah kukuh, moderate dan prihatin terhadap perpaduan nasional amat bertentangan sekali dengan sikap tidak toleran dan pandangan singkat para pembangkang. Jika tidak, tidak mungkin Presiden Parti Semangat 46, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang semalam telah mempersoalkan kenapakah Kerajaan Barisan Nasional “memberi perlindungan undang-undang” kepada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dan 60 buah sekolah menengah Cina swasta yang dikekalkan status quonya menerusi Rang Undang-undang ini.

Dato Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta maaf. Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang semalam berkata “Kontroversi seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 nampaknya akan berakhir kerana seksyen seperti ini sudah tidak ada lagi dalam Rang Undang-undang baru”. Kenyataan ini menggambarkan bahawa Semangat 46 kecewa kerana seksyen 21(2) telah dimansuhkan, tetapi DAP menerusi kenyataan Ahli dari Tanjung pula mengalu-alukan pemansuhan seksyen tersebut. Jadi, sudah pasti Parti Semangat 46 ini akan mengecewakan DAP yang pernah mengiktiraf Parti Semangat 46 sebagai komrad perjuangan

untuk menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya 1990 dan 1995. Dalam pada itu, DAP juga mestinya kecewa kerana pemansuhan seksyen 21(2) ini menjadikan partinya kehilangan isu dan muflis modal politik yang selama ini digunakan untuk memperdayakan sokongan segolongan bukan Melayu.

Jadi, jelaskan bahawa Rang Undang-undang ini mempunyai strategi serta kebijaksanaan politiknya yang tersendiri. Ia menjadikan parti pembangkang bertelagah pendirian dan pendapat. Mudah-mudahan kelulusan Rang Undang-undang ini kelak akan membuka satu lembaran politik tanahair yang lebih harmonis di masa akan datang. Janganlah masalah isu pendidikan ini dipolitikkan sejak tahun 1957 hingga ke hari ini dan harap dengan wujudnya Rang Undang-undang ini segala-galanya akan mati dan berakhir.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong kewujudan Institut Pengajian Tinggi Swasta di negara ini. Pasti ia akan membolehkan Malaysia menjadi pusat kecermerlangan pendidikan di rantau ini. Namun begitu, saya harap perkara-perkara seperti berikut hendaklah dipertimbang dan dituntut supaya dilaksanakan oleh pengusaha-pengusaha IPT Swasta di negara ini.

- (i) Semua IPT Swasta dimestikan mewujudkan Tabung Biasiswa Bumiputera. Tiada mana-mana pihak boleh dikecualikan dari mewujudkan Tabung Biasiswa ini kerana inilah satu-satunya obligasi, dan inilah satu-satunya tanggungjawab sosial yang mesti dikenakan demi

membantu golongan bumiputera yang mahu menimba ilmu di IPT Swasta di negara ini. Tetapi oleh kerana peringkat akhir pengajian di sesuatu IPT Swasta di negara ini selalunya terpaksa dibuat di IPT kembarnya di luar negara, maka IPT Swasta di Malaysia juga hendaklah berunding dengan IPT kembarnya di luar negeri supaya mewujudkan Tabung yang sama kepada pelajar bumiputera cemerlang apabila mereka dikehendaki melanjutkan pelajaran mereka di peringkat akhir di luar negeri.

- (ii) Kelulusan dengan kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu hendaklah dijadikan satu syarat utama dan mutlak untuk semua pelajar tempatan yang mahu menimba ilmu di IPT Swasta di Malaysia.
- (iii) Semua pelajar dari negara asing yang menuntut di IPT Swasta di Malaysia mestilah lulus Ujian Kemahiran Bahasa Melayu sebagai syarat mutlak untuk mereka mendapat diploma ataupun ijazah masing-masing. Ini akan secara tidak langsung mengembangkan Bahasa Melayu ke merata jagat di masa akan datang.
- (vi) IPT Swasta yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar hendaklah dimestikan mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib kepada semula pelajarannya.

- (v) Mata pelajaran Agama Islam bagi penuntut Melayu dan mata pelajaran pendidikan moral bagi yang bukan Melayu ataupun bukan Islam hendaklah dijadikan mata pelajaran wajib di IPT Swasta di Malaysia. Ini akan menjadikan pendidikan di Malaysia sebagai satu-satunya yang menitikberatkan agama dan keluhuran moral umat sejagat.
- (iv) Mata pelajaran Pengajian Malaysia ataupun dengan izin, Malaysian Studies hendaklah diperkenalkan dan juga dimestikan kepada semua pelajar di IPT Swasta. Ini akan menebalkan semangat cintakan negara bagi pelajar tempatan dan akan membolehkan pelajar asing mengenali serba sedikit tentang negara ini iaitu tempat di mana mereka menikmati sistem pendidikan yang berwibawa.

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan di atas mungkin boleh disifatkan sebagai keterlaluan. Bagaimanapun, jika Kerajaan Barisan Nasional sanggup memberi "political will" ataupun iltizam siasah kepada penggubalan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini, tidak wajarkah pihak pengusaha IPT swasta merenungkan tuntutan ini dengan seikhlas-ikhlasnya dan melaksanakannya pula dengan penuh kesukarelaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Teluk Intan.

3.51 ptg.

Tuan Ong Tin Kim [Teluk Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kerana diberi satu peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita telah menunggu satu akta pendidikan baru yang dapat membayangkan perkembangan baru di negara kita dan memberi suatu garis panduan supaya generasi muda kita dapat menghadapi cabaran abad ke-21 yang akan datang itu. Kita telah berharap akta pendidikan baru ini akan dapat membayangkan semangat Wawasan 2020 dan more flexible, dengan izin dan dapat memberi pelonggaran supaya pendidikan di negara kita dapat berkembang selaras dengan perkembangan ekonomi negara kita dan menjadikan Malaysia satu centre of excellence, dengan izin, dalam bidang pendidikan di rantau ini.

Setelah membaca dengan teliti Rang Undang-undang Pendidikan 1995, saya rasa kecewa sedikit kerana saya dapati bahawa rang undang-undang ini bukan sahaja tidak selaras dengan Wawasan 2020, tidak selaras dengan perkembangan ekonomi dan pendidikan di dunia tetapi ia lebih merupakan satu lanjutan Akta Pelajaran 1961.

Sekolah-sekolah, institusi-institusi pendidikan baik sekolah atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan ataupun institut-institut pendidikan swasta masih tertakluk kepada kawalan-kawalan sekatan yang agak ketat. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menentang bahawa ada kalanya di mana kawalan dan sekatan adalah mustahak bagi mencapai sesuatu tujuan tetapi sekatan-sekatan

dan kawalan-kawalan yang dikenakan ini hendaklah di mana yang perlu sahaja dan untuk tujuan tertentu sahaja.

Dalam konteks rang undang-undang ini, kawalan dan sekatan yang dikenakan haruslah terhad kepada untuk mengawal standard dan kualiti pendidikan yang kita akan capai. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini, sekatan yang dikenakan boleh dikategorikan kepada empat aspek iaitu pertama, pengurusan. Kedua, bahasa pengantar di bawah seksyen 17. Ketiga, kurikulum kebangsaan di bawah seksyen 18 dan keempat, peperiksaan di bawah seksyen 19.

Saya tidak faham bahasa pengantar, ada apa kaitan dengan kualiti pendidikan? Mengapa sekatan ini hendak dimasukkan di dalam rang undang-undang ini?

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa perbelanjaan pendidikan semakin hari semakin meningkat. Tidak dapat dinafikan juga perbelanjaan pendidikan tidak dapat ditanggung oleh kerajaan sahaja. Kerana itu juga pihak swasta digalakkan untuk membantu kerajaan dalam bidang ini. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, seksyen 71 rang undang-undang ini mengharamkan sesiapa sahaja untuk menggalakkan ataupun menjalankan apa-apa kegiatan bagi maksud menubuhkan institusi pendidikan tinggi.

Di bawah seksyen 72, suatu kesalahan di bawah seksyen 71 boleh didenda tidak melebihi RM50,000 ataupun dipenjara tidak melebihi 5 tahun. Kalau ini dikatakan penggalakan, maka galakan seperti ini adalah aneh sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini twinning courses, dengan izin, dikendalikan oleh kebanyakan institusi pendidikan swasta dan juga universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan. Twinning courses dapat menampung sedikit sebanyak kekurangan pendidikan dan pengajian tinggi di negara kita. Ia telah memainkan satu peranan yang penting dalam bidang pendidikan negara kita dan setakat ini harus digalakkan.

Sebaliknya seksyen 77 rang undang-undang ini...

Tuan Liew Ah Kim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Seputeh bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ong Tin Kim: Tidak ada masa. Seksyen 77 rang undang-undang ini mengharamkan pengendalian kursus dan program seperti ini tanpa kelulusan bertulis daripada Menteri. Saya harap Yang Berhormat Menteri kita dalam pengurusan hal ehwal kementeriannya sehari-hari akan bersikap fleksibel dan liberal dalam meluluskan kursus seperti ini.

Suatu perkara saya terpaksa bangkitkan di sini juga ialah berkenaan seksyen 17 Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Seksyen 17, subseksyen 1 menetapkan bahawa Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28. Saya kurang faham apa maksudnya "yang ditubuhkan di bawah seksyen 28." Adakah ia bermaksud cuma sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan oleh kerajaan dapat dikecualikan dan sekolah-sekolah lain tidak dapat diberikan pengecualian? Kalau inilah maksudnya, saya boleh katakan cuma lebih 100 buah sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil di negara kita layak mendapat pengecualian dan lebih 1,000 buah sekolah-sekolah kebangsaan atau jenis

kebangsaan Cina tidak layak dapat menikmati pengecualian di bawah seksyen ini.

Jikalau inilah maksudnya maka apa jenis pula sekolah-sekolah yang tidak dirangkumi dalam pengecualian di bawah seksyen ini? Tetapi apa-apa juga maksudnya diberi kepada subseksyen ini, tidakkah ia bercanggah dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri bahawa kedudukan semua sekolah jenis kebangsaan baik Cina ataupun Tamil tidak akan berubah. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi satu penjelasan atas subseksyen ini supaya ia tidak membangkitkan segala kekeliruan kemudian hari.

Saya mengalu-alukan pengumuman Yang Berhormat Menteri malam tadi, bahawa kedudukan 60 buah sekolah-sekolah menengah persendirian Cina, kedudukan mereka akan dikekalkan dengan *status quo*, dengan syarat-syarat yang sedia ada dan juga unified examinations akan dikekalkan. Semua lembaga gabenor dan ciri-ciri sekolah-sekolah mission dan conforming school akan juga dikekalkan.

Saya harap semua permit lesen ataupun segala peraturan undang-undang kecil yang harus diuruskan dapat disempurnakan dengan secepat mungkin. Saya juga merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat meluluskan permintaan penubuhan Kolej New Era dengan segera. Ini akan memperkukuhkan keyakinan dan juga perhubungan antara masyarakat keturunan Cina dengan kerajaan yang telah dibukti dalam pilihan raya yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan pemansuhan seksyen 21(2) dalam Akta Pelajaran 1961. Dengan pemansuhan ini, kerajaan telah membuktikan bahawa keikhlasan kerajaan tidak akan menghapuskan sekolah-

sekolah Cina ataupun sekolah-sekolah Tamil selain daripada sekolah-sekolah yang melanggar peraturan-peraturan dan sekatan-sekatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana diberi peluang untuk turut berbahas atas Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Keningau.

4.03 ptg.

Datuk Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Tidak boleh dinafikan bahawa pendidikan adalah perkara yang amat penting bagi semua rakyat Malaysia dan dengan penuh harapan tentang apa yang disusun di dalam Rang Undang-undang ini akan membawa arah kemajuan dan pencapaian kepada Wawasan 2020 yang sering kali ditekankan oleh pemimpin-pemimpin di negara kita ini. Dalam hal ini ternyata sekali bahawa sebahagian besar daripada peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini adalah serupa dengan apa yang telah digubal dalam Akta Pendidikan 1961, dengan perubahan-perubahan yang tertentu dan terutama sekali dalam mukadimah di mana ia menggambarkan apakah tujuan kerajaan tentang masa hadapan kita di negara ini dan bagaimanakah kita cuba mencapainya.

Menerusi hala tuju pendidikan kita di negara Malaysia, kita memang bersetuju dengan apa yang telah disusun sebagai permulaan menggambarkan hala tuju dasar pendidikan kita melalui Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam apa sahaja bentuk Akta ataupun undang-undang yang kita gubal di negara kita ini dengan tujuan yang baik. Apa yang akhir-akhirnya perlu kita tekankan dan perlu kita pastikan ialah bahawa perkara-perkara yang dikatakan melindungi hak-hak rakyat Malaysia di dalam Rang Undang-undang ini dan juga berasaskan Perlembagaan Persekutuan adalah benar-benar dilakukan, adalah benar-benar dilindungi. Bukan setakat ianya diberi gambaran sahaja di dalam Rang Undang-undang, tetapi apabila dibuat pelaksanaan terutama sekali di peringkat bawahan, hasilnya bukan yang diharap-harapkan, tetapi lebih teruk lagi kerana dalam pelaksanaan itu ketidakadilan berlaku. Inilah yang perlu kita tekankan semasa kita bantangkan Rang Undang-undang ini.

Dalam perkara-perkara yang saya ingin sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua, yang memang menarik perhatian kita adalah hal yang berkaitan dengan national-type school, yang mana sebenarnya ada juga sedikit-sebanyak kaitan dengan pengenalan dan juga gambaran bahawa melalui Rang Undang-undang ini, bahasa-bahasa asli tempatan boleh diajar apabila ianya kena pada tempatnya dan sesuai. Saya tekankan perkara ini kerana di samping kita mengharap tujuan yang baik ini, di samping kita juga mempertahankan apa yang diinginkan oleh saudara-saudara kita, kaum Tionghua ataupun kaum India dan sebagainya, juga Orang-orang Asli, ternyata di dalam Rang Undang-

undang ini ialah bahawa Menteri Pendidikan telah diberi kuasa yang begitu meluas sekali. Nampaknya segala kuasa pun dalam tangannya untuk membuat perubahan baik dengan apa perkara sekali pun, dengan memberi syarat-syarat yang pertambahan, syarat-syarat yang lebih berat atau syarat-syarat yang menggalakkan.

Apabila ianya memberi pengecualian syarat-syarat boleh dikenakan, boleh dikurangkan ataupun ditambah terutama sekali dalam Fasal 143 yang menunjukkan bahawa kuasa Menteri Pendidikan itu begitu meluas sekali. Kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini harus dikaji semula kerana kalaulah kuasa yang begitu meluas itu jatuh kepada tangan seorang Menteri yang tidak begitu menitikberatkan hak-hak rakyat Malaysia yang dilindungi dalam Rang Undang-undang ini dan juga dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan. Ia mengambil langkah-langkah yang tidak selaras dengan kehendak dan peruntukan Perlembagaan hak-hak rakyat Malaysia yang berbilang kaum, tentu sekali apa yang ditujukan, apa yang diinginkan, apa yang digambarkan oleh Rang Undang-undang ini melindungi hak-hak tertentu akan terjejas.

Mengenai Akta Pendidikan 1991 itu mempunyai satu seksyen 21(2) yang menakutkan kaum Tionghua dan pengwujudan national-type school.

Dalam hal ini apa yang menakutkan di samping perkara itu sudah dihapuskan dan sepatutnya orang-orang yang tertentu, pendidik-pendidik yang menekankan pendidikan dan pembelajaran yang ada kaitan dengan bahasa mereka sendiri sepatutnya mereka senang hati tetapi kalau dikira di mana sekarang ini kuasa

Menteri Pendidikan begitu meluas saya rasa perasaan takut itu masih ada. Kerana itulah saya sendiri ada membaca dalam surat-surat khabar pengeluaran perasaan keraguan mereka itu tentang luasnya kuasa Menteri Pendidikan dalam Rang Undang-undang ini.

Kalaulah perasaan ketakutan itu masih ada, ini bererti bahawa ada ruang lagi untuk kita memperbaiki keadaan ini, ada ruang lagi untuk kita mengambil kira dan mengadakan perundingan supaya hal-hal yang menakutkan sebahagian daripada rakyat Malaysia kita di negara ini dapat diperbaiki memandangkan akhir-akhirnya tentu sekali kita ingin mewujudkan bangsa Malaysia yang selaras dengan tujuan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal keadilan, kita ingin menekankan di sini walaupun ada peruntukan-peruntukan di mana Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh memberi bantuan kepada kanak-kanak sekolah, memberi tempat penginapan, memberi transport dan sebagainya, memberi kemudahan asrama dan sebagainya, apa yang pada akhir-akhirnya yang perlu kita bawa untuk disedari oleh semua pihak terutama sekali kerajaan yang betul-betul ikhlas dalam hal untuk membangunkan negara kita ini dan menentukan supaya anak-anak kita ini diberi bantuan yang seimbang ialah di mana apabila pelaksanaan itu dilakukan, pelaksanaan itu dilaksanakan dengan seadil-adilnya.

Perkara berkaitan dengan politik tidak seharusnya diambil kira. Kita mempunyai banyak pengalaman dan laporan di Negeri Sabah di mana terutama sekali di musim pilihan raya, anak-anak ataupun ibu bapa ditakut-takutkan oleh para guru dan para pemimpin daripada Barisan Nasional khususnya daripada

parti UMNO yang mengatakan, “kalau kamu tidak menyokong Barisan Nasional, biasiswa anak kamu itu akan diberhentikan. Kalau kamu tidak menyokong Barisan Nasional, anak kamu akan dikeluarkan daripada asrama. Kalau kamu tidak menyokong Barisan Nasional peluang kemudahan untuk anak-anak kamu akan terbatas ataupun hilang”. Jadi, kalau beginilah sikap dalam pelaksanaan undang-undang kita, tentu sekali ini tidak akan mewujudkan bangsa Malaysia yang berperasaan bahawa mereka itu telah diberi kemudahan atau telah diambil kira sebagai rakyat Malaysia yang sebenar.

Saya rasa dalam hal untuk memastikan bahawa betul-betul wujudnya bangsa Malaysia yang menekankan kebangsaan dan menyokong terhadap semua tujuan yang baik, pelaksanaan dalam perkara undang-undang haruslah dipastikan, haruslah betul-betul ditekankan dan diberi gambaran bahawa ianya betul-betul dilaksanakan dan dilakukan dengan adil dan dengan tujuan yang baik selaras dengan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin juga membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini bahawa di negeri Sabah, guru-guru dilibatkan dalam politik dan dibiarkan penglibatan mereka dalam politik walaupun ada arahan mengatakan bahawa para guru tidak seharusnya terlibat dalam politik. Tetapi kadang-kadang ada pengecualian juga, kalau di peringkat bawahan itu dibenarkan. Jadi, dalam hal untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang berpendidikan, berpengetahuan dan mahir sepertimana yang kita kehendakkan, saya rasa para guru haruslah menumpukan perhatian terhadap pendidikan anak-anak dan murid-murid mereka dan bukannya tertarik dengan hal-hal politik,

mengambil bahagian dan meninggalkan pula tanggungjawab mereka, kerana dalam masa-masa tertentu terutama sekali di musim pilihan raya ramai guru tidak pergi ke sekolah. Mereka meninggalkan sekolah untuk menjalankan peranan mereka sebagai orang-orang politik. Bukan sahaja itu, kadang-kadang ibu bapa di dalam sekolah yang ada kaitan dengan anak-anak mereka bergaduh kerana tekanan daripada para guru.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah agar perkara-perkara yang ada kaitan dengan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan kita yang digambarkan dalam Rang Undang-undang ini dapat betul-betul diberi assurance kerana kalau tidak tentu sekali keraguan itu akan berterusan. Kita memang berterima kasih atas penggubalan Rang Undang-undang ini yang menunjukkan hala tuju dasar pendidikan kita di negara Malaysia ini tetapi sepertimana yang saya tekankan tadi itu, keadilan dan pelaksanaan yang seimbang dan pelaksanaan janji yang digambarkan dalam Rang Undang-undang ini akan betul-betul dilakukan. Kesedaran ini perlu ditekankan kerana dalam hal pengwujudan undang-undang yang lain seperti Undang-undang Imigresen, kita memang mempunyai undang-undang tetapi dalam pelaksanaannya kita tahu pula ramai orang asing tanpa izin yang dapat masuk ke dalam negara kita ini dan menyusahkan rakyat Malaysia serta menjejaskan kestabilan sosio-ekonomi di negara kita ini.

Begitu juga dalam hal ketenteraman dan kestabilan di negara kita kerana kita sekarang ini sudah begitu maju dan dalam keadaan aman damai. Tetapi apa gunanya keadaan aman damai ini kalau masih lagi wujud undang-undang yang telah direka bentuk dan diwujudkan pada masa kita dalam kecemasan iaitu

Emergency Rules and Regulations yang digubal pada masa emergency tetapi sekarang masih ada. Jadi, apa erti kestabilan, keamanan dan ketenteraman kalau Emergency Regulations Rules itu masih wujud.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mempunyai undang-undang yang menentukan siapakah warganegara di negara kita Malaysia ini. Tetapi apa gunanya ada undang-undang seperti ini kalau banyak orang-orang asing boleh memperolehi kad-kad pengenalan biru, sama ada ianya palsu ataupun betul. Sudah ternyata di hadapan mata kita ini banyak sindiket tertentu yang mengeluarkan kad pengenalan palsu dan ada juga yang terlibat dalam pengeluaran yang betul. Ada pula beribu-ribu kad pengenalan biru yang hilang daripada Jabatan Pendaftaran Negara, dan dikatakan bahawa 22,000 kad pengenalan biru itu telah jatuh ke tangan orang-orang asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa perkara ini bukan di dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Jadi, masa tidak mengizinkan Yang Berhormat. Sila gulung.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itu hanya menekankan perkara-perkara yang digambarkan melindungi hasrat kita di dalam Rang Undang-undang ini harus dilaksanakan dengan betul dan adil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Batu.

4.22 ptg.

Dato' Joseph Chong Chek Ah [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam memberi

pandangan serta ulasan terhadap Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini adalah amat penting bagi rakyat dan negara masa depan kita.

Negara kita sedang membangun dan kini mengalami pembangunan yang amat pesat serta giat dalam proses perindustriannya menuju ke Wawasan 2020. Oleh yang demikian, demi mencapai hasrat negara kita, Dasar Pendidikan Negara perlu dan harus membina dan mencungkil serta membangunkan sumber manusia. Saya menyeru dengan penuh harapan supaya Yang Berhormat Menteri Pendidikan dapat memberi jaminan di Dewan yang mulia ini, iaitu Rang Undang-undang Pendidikan 1995, apabila menjadi Akta Pendidikan 1995 kelak akan dilaksanakan dengan lebih fleksibel, adil dan saksama supaya setiap lapisan masyarakat tidak terasa tertinggal dari arus pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya mengalu-alukan jaminan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa sekolah jenis kebangsaan dan sekolah menengah persendirian Cina akan dikekalkan. Walaupun begitu, saya masih berpendapat yang sesetengah seksyen dan definisi perkataan dalam Rang Undang-undang itu perlu dikaji dengan teliti dan jika boleh, dibetulkan supaya ia dapat membantu mengurangkan kebimbangan dan kecurigaan masyarakat keseluruhannya.

Saya ingin membawa perhatian kepada seksyen 17 yang mana Seksyen 17(1) mengungkapkan Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah

seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh menteri daripada subseksyen ini.

Mari kita lihat seksyen 28 di mana ia menyatakan menteri boleh menubuhkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan hendaklah menyelenggarakan sekolah-sekolah itu. Dalam perkataan lain, ini satu seksyen yang boleh digunakan oleh menteri pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, apakah kedudukan sekolah jenis kebangsaan yang wujud sekarang? Haruskah mereka menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama? Saya rasa seksyen membisu tentang perkara-perkara tersebut. Oleh kerana seksyen 17 menentukan jenis bahasa pengantar utama untuk semua sekolah dalam sistem pendidikan Malaysia, saya mencadangkan semua sekolah jenis kebangsaan yang wujud sekarang dimasukkan sebagai salah satu kekecualian di mana bahasa kebangsaan tidak perlu digunakan sebagai bahasa pengantar utama, atau tidak, menteri mesti sekurang-kurangnya mengisytiharkan sekolah jenis kebangsaan menjadi sekolah-sekolah yang dikecualikan daripada subseksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada seksyen 151, walaupun dengan jaminan dibuat oleh Menteri di mana syarat yang dikenakan atas sekolah jenis kebangsaan, sekolah persendirian dan pengelola berdaftar atau disifatkan berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1961 harus dikekalkan.....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: [Bangun]

Dato' Joseph Chong Chek Ah: Tidak ada masa.....saya berpendapat adalah lebih baik sekiranya menteri meletakkan perkataan sekolah jenis kebangsaan ke dalam seksyen 17 kerana institusi pendidikan kebangsaan membawa kepada makna yang berlainan daripada sekolah jenis kebangsaan di bawah Seksyen 2 di bawah Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, perkata lain saya ingin bincang adalah definisi 'sumbangan bantuan' sebagai apa-apa bayaran daripada wang awam, selain daripada sumbangan modal, yang dibuat kepada sesuatu institusi pendidikan bagi:

- (a) mengadakan bangunan dan lain-lainnya, sementara 'sumbangan bantuan' di bawah Akta Pendidikan 1961 didefinisikan sebagai apa-apa bayaran daripada wang awam, selain daripada sumbangan modal, yang dibuat kepada sesuatu institusi pendidikan bagi:
 - (i) mengadakan tanah dan bangunan, iaitu selain daripada bangunan, tanah juga disebutkan di situ.

Memandangkan huraian tidak memberikan apa-apa keterangan mengapa definisi 'sumbangan bantuan' dalam Akta Pendidikan 1961 harus diubah, maka saya mencadangkan 'tanah' harus dikekalkan dalam definisi Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti jaminan yang selalu diulangi oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, kerajaan bertujuan meliberalisasikan pendidikan dan menggalakkan penubuhan lebih banyak institusi pendidikan

swasta dalam mengembangkan negara kita menjadi pusat pendidikan serantau bertaraf antarabangsa. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan dalam Rang Undang-undang Pendidikan ini yang terlalu menyekat institusi pendidikan swasta, bertentangan dengan aspirasi pucuk pemimpin kehormat kita. Pada pendapat saya, sekatan yang ditetapkan dalam seksyen 69 dan seksyen 71 harus digugurkan. Selain daripada itu, seksyen 19 harus dipinda. Seksyen 19 yang baru berbunyi seperti berikut:

“Tiap-tiap sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan hendaklah menyediakan murid-murid- untuk peperiksaan yang ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat oleh atau di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini jika dikecualikan oleh Menteri. Sebuah institusi pendidikan swasta mungkin boleh menyediakan murid-murid- untuk sebarang peperiksaan.”

Tuan Yang di-Pertua, sekarang mari kita lihat seksyen 77 yang merupakan satu lagi contoh teknik penggubalan yang kurang baik. Tujuan sebenarnya adalah untuk melaraskan program berkembar, tetapi lingkungan seksyen itu sepertimana yang diungkapkan merangkumi semua jenis kursus pengajian dan program latihan. Dengan itu, saya mencadangkan perkataan ‘dalam pendidikan tinggi’ dimasukkan selepas perkataan ‘apa-apa kursus pengajian atau program latihan.’”

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 127 yang membenarkan menerima keterangan bertulis atau lisan, walaupun keterangan itu tidak boleh diterima dalam Prosiding Sivil dan Jenayah dan Seksyen 128 yang melarang kehadiran peguambela dan peguamcara di hadapan Jawatankuasa Siasatan tidak mencapai apa-apa tujuan kecuali mengundang kritikan dari kedua lingkungan guaman

tempatan dan antarabangsa. Ini sudah pasti menjejaskan nama baik kerajaan. Peruntukan ini dan yang serupa harus digugurkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, saya tidak mempunyai apa-apa bantahan terhadap Rang Undang-undang Pendidikan 1995 untuk diluluskan dalam sidang Parlimen ini tetapi saya ingin mengambil peluang ini untuk menggesa Yang Berhormat Menteri untuk meminda atau mengubah seksyen-seksyen yang telah saya bincangkan tadi. Saya juga berharap Menteri boleh menetapkan peruntukan-peruntukan Akta yang berkenaan dalam pelaksanaan Akta Pendidikan pada masa depan demi menjamin status sekolah jenis kebangsaan di samping meneruskan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah jenis kebangsaan dan juga memberikan jaminan dalam tulisan supaya tiada orang akan berasa sangsi akan keikhlasan kerajaan dalam melaksanakan Akta baru ini. Terima Kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Telok Kemang.

4.32 ptg.

Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk memberi pandangan saya mengenai Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan wawasan negara dalam mencapai taraf negara maju untuk ke arah mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik untuk menghasilkan suatu sistem

pendidikan yang bertaraf dunia dan untuk mengisi kekurangan dalam tenaga pekerja di dalam negara ini, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini yang mengutamakan kepentingan rakyat dan negara dalam segala aspek.

Tuan Yang di-Pertua, kami berasa sukacita apabila mengetahui bahawa pengekalan sekolah-sekolah rendah Tamil dan Cina adalah dijamin di bawah Fasal 151 Rang Undang-undang Pendidikan 1995 dan bukan seperti mana yang diragui oleh segolongan masyarakat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini merangkumi seramai 110,000 orang murid di 540 buah sekolah rendah Tamil di seluruh negara. Hanya 30% daripada sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil adalah sekolah kerajaan, manakala selebihnya 70% adalah sekolah bantuan kerajaan. Ini adalah disebabkan kerana kebanyakan daripada sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil ini terletak di ladang-ladang swasta dan persendirian. Sekolah-sekolah ini ditadbir oleh lembaga pengelola yang terdiri daripada orang-orang tempatan. Mereka tidak mempunyai sebarang kuasa atau setanding dalam menentukan dasar sekolah ataupun dalam meningkatkan prestasi sekolah.

Adalah menjadi harapan kami supaya semua sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil yang sebegini akan dijadikan sebagai sekolah kerajaan. Oleh itu saya berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita akan dapat menggariskan satu garis panduan yang nyata dan jelas supaya pertukaran ini dapat dijalankan dengan lancar dan teratur.

Di samping itu, memandangkan negara kita menghadapi era kemajuan dan proses perindustrian yang pesat yang menyebabkan ramai orang berketurunan India yang selama ini tinggal di ladang-ladang dan kawasan luar bandar mula berhijrah ke bandar-bandar dan taman-taman perumahan yang baru. Oleh itu, mereka menghadapi kesukaran untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil bagi melanjutkan pelajaran mereka kerana kekurangan bilangan sekolah-sekolah Tamil di kawasan urbanisasi baru. Justeru itu saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya menggunakan kuasa yang ada pada beliau mengikut Fasal 28 Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini menubuhkan dan menyelenggarakan sekolah jenis kebangsaan Tamil di kawasan-kawasan tersebut yang dimaksudkan di atas.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga berasa gembira apabila mendapati bahawa Fasal 51 membenarkan lembaga pengelola daripada Institusi-institusi Pendidikan Bantuan Kerajaan untuk menyediakan pelajaran agama kepada pelajar-pelajar bukan Islam. Kepercayaan kepada Tuhan adalah merupakan prinsip pertama di dalam Rukun Negara dan adalah penting jika diamalkan dengan tidak mengira agama seseorang itu. Oleh yang demikian, saya berharap kerajaan akan melanjutkan kemudahan ini kepada sekolah-sekolah kerajaan dan bukan sahaja kepada sekolah-sekolah bantuan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada peperiksaan UPSR 1995 yang lalu, keputusan pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah Tamil adalah jauh lebih kurang daripada keputusan pelajar-pelajar dari sekolah kebangsaan dan sekolah Cina. Yang

Berhormat Menteri Pendidikan ketika mengumumkan keputusan UPSR di Genting Highlands berkata keputusan yang teruk daripada sekolah-sekolah rendah Tamil adalah kerana keadaan sosial dan ekonomi masyarakat India yang kurang baik. Walaupun ini mungkin salah satu dari sebabnya, ada banyak lagi sebab-sebab yang lain yang saya ingin menyatakan di sini.

Salah satu daripada sebab bagi keputusan yang teruk itu ialah kerana pendidikan prasekolah yang tidak mencukupi di kalangan murid-murid sekolah rendah Tamil. Majoriti daripada kanak-kanak India tidak bersedia dengan secukupnya sebelum mula bersekolah. Di dalam satu kajian yang dijalankan di Malaysia oleh Kementerian Kebajikan dan UNICEF pada tahun 1983 menunjukkan tadika di ladang-ladang adalah yang paling serba kekurangan seperti tidak terurus bangunannya, mempunyai kemudahan yang kurang, nisbah murid kepada guru yang tinggi dan guru-gurunya yang tidak mempunyai kelayakan yang secukupnya dan kurikulum yang tidak teratur untuk diajar jika dibanding dengan tadika yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan ataupun tadika persendirian di bandar-bandar. Sebahagian besar daripada pelajar sekolah rendah Tamil langsung tidak menghadiri kelas-kelas tadika kerana ia tidak wujud di ladang mereka.

Untuk mengurangkan masalah ini, saya berharap dan mencadangkan seperti yang tercatat pada Fasal 21, pihak kementerian mestilah menubuhkan dan menyejajarkan tadika-tadika di semua sekolah Tamil di ladang-ladang supaya semua kanak-kanak India menerima pendidikan prasekolah dengan kurikulum yang sempurna sebelum memasuki sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sebab bagi pencapaian UPSR yang teruk di kalangan sekolah Tamil adalah juga disebabkan oleh keadaan sekolah itu sendiri yang menyedihkan. 70% daripada sekolah-sekolah Tamil terletak di ladang-ladang dan sekolah-sekolah ini dianggap sebagai yang paling kecil dan yang paling miskin. Paling kecil kerana majoriti daripada sekolah-sekolah Tamil mempunyai jumlah murid yang kurang daripada 200 orang. Yang paling miskin pula kerana murid-murid yang menghadirinya adalah daripada keluarga yang termiskin. Kebanyakan daripada sekolah ini juga mempunyai keadaan bangunan yang buruk dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang tidak mencukupi, misalnya bangunan yang uzur, bilik-bilik darjah yang tidak mencukupi, kekurangan kerusi dan meja, tiadanya padang dan tandas sekolah, tiadanya perpustakaan dan kurangnya alat bantu mengajar. Ini mengakibatkan paras pencapaian yang rendah dan kadar kecaciran yang tertinggi di sekolah-sekolah sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini saya berharap dan bercadang kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan seperti yang tercatat dalam Fasal 130 subseksyen 2(y) dan (z) supaya memperuntukkan sumbangan bantuan dan sumbangan modal yang mencukupi kepada sekolah-sekolah Tamil ini supaya sekolah-sekolah ini akan mempunyai segala kemudahan asas yang diperlukan oleh murid-murid untuk memperolehi keputusan cemerlang.

Satu lagi punca bagi pencapaian yang kurang membanggakan oleh pelajar-pelajar dari sekolah Tamil adalah kerana kekurangan guru-guru terlatih di sekolah ini. Jumlah guru-guru sandaran terlatih di sekolah Tamil pada tahun

1994 ialah seramai 5,353 orang dan jumlah guru-guru sandaran tidak terlatih ialah seramai 1,633 orang iaitu sebanyak 23% daripada jumlah guru-guru sekolah Tamil adalah merupakan guru-guru tidak terlatih.

Kita bukan sahaja menghadapi masalah kekurangan guru-guru terlatih, tetapi juga masalah kekurangan guru itu sendiri. Untuk mengatasi masalah ini, saya berharap dan mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan menubuhkan dan menyelenggarakan lebih banyak maktab perguruan supaya dapat menambah bilangan guru terlatih yang cukup untuk dihantarkan ke sekolah-sekolah di pedalaman dan di ladang-ladang di mana ia amatlah diperlukan.

Saya berharap pandangan dan cadangan saya akan diambil kira dan diberi pertimbangan sewajarnya supaya dapat membantu proses pengembangan pendidikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Seremban.

4.42 ptg.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bersama dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain untuk membahas Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan boleh dikatakan asas pembangunan negara. Tahap dan coraknya akan menentukan bangun atau mundurnya

sesebuah negara. Malaysia sebagai negara yang sedang membangun, harus memerlukan satu sistem pendidikan yang dinamik supaya rakyat Malaysia boleh memperolehi ilmu dan pendidikan yang sesuai dan terkini untuk menghadapi cabaran.

Saya rasa bangga kerana Kerajaan Barisan Nasional begitu peka tentang kepentingan pendidikan dan telah mengambil langkah yang positif untuk meningkatkan lagi tahap pendidikan untuk rakyat Malaysia seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil masa beberapa tahun untuk menyediakan Rang Undang-undang ini. Kerajaan juga mewujudkan Majlis Perundingan Akta Pendidikan untuk berbincang dan berdialog dengan badan-badan dan perseorangan yang berkaitan termasuk parti-parti pembangkang supaya pandangan dan cadangan mereka dapat diambil kira untuk merangka satu rang undang-undang yang boleh diterima oleh masyarakat umum.

Saya rasa amat kecewa kerana parti-parti pembangkang tidak mahu melibatkan diri dalam perundingan itu. Jika mereka mementingkan soal pendidikan, jika mereka mementingkan masa depan anak-anak kita seperti yang dilaung-laungkannya, mereka tidak akan menolak peluang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendidikan 1995 adalah satu rang undang-undang yang sangat penting. Oleh kerana itu, rang undang-undang ini telah menjadi buah mulut orang ramai dan menarik cukup perhatian

daripada masyarakat umum, ini adalah satu petanda yang baik kerana ia menunjukkan bahawa orang ramai memandang serius terhadap soal pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat orang Cina juga menunjukkan minat yang sama tentang rang undang-undang ini. Pemimpin-pemimpin daripada beberapa persatuan dan surat-surat khabar Cina telah mengeluarkan hujah-hujah dan komen terhadap rang undang-undang ini.

Pada hemat saya, mereka masih merasa bimbang dan ragu-ragu tentang beberapa isu dalam rang undang-undang ini. Isu-isu ini seperti bahasa Cina sebagai bahasa pengantar SRJK(C) dan status sekolah persendirian Cina atau private independent school, dengan izin, dengan sistem pemeriksaan dan twinning programme, mereka juga berasa kuasa yang diberikan kepada menteri adalah terlalu besar dan luas sehingga kebebasan pendidikan akan terjejas. Saya berasa perkara-perkara ini harus diberikan jawapan oleh kementerian sejelas-jelasnya.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Akta Pelajaran 1961 digubalkan masyarakat orang Cina berasa bimbang terhadap seksyen 21(2) dan seksyen 26(a). Seksyen 21(2) akta itu memberikan kuasa kepada menteri untuk menutup SRJK(C) dan seksyen 26(a) memperuntukkan pembubaran lembaga pengurus sekolah oleh menteri.

Isu-isu ini telah digunakan sebagai modal politik oleh parti pembangkang khususnya parti DAP untuk mengkritik kerajaan dan Barisan Nasional dan parti MCA dan menimbulkan perasaan negatif di kalangan masyarakat orang Tionghua demi untuk memancing undi daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana kedua-dua seksyen yang saya sebutkan tadi tidak wujud lagi dalam Rang Undang-undang Pendidikan baru, sebaliknya dalam seksyen 17 rang undang-undang baru ini semua SRJK(C) dan SRJK(T) yang ditubuhkan dalam seksyen 28 akan mempunyai identiti lama dan bahasa Cina digunakan sebagai bahasa pengantar utama.

Saya menganggapan bahawa

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Sebab S.46 ini dia tidak bersetuju, tetapi dalam pilihan raya depa ini partner kawan DAP, macam mana mainan politik depa berdua ini? Minta pandangan sedikit.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, ini memang biasa, walaupun mereka satu pasukan tetapi pemikiran lain, parti pun lain, hati pun lain. Memang tidak boleh membentuk sebuah kerajaan. Oleh kerana itu mereka ditolak oleh rakyat. [*Tepuk*]

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [*Bangun*]

Tuan Lim Si Chen: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada dua orang peminat lagi ini, hendak beri kepada siapa ini?

Dato' Hon Choon Kim: Saya tidak beri lagilah. Masa pun tidak mengizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, teruskan!

Dato' Hon Choon Kim: Beri kepada Senai sekejap!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak beri? Ya, Senai.

Tuan Lim Si Chen: Adakah mereka 'tong chuang ee mong', dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Apa maksudnya Yang Berhormat? Sila terangkan. 'Tong chuang ee mong' terangkan!

Tuan Lim Si Chen: Tidur sama mimpi lain! *[Ketawa]*

Dato' Hon Choon Kim: Memang, saya bersetujulah. Ini satu peribahasa Cina yang memang tepat untuk mensifatkan merekalah. Biar saya sambungkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menganggapkan bahawa semua SRJK(C) dan SRJK(T) yang telah didaftarkan di bawah Akta Pelajaran 1961 akan disifatkan sebagai telah berdaftar di bawah rang undang-undang ini. Semasa membentangkan rang undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa seksyen 151 rang undang-undang ini telah memberikan cukup perlindungan. Saya ucapkan banyak terima kasih. Untuk menghapuskan wasangka dari setengah pihak, maka saya mencadangkan seksyen 151 diperjelaskan melalui regulations rang undang-undang ini. Seksyen 53 rang undang-undang ini juga membolehkan penubuhan lembaga pengurus sekolah untuk semua SRJK(C).

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini lebih kurang 90% daripada ibu bapa masyarakat orang Tionghua berhasrat untuk menghantar anak mereka ke SRJK(C). Ini kerana mereka berharap anaknya boleh belajar bahasa Tionghua

sebagai bahasa ibunda dan di samping itu menguasai Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris.

Masyarakat orang Tionghua berharap sekolah-sekolah ini dapat dikekalkan dan diserapkan dalam Sistem Pendidikan Malaysia. Saya ingin ucapkan syabas dan terima kasih kepada kementerian kerana hasrat dan cita-cita ini telah diberi perhatian dan diambil kira dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan parti DAP bahawa Kerajaan Barisan Nasional berniat untuk menghalang SRJK(C) diteruskan adalah tidak berasas. Sebaliknya kerajaan telah memberi berbagai panduan kepada sekolah jenis kebangsaan Cina supaya ibu bapa yang berhasrat untuk menghantar anak mereka ke sekolah ini mendapat kemudahan yang lebih baik.

Kini terdapat seramai 600,000 orang murid termasuk 25,000 orang murid Melayu dan 10,000 murid orang India yang sedang belajar di sebanyak 1,289 buah SRJK(C) di seluruh negara.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri malam tadi iaitu Yang Berhormat dari Selandar, sebenarnya selain daripada negara China dan negara Taiwan, Malaysia adalah sebuah negara di dunia ini yang mempunyai satu sistem pendidikan sekolah rendah yang mengajar bahasa Cina. Orang Taiwan dan orang dari negara China memang kagum terhadap orang Cina di Malaysia, kerana kalau Tuan Yang di-Pertua melawat di kedua-dua buah negara ini, maka rakyat di situ memang hairan dan memberi penghormatan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana Tuan Yang di-Pertua bukan sahaja boleh bertutur dalam bahasa Tionghua bahkan juga boleh bercakap dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan. Selain daripada itu, dialek

orang Cina, Tuan Yang di-Pertua pun tahu, oleh kerana itu mereka begitu kagum terhadap kelebihan orang Tionghua di negara kita ini. Oleh kerana itu saya ingin menasihatkan Ahli-ahli DAP supaya jangan lain memainkan isu-isu yang sensitif seperti soal pendidikan dan bahasa sebab orang yang bermain api akhirnya akan dijilat olehnya. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada masyarakat kaum Tionghua kerana memberi banyak panduan dan pertolongan secara sukarela untuk membantu kerajaan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah ini. Mereka sanggup menderma wang ringgit serta harta benda untuk membantu sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nafikan bahawa SRJK(C), seperti sekolah-sekolah kebangsaan di luar bandar menghadapi banyak masalah. Oleh kerana itu saya berharap agar kerajaan akan meningkatkan lagi usaha untuk membantu sekolah-sekolah ini. Masalah-masalah ini ialah kerana kekurangan guru. Mengikut jawapan yang diberikan di dalam Dewan ini, pada 15hb. Ogos, tahun ini kementerian sedang mengalami kekurangan guru di Sekolah China seramai 2,483 orang. Ini merupakan satu masalah yang serius dan saya difahamkan bahawa hanya terdapat 17 buah maktab perguruan yang mengadakan kursus pengajian bahasa Cina dan sambutan pelajar juga tidak menggalakkan. Untuk mengatasi masalah ini, saya mencadangkan supaya syarat-syarat pengambilan dilonggarkan. Bagi pemohon-pemohon untuk mengikuti kursus bahasa China mereka yang lulus dengan gred biasa dalam mata pelajaran selain daripada bahasa China patut juga diterima. Saya berharap

kementerian akan mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah ini.

Kedua, kekurangan sekolah khususnya di taman-taman perumahan baru, saya mencadangkan supaya Menteri Pendidikan menggunakan Seksyen 28 untuk mewujudkan lebih banyak SRJK(C) di mana kebanyakan penduduk adalah terdiri daripada kaum Tionghua. Saya juga menyokong pembinaan sekolah wawasan di taman perumahan yang mempunyai pelajar-pelajar berbilang bangsa.

Ketiga, kekurangan peruntukan untuk menyelenggarakan bangunan sekolah dan melengkapkan kemudahan-kemudahan.

Keempat, status sekolah bantuan modal perlu di kaji semula. Sekolah di mana tapak sekolah adalah tanah kerajaan negeri atau sekiranya tuan tanah rela menyerahkan tanah itu kepada kementerian, maka sekolah-sekolah ini harus diterima dan dijadikan sebagai sekolah bantuan penuh. Sekolah-sekolah luar bandar dan estet-estet yang menghadapi kekurangan murid harus dipindahkan ke satu kawasan lain yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa gembira kerana seksyen 53 dan 62(1) dalam Rang Undang-undang ini telah memberikan pengakuan kepada peranan dan fungsi Lembaga Pengurus Sekolah. Seksyen-seksyen ini membenarkan Lembaga Sekolah ini ditubuhkan di semua SRJK(C). Peruntukan Rang Undang-undang ini adalah bijak dan wajar kerana selama ini Lembaga Pengurus Sekolah telah memainkan satu peranan yang sangat konstruktif dan telah memberi banyak sumbangan kepada sekolah ini, malangnya struktur LPS

tidak digariskan di mana-mana peruntukan dalam Rang Undang-undang ini, maka saya ingin mencadangkan supaya LPS ini dikekalkan iaitu seramai 15 orang Ahli yang terdiri daripada 3 orang wakil Kementerian Pendidikan, 3 orang wakil murid-murid tua, 3 orang wakil ibu bapa, 3 orang wakil penyokong dan 3 orang lagi wakil amanah.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 56, 59 dan 61 di bawah Rang Undang-undang ini memberi kuasa untuk melantik Pengelola Tambahan membubar Lembaga Pengelola dan melantik ahli yang baru. Saya menyokong seksyen-seksyen ini sekiranya ia adalah untuk memastikan bahawa Lembaga Pengelola akan menjalankan tugasnya yang lebih bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, saya berharap kerajaan akan menggunakan kuasa ini dengan teliti dan berpatutan dan mengikut satu peraturan yang lebih spesifik. Seksyen-seksyen ini haruslah digunakan sebagai last resort, dengan izin. Saya juga ingin mencadangkan supaya sekiranya sesuatu LPS dibubarkan kerana melakukan sesuatu kesalahan, maka ahli-ahli baru yang akan dilantik harus mengikut struktur LPS yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada sekolah menengah conforming atau conforming secondary school, dengan izin. Sekolah-sekolah ini pada asalnya adalah sekolah-sekolah swasta atau private independent school, dengan izin. Sekolah-sekolah ini pada tahun 50-an dan 60-an telah diberikan pilihan sama ada menerima pentadbiran kerajaan atau dikekalkan sebagai sekolah swasta. Pada ketika itu sebanyak 61 buah sekolah menengah swasta telah dipilih untuk ditadbirkan oleh kerajaan iaitu Sekolah Menengah

Chung Ling di Pulau Pinang dan Sekolah Menengah Chung Hwa di Seremban adalah di antara 61 buah sekolah yang conforming. Manakala terdapat sebanyak 60 buah sekolah jenis ini yang terus dikekalkan sebagai sekolah swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Perikatan pada ketika itu telah berjanji bahawa ciri-ciri dan sifat-sifat sekolah yang menerima cadangan ini akan terus dikekalkan. Kedua-dua pihak juga bersetuju bahawa pengetua sekolah mestilah fasih dalam bahasa Cina dan bahasa ini boleh digunakan dalam perhimpunan sekolah dan aktiviti sekolah. Bahasa Cina dan sastera Cina akan diajar sebagai salah satu mata pelajaran. Sekolah-sekolah ini juga dibenarkan sebanyak satu pertiga masa sekolah untuk mengajar mata pelajaran dalam bahasa Cina. Kerajaan juga bersetuju sekiranya sekolah-sekolah ini menghadapi kekurangan bilik darjah maka Kementerian Pendidikan akan mengambil langkah untuk mewujudkan sekolah cawangan. Kementerian juga bersetuju memberikan sumbangan modal dan sumbangan bantuan 'capital grant' dan 'grant in aid', dengan izin, serta tanah untuk tujuan ini. Sekolah ini juga mempunyai Lembaga Pengurus.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah menengah conforming ini telah memberi banyak sumbangan kepada masyarakat dan sekolah-sekolah ini telah memberi peluang kepada anak-anak dari keluarga miskin mendapat pendidikan kerana yurannya adalah rendah. Sekolah-sekolah ini juga menghasilkan beribu-ribu rakyat Malaysia yang fasih dalam bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Kini terdapat lebih kurang sebanyak 120,000 murid yang sedang

belajar di sekolah-sekolah conforming ini. Oleh kerana itu, saya berharap kerajaan akan terus memberikan bantuan dan perlindungan kepada sekolah-sekolah ini. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri memberi tahu kepada Dewan ini sama ada Rang Undang-undang Pendidikan 1995 telah memberikan cukup perlindungan dan menjaminkan ciri-ciri dan sifat-sifat sekolah yang saya sebutkan tadi tidak akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sambutan yang hebat oleh masyarakat, bilangan murid telah meningkat dan ada beberapa buah sekolah jenis ini telah menghadapi kesesakan dan kekurangan bilik darjah. Saya ingin memberikan satu contoh, iaitu Sekolah Menengah Chung Hwa di Seremban. Waktu saya belajar di sekolah ini pada tahun 1960-an, jumlah murid cuma seramai 700 orang, tetapi kini jumlah murid telah meningkat kepada 2,258 orang, dengan keluasan tapak sekolah hanya 2.3 ekar sahaja. Ini bermakna kepadatan sekolah ini ialah 44 kaki persegi untuk seorang murid.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana dengan pertolongan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Kementerian Pendidikan, Kerajaan telah bersetuju untuk membuka satu cawangan Sekolah Menengah Chung Hwa di Seremban. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan membantu kami supaya Sekolah Menengah Chung Hwa akan memperolehi sebuah sekolah cawangan baru tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya matlamat pendidikan bukan sahaja untuk melahirkan insan yang mempunyai ilmu dan pengetahuan tetapi

sikap dan moralnya mesti selaras dengan value system, dengan izin, atau sistem nilai-nilai murni kita.

Saya ucapkan syabas kepada kementerian kerana mencadangkan pengajaran agama di institusi pendidikan. Sekiranya kerajaan berhasrat mewujudkan sebuah masyarakat madani, maka pengajaran agama dan moral harus diberi penekanan. Pada pendapat saya sistem pendidikan kita harus menghasilkan insan sebagai "Chin Tze", dengan izin, seperti yang diutarakan oleh filasuf.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, terangkan maksudnya.

Tuan Hon Choon Kim: Nanti. Nanti ya. Seperti diutarakan oleh filasuf Kung Fu Tze. Menurut Kung Fu Tze seorang "Chin Tze" berbeza dengan "Siao Ren" mengamalkan sistem "Chung Sin Ren Ei". Chin Tze adalah seorang yang bersopan santun macam rakan-rakan Yang Berhormat Barisan Nasional. *[Tepuk]* Saling hormat menghormati, taat setia dan ikhlas, rela membantu orang dan sentiasa mempunyai sikap yang positif dan konstruktif. Siao Ren - terpulanglah kepada tafsiran Ahli-ahli Yang Berhormat. *[Disampuk]* Faham ya? Okaylah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak terangkan apa maksudnya yang sebenar "Chin Tze Shiao Ren".

Tuan Hon Choon Kim: Chin Tze ialah seorang yang ikhlas, mempunyai sikap yang baik, taat kepada masyarakat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Parit Sulong bangun.

Tuan Hon Choon Kim: Okay.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Shiao Ren She Me Yi Tze. *[Ketawa]*

Tuan Hon Choon Kim: Ini yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, kalau rakyat Taiwan, rakyat negara China, memang mengagumkan sangat. Tengok Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong pun boleh bercakap bahasa Mandarin. Itu satu contoh yang baik. *[Tepuk]* Shiao Ren maknanya orang yang narrow thinking, berpemikiran sempit, kelakuannya pun tidak baik, mengkritik kerajaan yang bukan-bukan, macam parti-parti pembangkang. *[Tepuk]*

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bagi SRJK(C) dan sekolah menengah conforming, pengajaran pendidikan moral haruslah berasaskan kepada falsafah Kung Fu Tze.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memperhatikan Akta Pendidikan...

Tuan Liew Ah Kim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Seputeh bangun.

Tuan Hon Choon Kim: Tidak. Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Liew Ah Kim: *[Menyampuk]*

Tuan Hon Choon Kim: Maaf. Maaf. Saya tidak cukup masa. Saya tidak beri peluang kepada Shiao Ren. *[Ketawa]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Menyampuk]*

Tuan Liew Ah Kim: *[Menyampuk]*

Tuan Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga perhatikan Rang Undang-undang...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung, ya.

Tuan Hon Choon Kim: Okay. Rang undang-undang mengandungi beberapa peruntukan yang baru yang sesuai untuk menyahut cabaran abad baru dan merealisasikan Wawasan 2020. Peruntukan-peruntukan ini ialah tempoh kursus pendidikan sekolah rendah lima hingga tujuh tahun, ini satu perkara yang baik.

Pendidikan prasekolah rendah akan dijadikan sebagai pendidikan formal, itupun satu perkara yang baik. Tetapi saya berharap kelas-kelas tadika yang sedia ada diwujudkan oleh Kemas, Persatuan Rukun Tetangga, persatuan belia dan badan-badan lain, saya cadangkan kelas-kelas tadika yang sedia ada harus dianggap sebagai tadika yang telah berdaftar di bawah Rang Undang-undang Pendidikan.

Pendidikan teknik dan politeknik, itu pun satu perkara yang baik dan akta ini juga membolehkan penubuhan dan penyelenggaraan institusi pendidikan swasta. Akta ini juga mewajibkan pengajaran bahasa Cina dan

bahasa Tamil di sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan jika ibu bapa sekurang-kurangnya 15 orang murid di sekolah ini memintanya. Itu pun satu perkara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendidikan adalah dirangka untuk memantapkan lagi bidang pendidikan di negara ini. Seperti yang disebutkan dalam permulaannya, rang undang-undang ini bertujuan untuk membolehkan rakyat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran dan nilai murni untuk menjayakan Wawasan 2020 serta menghasilkan satu sistem pendidikan yang bertaraf dunia selaras dengan aspirasi negara ini.

Oleh itu, akta ini mesti dilihat dari segi pembangunan negara secara menyeluruh dan dengan pandangan yang jauh. Pada pendapat saya, Akta Pendidikan 1995 juga telah mengambil kira corak masyarakat yang berbilang bangsa dan bahasa. Jika rang undang-undang ini dilaksanakan dengan baik dan sempurna, maka ia akan memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga terdapat beberapa perkara yang perlu dijelaskan seperti yang saya sebutkan tadi khususnya mengenai status sekolah menengah Cina swasta dan sistem peperiksaan yang dikendalikan oleh Dong Jiao Zong dan isu-isu berhubung kait dengan sekolah conforming. Saya tidak ingin membincang masalah ini kerana tidak cukup masa. Saya berharap kementerian akan memastikan bahawa masalah-masalah ini dapat diselesaikan mengikut semangat Rang Undang-undang Pendidikan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: SibU.

5.15 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada wawasan yang berpandangan jauh Dasar Pendidikan Kebangsaan kita oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk merumuskan Rang Undang-undang Pendidikan 1995, demi untuk membina negara kita sebagai pusat pendidikan yang cemerlang di rantau ini pada era yang menarik dan mencabar ini yang menyeberangi abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, saya harus menyuarakan penghargaan kepada Jawatankuasa Kabinet Pendidikan Kerajaan Barisan Nasional yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Menteri-menteri parti komponen utama Barisan Nasional untuk mengendalikan kajian menyeluruh terhadap rang undang-undang ini bersama berbagai dialog dengan badan-badan dan persatuan-persatuan pendidikan kebangsaan kita.

Proses demokrasi terhadap mendengar rayuan dan pandangan-pandangan rakyat sekali lagi menunjukkan sifat terbuka dan transparency Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, polisi pendidikan kebangsaan yang dirumuskan dan disediakan seperti di dalam rang undang-undang ini akan terus menentukan semua rakyat Malaysia di bawah kepimpinan kuat dan dinamik Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan prinsip falsafah kebangsaan terhadap pendidikan seperti yang dinyatakan di dalam rang undang-undang ini. Sementara saya setuju keutamaan bahasa Malaysia, saya amat puashati melihat bahawa rang undang-undang ini telah mengesahkan status bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar sekolah menengah bebas Cina (SMB) dan sekolah menengah bebas Tamil masing-masingnya.

Tuan Yang di-Pertua, definisi sekolah ertinya di mana 10 orang atau lebih lazimnya diajar sama ada di dalam satu kelas atau lebih tetapi tidak termasuk mana-mana tempat yang pengajarannya terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata. Saya ingin mencadangkan kecualian dalam clause ini perlu lebih spesifik termasuk persatuan-persatuan dan kelab-kelab yang mengadakan kelas-kelas tarian, nyanyian, kung-fu, kemahiran fizikal dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berpuashati melihat penubuhan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan dan saya ingin mencadangkan agar ahli majlis ini terdiri juga daripada pendidik-pendidik dari sektor swasta seperti wakil daripada Dong Jiao Zong dan Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah Rendah Bantuan (Cina).

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berpuas hati melihat Rang Undang-undang ini telah mengesahkan status SRJK(Cina) dan SRJK(Tamil). Pendaftaran tetap 40 buah sekolah-sekolah menengah bebas Cina di negara kita adalah satu lagi bukti komitmen Kerajaan Barisan Nasional untuk kemajuan berterusan pendidikan Cina di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kepercayaan kepada diri sendiri (self-confidence) dengan izin, dan dedikasi pendidikan-pendidik Cina dan masyarakat Cina di Malaysia telah memberi sumbangan yang banyak terhadap kemajuan pendidikan kebangsaan kita.

Saya dengan ikhlas ingin mencadangkan status ujian sama (common examinations), dengan izin, yang dikendalikan oleh 'Dong Jiao Zong disediakan di dalam peruntukan utama dan tidak di dalam peraturan jadual sampingan kerana sijil Senior Middle Three, dengan izin sekolah-sekolah menengah bebas Cina telah membuktikan taraf yang tinggi dan diperakui oleh kebanyakan universiti di luar negara sebagai kelayakan kemasukan universiti mereka. Pemisahan status common examinations ini akan membuat seluruh pendidikan sekolah-sekolah menengah bebas Cina tetap komprehensif dan lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi, saya merayu kepada kerajaan bagi mempertimbangkan untuk memperakui sijil-sijil Senior Middle Three sekolah-sekolah menengah bebas Cina dan menyediakan bantuan kewangan untuk perkara yang sama berdasarkan kepada pertimbangan mereka di dalam mengembang kemajuan pendidikan kebangsaan kita, yang sebenarnya menjadi aset kebangsaan yang bernilai lagi untuk mempromosikan perdagangan antarabangsa kita dengan negara Cina, Taiwan dan Hong Kong di mana gabungan pengeluaran kebangsaan kasar mereka adalah dianggarkan mengatasi Amerika Syarikat pada abad depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat puas hati melihat status pengurusan Lembaga Sekolah-sekolah telah pun disahkan oleh Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan untuk membenarkan semua Lembaga Pengurusan Sekolah yang diwujudkan sebelum Rang Undang-undang Pendidikan 1995 baru berkuasa, kecuali bagi mereka yang telah melakukan kesalahan.

Sementara saya menghargai pengawalan oleh Kementerian Pendidikan terhadap Lembaga Pengurusan Sekolah, walau bagaimanapun sebelum perantikan pengarah-pengarah tambahan, pembubaran Lembaga Pengurusan yang sedia ada, satu grace period, dengan izin haruslah diberi kepada Lembaga Pengurusan Sekolah yang sedia ada untuk memperbaiki kesalahan mereka dan memberi mereka peluang untuk menulis surat show cause, dengan izin, terhadap kenapa ahli-ahli lembaga baru tidak harus dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini ujian-ujian yang dikendalikan oleh ‘Dong Jiao Zong’ tidak memerlukan kelulusan Lembaga Kementerian Pendidikan, tetapi statusnya tidak dikhususnya di dalam seksyen 69, Rang Undang-undang ini.

Saya cadangkan ‘Dong Jiao Zong’ disahkan sebagai institusi pendidikan di bawah Seksyen 69(4)(c) agar *status quo* common examination yang dikendalikan oleh mereka dapat dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pengajaran agama Islam yang disediakan di bawah Chapter 10, Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini. Walau bagaimanapun, saya dengan ikhlas merayu kepada Kementerian

Pendidikan untuk mempertimbangkan bagi membenarkan dan membiayai pengajaran agama-agama lain di samping agama rasmi kita Islam kepada pelajar-pelajar bukan Islam.

Saya juga ingin mencadangkan agar Kementerian Pendidikan mengawasi segala sekolah-sekolah yang mengendalikan pengajaran agama yang melencong dan fundamentalis dan langkah-langkah yang ketat harus diambil untuk menghalang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya dengan operasi institusi pendidikan tinggi swasta haruslah diawasi dan dikawal dengan rapi demi untuk memastikan:

- (a) yuran adalah berpatutan;
- (b) kurikulum adalah bersesuaian kepada pembangunan kebangsaan kita; dan
- (c) kemudahan adalah mencukupi.

Walau bagaimanapun, di bawah seksyen 71(b), fasal derma amat ketat kerana negara kita masih memerlukan derma dari sektor swasta terhadap kemajuan pendidikan. Pengawasan terhadap kursus twinning, dengan izin, di antara institusi pendidikan tinggi swasta tempatan dan universiti-universiti asing haruslah lebih fleksibel dan memberi para pendidik-pendidik tempatan lebih kebebasan untuk memilih garisan dengan polisi-polisi penswastaan kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini semua pengambilan pelajar ke sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan adalah dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Pendidikan.

Saya merayu terhadap pertimbangan untuk membenarkan Lembaga Pengurusan Sekolah dan Pengetua-pengetua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan diberi kuasa untuk mencatatkan pengambilan pelajar kepada suatu peratusan di dalam mempertimbangkan kedudukan kediaman pelajar, kepercayaan agama dan bantuan kewangan daripada sektor-sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan guru adalah suatu kesulitan yang berpanjangan bagi Kementerian Pendidikan untuk menyelesaikannya. Maka, saya cadangkan agar sektor-sektor swasta dibenarkan untuk mendirikan maktab-maktab latihan pengurusan di mana ijazah-ijazah diperakui oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini yang telah memberi kuasa yang komprehensif dan luas kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sementara saya bersetuju dengan dasarnya, kepentingan dan keperluan untuk menyaingi pengurusan yang ketat dan berkesan program pendidikan kebangsaan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, saya dengan ikhlas merayu agar sebelum Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengambil sebarang tindakan beliau perlu mengadakan konsultasi penuh dengan pihak-pihak yang berkenaan dan kepentingan perpaduan negara dan pembangunan pendidikan negara perlu diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penelitian di atas saya memohon menyokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang baru ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Pendang.

5.20 ptg.

Tuan Othman bin Abdul [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih mendapat kesempatan pada petang ini untuk membicarakan soal Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mendengar apa yang DAP, PAS dan S46 bercakap kita tidak dapat hendak memerintah Malaysia ini. Yang betul hanya PAS, yang betul hanya DAP dan yang betul hanya S46. Itu mereka kata.

Saya hendak menyatakan pada petang ini tentang Rang Undang-undang Pendidikan, pertamanya pentadbiran sekolah-sekolah yang telah pun diletakkan sekarang di bawah seksyen 4 yang menyatakan bahawa sekarang ini - “Seksyen 4 - Bahawa setiap daerah akan ditempatkan seorang Pegawai Pendidikan Daerah yang harus dilantik mengikut undang-undang” yang sedang kita bincangkan sekarang ini.

Maka selepas daripada ini saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya semua daerah akan diberikan, akan ditempatkan seorang Pegawai Pendidikan Daerah yang akan bertanggungjawab tentang penyelarasan pendidikan, kebajikan para guru, anak-anak yang kita didik dan para pemimpin kita yang berada di Kementerian Pendidikan harus dapat

melihat suasana yang ada di sekolah-sekolah di pedalaman yang begitu dhaif. Ini orang UMNO yang hendak bercakap. Bukan macam PAS, dia bercakap macam “Ayam berkokok ekor bergelumang tahi” Kita telah bercakap lama, rakyat telah memohon lama, ini soalan pokok yang harus diperbetulkan. Kemudahan-kemudahan sekolah yang harus diberi, maka kita berikan ke sekolah pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, macam mana murid di pedalaman hendak mendapat 4A, atau 8A kalau ada 5 orang guru sandaran di sekolah-sekolah. Cuba terangkan kepada saya. Saya tak faham. Sekolah yang ada 10 orang guru, 5 orang adalah guru sandaran. Macam mana kita hendak latih murid-murid ini supaya dapat 4A atau 8A. Ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan - tolonglah. Yang anehnya, saya di Pendang, sekolah-sekolah menengah di Pendang guru bahasa Inggeris tidak cukup sedangkan di Alor Setar hanya 16 batu dari Pendang, guru bahasa Inggeris melebihi daripada yang diperlukan.

Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Machang bangun .

Tuan Othman bin Abdul: Boleh, boleh.

Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Pendang, saya tidak nafikan keperluan-keperluan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu memang penting tetapi yang dinyatakan yang di hadapan kita sekarang ini ialah soal dasar. Itu yang kita bercakap melalui pindaan Rang Undang-undang ini.

Kita telah menyatakan dengan jelas pendirian kita bahawa kita tidak sekali-kali mempertikaikan kewujudan sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Kita tidak mempertikaikan sama sekali. Yang kita pertikaikan ialah soal bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Yang Berhormat sendiri tahu bahawa kalau Yang Berhormat rujuk kepada Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib, pada masa itu yang dipersetujui oleh UMNO parti yang menjadi teras kepada Barisan Nasional; yang dipersetujui oleh MIC, yang dipersetujui oleh MCA. Maka Peruntukan 21(2) dimasukkan di dalam Akta Pelajaran 1961. Seksyen 21(2) ini memberi jaminan bahawa pada suatu masa adalah menjadi cita-cita kerajaan, menjadi cita-cita UMNO, menjadi cita-cita Allahyarham Tun Razak bahawa pada satu masa bila rakyat Malaysia sudah bersedia, hanya ada satu bahasa pengantar unggul iaitu Bahasa Kebangsaan. Itulah cita-cita yang termaktub di dalam Penyata Razak yang lama.

Sekarang peruntukan ini tiada di dalam Akta ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah UMNO sekarang tidak lagi bercita-cita, apakah sudah tidak ada cita-cita di dalam perjuangan parti UMNO yang menjadi teras kepada Kerajaan Barisan Nasional bahawa bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa pengantar yang unggul di negara kita? Ini persoalannya. Saya masih ingat, Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri dalam tahun 1986 di dewan TPCA berucap di tengah hujan yang saya sendiri hadir, 'soal ini tidak ada kompromi' tetapi seksyen 21(2) sekarang ditiadakan. Ini bermakna sekolah-sekolah jenis kebangsaan akan kekal in perpetually. Apakah sekarang tidak ada perjuangan UMNO untuk mengekalkan,

mendaulatkan bahasa untuk menjadi bahasa unggul? Apakah UMNO sudah tidak bercita-cita demikian sekarang? Kalau UMNO tidak bercita-cita demikian, UMNO tidak boleh menuntut bahawa mereka adalah pejuang untuk orang-orang Melayu dalam negara ini!

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Profesor Dr. Yusof Qardhawi mengatakan, “antara tanda-tanda tidak matangnya ilmu dan gejala-gejala lemahnya basirah terhadap agama dan sibuknya segolongan mereka dengan masalah juziah dan furu’iyah, tidak persoalan besar yang bersangkutan dengan kewujudan dan nasib umat”. Sekarang kita membicarakan kewujudan dan nasib umat, nasib umat Melayu di Malaysia dan orang Malaysia di Malaysia. Bagaimana arah tujuan yang kita hendak bawa, itu persoalan pokok. Kita menganggap penting, mustahak bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan jelasnya menyatakan bahawa ini soalan mesti ada dalam perjuangan UMNO, bahawa kita harus menegakkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dipergunakan malah diperkukuhkan. Mengapa kita hendak fikirkan soal seksyen 21 hilang, 21(a) dan sebagainya, mengapa kita sebutkan soal ini sedangkan pengukuhan yang telah jelas disebutkan dalam Akta yang panjang. Dan saya harap Ahli Yang Berhormat mengaji sedikit lagi daripada ulama-ulama PAS yang ada.

Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Tuan Othman bin Abdul: Nanti, saya tak habis lagi ini. Kawan saya daripada S46 ini harus mengaji daripada PAS kalau PAS itu alimlah, kalau dia tahu. Sebenarnya kita mempelajari bahasa asing ini sebahagian daripada sunnah yang disebutkan oleh Baginda Rasulullah. Rasulullah s.a.w. suruh kita belajar bahasa asing ini - bahasa Tionghua, bahasa Mandarin, bahasa Inggeris, bahasa Arab dan lain-lain bahasa. Kita memang memperjuangkan Bahasa Kebangsaan dan UMNO sedar soal ini dan kita tahu tentang perjuangan ini. Ini tak mengaji agaknya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya faham dalam peruntukan Akta ini ada peruntukan-peruntukan tertentu mendaulatkan bahasa Melayu. Itu ada, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan semalam. Tetapi kalaulah kerajaan bersikap tegas hendak mendaulatkan bahasa Melayu mengapa ada pengecualian di bawah seksyen 17(3) dan 143. Yang Berhormat fahamkan pengecualian di bawah seksyen 17 dan seksyen 143? Kalau tak faham, saya hendak baca.

Seksyen 17 ini mengatakan soal penggunaan bahasa boleh dikecualikan. di mana-mana khususnya...

Tuan Othman bin Abdul: Saya sudah baca.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Okay, kalau Yang Berhormat sudah baca, kalau bersikap tegas untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan, bahasa Melayu, mengapa perlu ada pengecualian di bawah seksyen 17(1)(2) dan pengecualian di bawah seksyen 143? Adakah ini bermakna kerajaan

berhasrat untuk mengecualikan beberapa peruntukan ini Akta ini kepada institusi pendidikan tinggi?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, itulah saya katakan, saya baca. Kalau saya tidak baca Rang Undang-undang ini saya tidak akan bercakap mengenainya, Tuan Yang di-Pertua. Persoalannya itulah, semangat yang ada dalam Barisan Nasional dan kemampuan kita yang ada sekarang bahawa kita harus memikirkan realiti rakyat Malaysia yang ada, realiti rakyat harus difikirkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Saya sebagai orang UMNO sudah pasti saya memperjuangkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang harus dipergunakan. Itu mutlak perjuangan UMNO, parti UMNO, ahli-ahli UMNO, ahli Dewan Rakyat UMNO. Ini mutlak perjuangan kita tetapi saya hendak sebutkan sekali lagi bahawa kami orang UMNO memahami hasrat, cita rasa rakan-rakan kami daripada MCA, MIC, GERAKAN dalam komponen Barisan Nasional. [*Tepuk*] Bukan Semangat 46 kekuatan tak ada. Bercakap pun tidak bersemangat, bercakap hendak membela nasib masyarakat - habuk pun tak ada! Kita faham soal ini, sebab itulah kita menganggap soal perubahan ini adalah soal pokok yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berbalik kepada maksud asal tadi bahawa ini soal yang mustahak yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan iaitu mengenai persoalan kemudahan-kemudahan, tentang pokok perbincangan kita.

Majlis Penasihat Pendidikan. Saya hendak merayu, memohon supaya dalam Majlis Penasihat Pendidikan ini, keanggotaannya haruslah menepati kehendak yang ada.

Saya bercakap atas nama Ahli UMNO, Wakil Parlimen UMNO dari Pendang, kita hendak merayu, memohon supaya kita adakan tokoh-tokoh pendidikan, ahli fikir Islam di dalam Majlis Penasihat Kebangsaan yang akan

menasihatkan menteri apa-apa yang harus kita lakukan dalam kerajaan kita bagi menentukan bahawa perjuangan kita, cita-cita kita ialah untuk mendidik masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Abu Hassan Ali Annadwi jelas mengatakan bahawa, “memang sukar, memang susah kita hendak menuju ke arah pembentukan sistem pendidikan Islam yang tulen di mana-mana dunia pun.” Itu Abu Hassan Ali Annadwi berkata. Tetapi kita mesti ada cita, mesti ada jalan, caranya harus kita ada. Inilah yang harus kita jalankan. UMNO bercita-cita, kerajaan menentukan. Sama ada kita boleh melakukan ini atau tidak, bergantunglah kepada kekuatan kita. Insya-Allah, saya yakin bahawa kerajaan yang ada mampu untuk memberikan kemudahan-kemudahan asas ini dalam pendidikan Islam, Ahli Majlis Penasihat yang mempunyai pakar dalam bidang Islam ini. Harus kita berikan peluang kepada mereka untuk bersama-sama membina, membimbing, memberi nasihat kepada Kementerian Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri dalam soal bagaimana kita hendak mendidik manusia, bagi jadi manusia baik.

Saya hendak masuk ‘manusia baik’ sedikit, bolehkah Tuan Yang di-Pertua? Sistem Pendidikan Kebangsaan kita yang ada - prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, lepasan sekolah dan tinggi. Saya cuma hendak merujukkan Seksyen 15(d) mengenai lepasan menengah, kerana inilah golongan yang paling ramai dalam masyarakat kita. Lepsan yang keluar daripada peringkat Tingkatan Lima yang tidak dapat melanjutkan ke peringkat tinggi dan yang menawarkan diri dalam pasaran buruh kita yang terbesar.

Maka inilah kerajaan harus memainkan peranan untuk melatih kumpulan lepas menengah ini dalam bidang-bidang teknikal, dalam bidang kejuruteraan, dalam bidang vokasional semoga dapat kita masukkan dalam pasaran buruh kita untuk menentukan mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pendidikan menengah, saya sebagai Ahli UMNO, saya hendak merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya kembali kepada satu kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa beliau menjadi Menteri Pendidikan dahulu, bahawa cita-citanya pada ketika itu hendak menubuhkan sebuah sekolah menengah agama pada setiap daerah. Jadi, saya sebagai Ahli Parlimen UMNO hendak memohon kepada kerajaan supaya kenyataan bekas Menteri Kewangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim supaya kita tubuhkan sebuah sekolah menengah agama di setiap daerah bagi membolehkan anak-anak kita untuk menuntut pelajaran yang lebih tinggi pada peringkat dalam bidang agamanya, supaya menjadi insan yang kamil yang dapat melakukan segala bidang pekerjaan, sepertimana kata Ibnul Khaldun dalam mukadimahnyanya.

Tuan Yang di-Pertua, Bab 2, seksyen 20(1) - Pendidikan Prasekolah. Yang menjadi bahan ketakutan PAS dari Marang, Kubang Kerian, takut dengan Rang Undang-undang ini kerajaan akan menutup PASTI. Saya memang hendak mencadangkan supaya ditutup semuanya PASTI, kerana bukan dia mengajar benda baik. Dia mengajar budak-budak kecil menjadi jahat.

Tuan Yang di-Pertua, suatu kejadian di Maktab Mahmud, Sekolah Menengah Agama yang terbaik di Kedah, ustaz, orang kuat PAS mengajar

murid-murid sekolah itu pijak gambar Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, di Maktab Mahmud. Ini baik punya ustazkah? Baik punya tok gurukah? Saya hendak sebutkan ini kenyataan yang berlaku di Maktab Mahmud, Alor Setar. Anak kepada Ahli Jawatankuasa Bahagian saya balik beritahu kepada bapanya, dia kata, 'ustaz suruh pijak gambar Dr. Mahathir Mohamad.' Inilah akhlak, budaya, amalan yang hendak dilakukan oleh PAS.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi.....

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Boleh.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Saya kurang faham sedikit dengan kenyataan Yang Berhormat itu, kerana tadi Yang Berhormat beritahu ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya menutup PASTI, kerana PAS mengajar kanak-kanak ini melakukan perkara yang buruk. Sedangkan contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat itu berlaku di Maktab Mahmud, bukannya di PASTI.

Tuan Othman bin Abdul: Duduk dahulu, duduklah! Belajar bagi habis dahulu. Tak habis lagi. Ini baru hendak masuk, belajar bagi habis dahulu. Duduk Parlimen lama sedikit. Boleh belajar dekat bapa. *[Ketawa]*

Saya hendak tunjukkan apa yang berlaku di PASTI di kawasan Pendang. Dia letakkan satu tiang, maka ditampalkan gambar Dr. Mahathir Mohamad, dia

tampilkan gambar Anwar Ibrahim, dia tampilkan gambar Othman Aroff. Dia kata lastik, ini semua syaitan. Dia kata syaitan gambar-gambar itu, Tuan Yang di-Pertua. Saya balik daripada kawasan saya, saya melalui pondok PAS. Saya ada dua pondok, Yang Berhormat. Di Pendang ada 12 pondok. Saya balik malam, budak-budak umur 10 tahun, 12 tahun, buka pintu - toghut, toghut, toghut! Dia kata pada saya toghut. Saya berhenti kereta saya, saya bertanya, 'adakah tok guru awak mengajar ini?' Punya biadab ajarannya. Pondok Gajah Mati, Tuan Gurunya Haji Wan Mustafa - bangun, kalau mahu challenge. Apakah ini ajaran untuk menjadikan manusia ini insan kamil, yang diajar oleh tok-tok guru PAS, ustaz-ustaz PAS di PASTI ini? Saya hendak cabar Ahli-ahli Parlimen PAS, kita boleh berdebat, saya hendak ajak pergi ke Pendang. Bapa saya mengaji pada seorang Tok Guru PAS. Yang Berhormat sebelum beritahu, saya beritahu dahulu. Dia bertanya, bapa Yang Berhormat sudah masuk PASKah? Bapa saya tak masuk PAS. Tetapi bapa saya kata, saya hendak mengaji pada tok guru boleh atau tidak? Saya kata mengaji. Bukan tok guru PAS semua tak baik. Ada yang baik, tetapi banyak yang tak baik.

Saya hendak menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa selepas Rang Undang-undang ini kita luluskan, penguatkuasaan harus diambil. Tetapi sayang hanya sedikit, dalam Akta ini tidak dinyatakan hukuman orang yang menubuhkan tadika PASTI, ini. Tidak ada hukuman. Yang Berhormat Menteri Pendidikan kata salah sahaja dari segi undang-undang, hukuman tidak ada.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Syorkan.

Tuan Othman bin Abdul: Tidak ada. Yang ada, seksyen 71, langgar seksyen 71 ada denda RM20,000. seksyen 77, ada denda. Yang tubuh PASTI tidak ada.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Syorkan!

Tuan Othman bin Abdul: Ahli-ahli Yang Berhormat, kata Iqbal, 'anak-anak ini adalah seperti gelas yang kosong.' Maka kalau gelas yang kosong, kita ibaratkan apa benda pun kita bubuh di dalamnya menjadi isi yang harus digunakan. Maka 'tuan-tuan,' tuan-tuan pula, sorrylah. *[Ketawa]* Ingat macam ceramah di Pendang.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena mendidik menjadi amalan yang baik. Sekolah-sekolah tadika yang dibuat oleh UMNO, Barisan Nasional di bawah KEMAS semuanya kita tidak mengajar anak-anak membenci orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, lebih teruk lagi di kawasan Yan. *[Sambil menoleh ke belakang melihat Yang Berhormat dari Yan]* Dia lena pula dah! *[Ketawa]* Dia lena buat apa?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tak lena, dok dengar sahaja!

Tuan Othman bin Abdul: Di kawasan Yan, Tuan Yang di-Pertua, anak tok guru jadi guru. Jadi guru perempuan. Perempuan ini jadi tok guru di sekolah itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Othman bin Abdul: Duduk dahulu, sekejap lagi kita habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Belum habis lagi. Anak Tuan Guru Pak Ya Junid, dilatih oleh Maktab Perguruan jadi guru dan mengajar di Sekolah Kebangsaan di Yan. Bila datang musim kemarau, macam sekarang Kedah musim kemarau, pagi-pagi hembusan angin sejuk, dia kata, ‘anak-anak sekalian, murid-murid, ini angin PAS yang sejuk pagi-pagi ini.’ Bila tengah hari pukul 11.00, pukul 12.00 [*Ketawa*] angin bertiup agak panas, dia kata, ‘ini angin Barisan Nasional.’ Jenis guru apa macam ini Yang Berhormat Menteri?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya sahkan betul. [*Ketawa*]

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, seksyen 20 ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Oh, boleh.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Yan, bukan masalah sistem pendidikan.

Seorang Ahli: Bukan Yan, tetapi Pendang. [*Ketawa*]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bukan masalah apa yang diajar. Yang ditimbulkan masalah individu. Itu yang ditimbulkan.

Seorang Ahli: Individu timbul daripada

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Misalnya ada seorang pelajar yang bersih.....

Tuan Othman bin Abdul: ‘Hambo’ tak mengerti sangat, bodoh sangat, duduk, duduk! [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat dari Pendang.....

Tuan Othman bin Abdul: Kita bincangkan di seksyen 20 Bab 2 tentang prasekolah.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Othman bin Abdul: Ini bukti. Mu fahamkah?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dengar dahulu.

Tuan Tuan Othman bin Abdul: Mu fahamkah atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tumpat.

Tuan Othman bin Abdul: Saya bincangkan seksyen 20(1) tentang tadika tidak boleh ditubuhkan melainkan dapat kelulusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat dari Pendang, minta gulung.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat dari Tumpat. Saya minta Pendang gulung.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Menyampuk]*

Tuan Othman bin Abdul: Duduk, duduk, duduk, duduklah dahulu!
Kalau dengan Wakil Rakyat PAS kita challenge berdebat di luar pun tak mengapa!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bercakap macam budak-budak PASTI.

Tuan Othman bin Abdul: Duduk, duduk, duduk.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Malulah sedikit orang tengok.

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah dulu, duduk. Malu apa. Inilah perangai biadab Wakil Rakyat PAS macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung, Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

Tuan Othman bin Abdul: Itulah tu, Itulah jenis maruah, itulah jenis akhlak, itulah jenis.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat...

Tuan Othman bin Abdul:jenis akhlak yang ada pada Wakil Rakyat PAS, huh pergilah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Menyampuk-Pembesar suara dipadamkan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk Yang Berhormat dari Tumpat, Yang Berhormat dari Pendang, minta gulung.

Tuan Othman bin Abdul: Hendak kacau lagi? Boleh. Lama dah tidak bergaduh ni. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan guru ini harus cermat kerana Doktor Abdullah Nasiruluan ada mengatakan tentang guru ini. Dia kata jika pendidik tidak membiaya diri dengan taqwa; ini orang UMNO hendak bercakap ni, bukannya PAS, Tuan Yang di-Pertua, perilaku dan muamalah yang berjalan pada method Islam, maka anak akan tumbuh menyimpang, terumbang ambing dalam kesukaran, kerosakan, kesesatan dan kebodohan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, bangun ada apa, Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Pandang, sekejap. Point of order. Apa dia Yang Berhormat?

Tuan Othman bin Abdul: Duduk dululah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Cakap biadab, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua suruh saya habiskan. Duduk dulu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Unparliamentary.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, terlalu ramai yang bercakap saya tidak dengar.

Tuan Othman bin Abdul: Duduk, duduk.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Cakap biar sopan sedikit.

Tuan Othman bin Abdul: Duduk, duduk dulu. Duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, ini masa Yang Berhormat sudah cukup. Masa Yang Berhormat dari Pendang sudah cukup.

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah, tahanlah telinga dengar sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, saya beri Yang Berhormat satu minit, ya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, inilah saya hendak menyatakan bahawa kita harus mengadakan sistem atau pengajaran guru yang baik. Masa dua jam seminggu belajar agama tidak cukup kerana saya hendak ceritakan ini ada orang PAS di kampung saya ini dia mengaji dua jam seminggu.

Tuan guru yang mengajar ialah Tuan Haji Abdul Rahim Abdul Rahman, mengajar di surau kampung saya. Tiap-tiap hari Jumaat dia mengajar pukul 3.00 sampai pulul 5.00. Jadi ada orang kampung saya ini nama Osman bin Abdul Rahman. Nama Osman juga. Dia pun mengaji. Selepas tujuh bulan dia pergi mengajar di sebuah kampung nama Kilang Kecil. Masa mengaji dia bawa satu kitab, kitab tulisan jawi lama dulu ni, saya mengaji jugalah kitab itu. Jadi, dia pun baca kitab. Dia kata, “tuan-tuan, adik kakak sekalian, hari ini kita mengaji, kita baca kitab bab mandi wajib, mandi hadas, mandi junub”. Dia kata mandi junub ini wajib basah semua “bulu-bulu rom”. Ra, Wau, Mim, dia kata bulu rom. Tuan Yang di-Pertua, bulu roma itu dia kata bulu rom. Ini mengaji

dua jam seminggu ini penyakitnya Tuan Yang di-Pertua. Orang PAS ini orang kampung saya ni.

Lepas itu satu orang bangun tanya, dia kata, “ustaz, bulu rom itu bulu apa ustaz? Jadi ustaz ini pun bangun dia kata, “bulu rom itu ialah sejenis bulu yang terlekat pada burung di syurga”. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa sudah lebih, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Sedikit lagi, sedikit. Maka kawan ini pun bangun sekali lagi, dia tanya ustaz, “apa hubungannya bulu rom yang terlekat pada burung di syurga dengan mandi hadas? Maka ustaz yang mengaji dua jam seminggu ini pun bangun, “sesiapa yang banyak bertanya, kurang imannya”. Habislah, itulah tu, macam muka itu lah tu [kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat] *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memohonlah dua jam seminggu ini tidak cukup. Balik buat sebelah petang balik. Tidak apalah bersilat-silat pun, ko-kurikulum kita kurangkanlah sedikit. Bagi anak kita mengaji pula sebelah petang, 4 - 5 jam, bagi dia pandai sedikit, bagi dia cerdik pada wakil rakyat PAS ini. Teruk, Ini sekular, sekular, apa benda sekular pun dia tidak faham. Ini dok sebut, semalam dok sebut sekular lagi, tanya dia sekular apa benda, dia bukan faham apa sekular itu apa benda. Menakutkan.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada ceramah PAS mengenai sekular, sekular ini di kampung saya, bapa saudara saya anaknya dapat 4A tidak mahu hantar sekolah menengah kerajaan, hendak hantar masuk pondok. Pergi

tengok, saya hendak tunjukkan bukti, kampung saya sekarang. Saya hendak cabar Wakil Rakyat PAS, jum kita pergi kampung saya. 4A hendak hantar masuk pondok, bukan kata pondok tidak bagus, sekolah agama kerajaan tidak boleh. Sekolah agama kerajaan ini masuk neraka, ingat neraka pajak dekat PAS ke? Bukan pajak dekat PAS seorang neraka ini, silap-silap lagi UMNO belaka masuk neraka. Kita pun hendak marah juga. *[Disampuk][Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah Tuan Yang di-Pertua beri amaran. Hendak beri saya bersyarah lagi pun boleh ni, insya-Allah. Kita buat macam ini, beri PAS dengar, Wakil Rakyat PAS dengar. Jadi, saya menyokong Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini kerana perubahan-perubahan harus dilakukan. Perubahan yang berlaku kalau macam segi pandangan Ibnu Khaldun pun dia menyebutkan bahawa ilmu yang harus dipelajari itu termasuk ilmu vokasional, kejuruteraan, ilmu hisab semua kena belajar. Ini tiba-tiba Marang, ini sekular. Mengaji tidak habislah kot.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.
[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tunggu sekejap ya, kita ada usul, Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA DPERATURAN MESYUARAT

5.45 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat usul yang telah dikemukakan iaitu:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.00 malam,

hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.00 malam.

**RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN 1995
Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kota Bharu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, ya?

Tuan Lim Guan Eng: Point of order, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingin merujuk kepada point of order 57(2) kerana Tuan Yang di-Pertua, saya ada membuat satu pindaan ke atas Fasal 2 Rang Undang-undang Pendidikan tetapi sungguhpun pengedaran ke atas pindaan yang dicadangkan oleh saya, dan pindaan yang dicadangkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah diedarkan kepada semua ahli Parlimen tetapi saya tidak nampak pindaan yang dicadangkan oleh saya tertera dalam risalah ini. Bolehkah saya tahu, macam mana saya punya pindaan boleh hilang?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, kita akan siasat.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana tidak ada masa, besok mungkin akan dibentangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, pindaan itu dalam jawatankuasa, jawatankuasa besok.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya tahu tetapi kalau....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kita akan siasat pada hari ini, saya minta Setiausaha akan siasat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh pastikan bahawa bukan saya sahaja tetapi Yang Berhormat dari Cheras, Yang Berhormat dari Bagan dan Yang Berhormat dari Kepong ke atas.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kita akan siasat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ke atas pindaan untuk memastikan kerajaan liberal ke atas sekolah-sekolah persendirian swasta Cina dan juga sekolah jenis kebangsaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, kita akan siasat. Kota Bharu.

5.47 ptg.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang sama timbul juga kepada saya iaitu pindaan-pindaan yang saya cadangkan tidak termasuk di dalam kertas ini. Saya harap ia akan disiasat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, kita akan siasat.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya dan parti saya, Parti Melayu Semangat 46, Rang Undang-undang Pendidikan 1995 tidak boleh diterima jika beberapa perkara pokok tidak dipinda. Pertama, soal Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Bahasa Kebangsaan hendaklah dijadikan alat

perpaduan utama dan keberkesanannya sebagai alat perpaduan perlu dipertingkatkan melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960, kedua-duanya menitikberatkan aspek-aspek yang berkaitan dengan perpaduan negara. Dari segi perpaduan Penyata Razak dalam perenggan 12nya menyatakan:

“Tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur”.

Adalah jelas Penyata Razak mengutamakan perpaduan negara sebagai satu matlamat yang perlu dicapai. Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan dasar kerajaan bertarikh 7hb. November 1979 mengambil maklum bahawa Penyata Razak bercita-cita supaya unsur-unsur dan nilai-nilai perpaduan dijadikan teras Dasar Pendidikan Kebangsaan untuk menjamin kesejahteraan dan kepentingan masyarakat Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum.

Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Dr. Mahathir selaku Timbalan Perdana Menteri. Laporan itu juga menyatakan bahawa perpaduan yang diwujudkan mestilah berupaya menangkis

gejala-gejala yang boleh memecah belahkan rakyat dan gejala-gejala tersebut adalah gejala-gejala perkauman, keturunan, agama, bahasa, perasaan kedaerahan dan lain-lain lagi.

Ternyata lah atau logiknya jika kerajaan konsisten apabila akta pendidikan baru hendak diperkenalkan, hasrat Penyata Razak diterjemahkan dengan mengadakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua sekolah. Perdana Menteri sedar akan hasrat itu, tetapi nampaknya tidak mempunyai iltizam siasah atau semangat politik untuk merealisasinya melalui akta pendidikan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pelajaran 1961 berteraskan Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib 1960. Berlandaskan akta tersebut, langkah-langkah diambil untuk menyatupadukan masyarakat Malaysia melalui penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Setelah Malaysia ditubuhkan pada 1963, bahasa pengantar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Inggeris telah ditukar dari bahasa Inggeris kepada Bahasa Kebangsaan. Pada tahun 1975 keseluruhan sekolah-sekolah itu di Semenanjung dan di Sabah menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar dan di Sarawak pula ia mula dilaksanakan pada tahun 1977. Sepatutnya kejayaan itu diteruskan sehingga semua sekolah di dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan mengguna Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak pula bermakna bahasa-bahasa ibunda rakyat Malaysia berbilang kaum tidak ada tempat. Saya dan parti saya bersetuju bahawa kegelisahan terhadap pendidikan bahasa dan kebudayaan

ibunda harus tamat, semua kaum harus diberi peluang untuk menyediakan pendidikan bahasa dan kebudayaan masing-masing. Bahasa dan kebudayaan setiap kaum dalam masyarakat Malaysia harus diberi peranan untuk menyumbang dan memperkayakan Bahasa Kebangsaan dan kebudayaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bahasa Melayu telah banyak dipengaruhi oleh Sanskrit, bahasa Arab, Belanda, Portugis dan khususnya Inggeris. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan seharusnya lebih terbuka untuk diperkayakan dengan perkataan-perkataan atau istilah-istilah dari bahasa-bahasa ibunda pelbagai kaum dalam masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan parti saya bersetuju bahawa sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil dijamin kewujudannya, tetapi dengan tujuan mengajar bahasa dan kebudayaan ibunda. Sudah sampai masanya mata-mata pelajaran yang tidak kena-mengena dengan bahasa atau kebudayaan diajar dalam Bahasa Kebangsaan. Apa salahnya murid Tionghua dan Tamil mempelajari matematik, sains, geografi atau sejarah dalam Bahasa Kebangsaan? Apakah Bahasa Kebangsaan begitu hina, sehingga mata-mata pelajaran ini pun tak boleh diajar dalam Bahasa Kebangsaan?

Tuan Yang di-Pertua, demi mewujudkan masyarakat Malaysia ...

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:

[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun, hendak minta jalan.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Minta maaf ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia tidak beri.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Demi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, saya merayu kepada semua Ahli-ahli Parlimen supaya kita sama-sama mempertingkatkan martabat Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa perpaduan. Bersetujulah ia dijadikan bahasa pengantar di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Persetujuan ikhlas ini bermakna semua Ahli Parlimen mampu mengatasi perasaan perkauman yang sempit. Marilah kita sama-sama meminda Fasal 17. Mengangkat martabat Bahasa Kebangsaan

Tuan Lim Si Chen: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, ada lagi yang bangun, di sebelah itu.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Minta maaf ya! Mengangkat martabat Bahasa Kebangsaan tidak bermakna bahasa dan kebudayaan ibunda tidak penting. Ia tetap penting dan pendidikan mengenainya patut dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, kita Ahli-ahli Parlimen bukan sahaja bertanggungjawab untuk meningkatkan keberkesanan serta martabat Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa perpaduan, tetapi kita harus juga merasa bertanggungjawab untuk mempertahankannya sebagai bahasa ilmu khususnya di dalam bidang sains dan teknologi.

Keazaman yang kuat dengan disokong oleh peruntukan kewangan yang mencukupi serta penyediaan segala kemudahan yang diperlukan akan membolehkan Bahasa Kebangsaan bertindak dengan lebih berwibawa dan berkesan sebagai bahasa ilmu dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi.

Sebagai seorang Melayu dan rakyat Malaysia, saya merasa terhina, malu, sedih dan begitu dukacita apabila bahasa lain hendak diutamakan atau sekurangnya disamakan darjatnya dengan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ilmu di negara kita.

Saya merayu kepada anak Tun Razak yang memegang jawatan Menteri Pendidikan supaya membuktikan kesetiaannya kepada cita-cita ayahandanya untuk bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa ilmu di samping menjadi bahasa rasmi, bahasa pentadbiran, bahasa perdagangan, bahasa perhubungan dan bahasa harian negara ini.

Semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka di kurun 15 lagi, bahasa Melayu berkedudukan tinggi di Tanah Melayu, janganlah di zaman anak Tun Razak, penghakisan terhadap kedudukan bahasa Melayu berlaku secara rasmi. Oleh itu perkara pokok yang kedua ialah semua institusi pendidikan kerajaan mahu pun swasta hendaklah dijadikan sebahagian dari sistem pendidikan kebangsaan dan dimestikan menerima Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Ini bermakna bahasa Inggeris tidak boleh diterima sebagai bahasa pengantar di institusi-institusi pendidikan kerajaan ataupun swasta. Kita semua

mengakui betapa pentingnya bahasa Inggeris di dalam pelbagai bidang dan kita harus menguasai bahasa itu. Walau bagaimanapun, kita harus yakin bahawa kemajuan negara kita tidak bergantung kepada bahasa Inggeris. Negara Jerman, Perancis, Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan puluhan negara lain maju tanpa terlalu bergantung kepada bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tetap mampu menjadi pusat pendidikan yang cemerlang tanpa menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Sejarah membuktikan bahawa pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, Kota Melaka terkenal sebagai pusat pendidikan. Bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu. Cita-cita kerajaan untuk menjadikan Malaysia terkenal sebagai pusat pendidikan boleh diteruskan, asalkan jangan terlalu memuja bahasa Inggeris hingga menjadikan ia prasyarat kepada pencapaian matlamat itu.

Teknologi terkini dapat dikuasai melalui Bahasa Kebangsaan dan teknologi baru dapat diterokai melalui Bahasa Kebangsaan. Lihatlah kepada negara Jerman, Perancis, Jepun, Itali, Korea Selatan, Taiwan, Rusia dan lain-lain lagi negara yang menguasai teknologi terkini dan mampu mencipta teknologi baru tanpa terlalu bergantung kepada bahasa Inggeris.

Apakah Kerajaan Barisan Nasional tak yakin kepada kemampuan bahasa Melayu? Itulah sebenarnya masalahnya. Apakah kelemahan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, carilah punca masalahnya dan berazamlah untuk meremedinya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pokok yang ketiga ialah masalah ketidakseimbang kuasa Parlimen dan kuasa eksekutif berkenaan dengan akta yang dicadangkan itu. Terlalu banyak kuasa diberikan kepada menteri, kepada eksekutif. Seksyen 143 perlu dihapuskan, kerana kesannya, dengan izin, 'it

makes nonsense of the act'. Tiada guna sama sekali kita mengadakan peruntukan-peruntukan yang baik dan benar-benar mencerminkan aspirasi murni yang terkandung di dalam mukadimah rang undang-undang itu, kerana menteri diberi kuasa tidak mengendah kesemuanya kecuali peruntukan mengenai pendaftaran. Dengan izin, 'it is too sweeping', eloklah ia dimansuhkan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Machang bangun.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Haji Mohamed: Saya tunggu dari pukul 3.30 petang sampai sekarang tak boleh berucap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu. Tadi Yang Berhormat sebut seksyen 143, seksyen 17, iaitu pengecualian. Yang Berhormat sedar atau tidak, pindaan ini ada satu lagi pengecualian diberi kepada menteri. Ini yang dicadangkan di atas meja kita sekarang. Pengecualian ini satu lagi, ada tiga pengecualian. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pengecualian-pengecualian inilah yang kelak menggugat tentang kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa unggul di institusi-institusi pendidikan?

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Saya bersetuju! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjelaskan pendirian saya dan parti saya mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat kawasan Gua Musang

supaya diperkenalkan mata pelajaran pengetahuan Islam sebagai mata pelajaran teras.

Cadangan itu saya bersetuju kerana ia bertujuan murni dan semua rakyat Malaysia menerima hakikat bahawa agama Islam adalah agama rasmi. Malaysia adalah anggota Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC). Sangatlah wajar seramai mungkin rakyat Malaysia memahami agama Islam sebagai agama yang progresif, dinamis, agama yang mementingkan keamanan, perpaduan rakyat dan yang mencegah paksaan dalam menganutinya. Kami berharap, kerajaan akan mengambil peluang melalui akta baru ini untuk menambah komponen penyatuan iaitu agama Islam menjadi alat perpaduan tanpa mana-mana individu dipaksa memeluknya.

Kurikulum mata pelajaran pengetahuan agama Islam hendaklah sesuai dengan tujuannya sebagai alat perpaduan bagi murid-murid yang tidak menganut agama Islam, dan bagi murid-murid yang menganut agama Islam kurikulumnya hendaklah bersesuaian dengan peranan agama Islam sebagai addin (cara hidup). Di bawah pengajian moral pula, peluang harus diberi untuk penganut-penganut agama masing-masing mendalami agama masing-masing. Rukun Negara menekan aspek ini dan rukun pertama ialah Kepercayaan kepada Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri saya ingin menyentuh mengenai umur kemasukan ke prasekolah dan sekolah rendah. Rang Undang-undang Pendidikan, 1995 mencadangkan supaya kanak-kanak memasuki prasekolah bermula pada umur 5 tahun dan sekolah rendah pada umur 6 tahun.

Dunia pendidikan awal sekolah berkembang dengan begitu pesat pada abad ini dan pelbagai pendekatan yang sesuai dengan fitrah atau jiwa kanak-kanak diperkenalkan. Pada abad ini, tidak lagi mustahil di dalam sesebuah negara, termasuk negara Malaysia yang terdapat anak-anak 'gifted' atau 'genius' pada jumlah yang ramai. Ia sebenarnya bergantung kepada sikap ibu bapa untuk menyediakan persekitaran pendidikan yang penuh dengan kemesraan dan stimulasi atau 'nurturing environment' dengan izin. Jika anak-anak kecil dididik dengan penuh kegembiraan, tiada tekanan atau paksaan dan diajar sesuatu pelajaran dengan mempersembahkannya dalam bentuk fakta, dengan jelas, berulang kali dan dalam kategori, maka anak kecil itu dengan mudah menerima pelajaran berdasarkan proses penyerapan atau 'osmosis'.

Kini di Malaysia, ramai kanak-kanak dari keluarga yang komited terhadap anak mampu membaca pada peringkat umur 3 tahun. Zaman kita, mungkin kebolehan ini tercapai pada umur 6 atau 7 tahun. Apakah patut kita memaksa anak-anak pintar ini memulakan kindergarten atau tadika pada umur 5 tahun dan persekolahan rendah pada umur 6 tahun. Kita harus bersedia untuk memberi peluang kepada anak-anak pintar ini memasuki prasekolah dan sekolah rendah pada umur yang bersesuaian dengan mereka, dengan syarat bukan sahaja mereka pintar tetapi telah mencapai kematangan untuk di masukkan ke tadika atau sekolah rendah. Di bawah Akta Pelajaran 1961, kanak-kanak berumur 6 tahun boleh memasuki sekolah rendah, walaupun kebanyakan kanak-kanak masuk pada umur 7 tahun. Oleh itu, adalah

dicadangkan supaya kanak-kanak boleh memasuki sekolah rendah pada umur 5 tahun walaupun kebanyakan kanak-kanak memasukinya pada umur 6 tahun.

Di Canada, saya dimaklumi bahawa kanak-kanak boleh masuk tadika sebelum umur 4 tahun dan boleh memulakan persekolahan rendah pada umur 5 tahun, tetapi dikehendaki mencapai umur 6 tahun pada 1hb. Oktober. Tahun persekolahan mereka bermula pada 1hb. September. Di Singapura pula, saya difahamkan tadika bermula pada umur 4 tahun dan persekolahan rendah pada umur 6 tahun. Di Britain ia berbeza dengan United Kingdom. Kanak-kanak boleh memulakan, kalau di Ireland Utara, pada umur 4 tahun di tadika tetapi di Great Britain, adalah pada umur 3 tahun boleh dimulakan dan juga pada umur 5 tahun boleh di masukkan ke sekolah rendah, tetapi di negara-negara yang saya sebutkan, umpamanya di Canada dan di Great Britain, bukanlah diadakan satu pemusatan (centralised) sistem, macam di Great Britain ialah adalah di bawah Kuasa Tempatan dan di Canada di bawa kuasa provinsi. Begitu juga di Australia dan di Amerika Syarikat, kanak-kanak diizinkan memulakan pendidikan tadika atau prasekolah pada peringkat umur yang muda iaitu 4 tahun dan persekolahan pada umur 5 tahun. Memandangkan perkembangan-perkembangan itu, iaitu di dunia pendidikan awal, amatlah wajar negara kita menyelaraskan perkembangan itu dan 'move with the times', dengan izin. Oleh itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, minta gulung.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Ya, oleh itu saya ingin mencadangkan supaya umur masuk tadika diawalkan kepada 4 tahun dan umur masuk sekolah rendah diawalkan kepada 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa Rang Undang-undang Pendidikan, 1995 tidak boleh diterima jika beberapa perkara pokok tidak dipinda. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Rompin.

6.05 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang untuk saya menyertai perbahasan dalam Akta Rang Undang-undang Pendidikan, 1995. Izinkan saya mengambil kesempatan ini, seperti rakan-rakan saya sebelum ini daripada kerajaan Barisan Nasional, mungkin tidak yang lain seperti "Singa Kota Bharu" tadi.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: "Betina" tadi, khususnya Menteri Pendidikan, Dato' Seri Najib kerana membentangkan suatu Akta Pendidikan yang baru yang kita semua anggap sebagai suatu yang sungguh comprehensive and visionary, dengan izin. Saya yakin ia merupakan asas kukuh dalam agenda negara kita, dalam agenda sosial politik dan ekonomi negara kita, semasa dan dekad-dekad abad ke-21 akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dibentang ini juga mengandungi banyak ciri-ciri yang lengkap, antaranya sebagai instrument untuk memupuk perpaduan negara dan juga menyediakan negara untuk memasuki sebagai sebuah negara industri pada tahun 2020 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, umum mengetahui selepas.....

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Kota Bharu bangun.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Point of order, Yang Berhormat. Apa dia?

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Point of order 36(1). Saya percaya Yang Berhormat telah mengguna perkataan 'betina'

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, sila tarik balik.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tarik balik "Singa Betina" - "Singa Perempuan".

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Umum mengetahui selepas merdeka, asas pendekatan negara dipelopori oleh Laporan Razak. Kini pula, bila kita melangkah ke dekad 21, kita merasa bangga dengan pembentangan Akta ini yang akan membawa kerajaan kita, yang kita anggap

sebagai satu kerajaan yang amat baik sekali. Perubahan yang dibuat seperti dasar dan strategi dalam Akta ini boleh dianggap sebagai satu exercise, dengan izin, re-engineering of Malaysian Education, untuk kita melangkah ke abad ke-21. Penggunaan konsep-konsep dan strategi-strategi baru seperti empowerment, dengan izin, dengan teknologi, maklumat komputer, jelas dapat dilihat dalam Akta ini. Kita mengucapkan syabas.

Harapan kita ialah melalui Akta ini kita akan dapat memupuk, akan datang satu generasi insan bangsa Malaysia yang lengkap seimbang dan merangkumi kekuatan-kekuatan intelek, rohani dan jasmani yang berasaskan kepada kepercayaan kepada Tuhan. Harapan kita juga agar melalui Akta ini masyarakat negara kita mempunyai satu standard, satu kekuatan dalam bidang pendidikan dan ilmu, dan bidang sains, teknologi dan maklumat setanding di dunia seperti yang dikatakan oleh Menteri Pendidikan dalam pembentangnya semalam, kita mahu satu pendidikan yang ‘berkelas’

Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Tan Chong Keng: Minta Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ada yang bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Rompin berkaitan dengan tafsirannya ‘insan Malaysia’ itu. Adakah hanya dengan mempelajari bahasa Melayu itu di sebut sebagai ‘insan Malaysia’ ataupun mesti memahami bahasa-bahasa yang lain

juga untuk globalisation. Yang mana betul? Saya keliru kerana selepas ucapan Yang Berhormat dari Kota Bharu saya keliru. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nampak gayanya Ahli-ahli Yang Berhormat MCA ini sudah canggih sekarang. Boleh bertanya soalan-soalan yang agak susah hendak dijawab. *[Ketawa]* Saya bersetujulah pandangan beliau bahawa untuk mewujudkan satu insan yang boleh berdiri untuk survive sebagai bangsa Malaysia bukan sekarang tetapi untuk menyahut cabaran dekad yang akan datang. Ini penting. Kalau cara Yang Berhormat dari Kota Bharu tadi, saya ingat dia regressive. Mungkin Yang Berhormat dari Kota Bharu begitu. Kalau Kota Bharu tidak mahu melangkah ke dekad yang akan datang, sebagai Ahli Parlimen dia mungkin tidak mahu di Kota Bharu, tempat lain saya rasa kita tidak mahu begitu. Betul ya? Bukit Mertajam begitu?

Dr. Tan Chong Keng: Betul. Betul. Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, semenjak akta ini diura-ura dibentangkan di Parlimen, jelas kita lihat sokongan rakyat kepada kerajaan dan kementerian dalam cadangan akta ini.

Dalam Barisan Nasional kita ada melihat satu sepakatan yang baik dari UMNO, MCA, MIC, Gerakan dan parti-parti lain. Yang membuat angkara dan karenah, pada awal Tuan Yang di-Pertua, saya tulis oleh hanya DAP sahaja tetapi nampaknya termasuk S.46 sekarang yang membuat karenah juga. S.46 dan PAS, parti ini tidak ada benda lain lagi. Mungkin kita boleh namakan parti ini bukan parti pembangkang, "parti angkara" dan "parti karenah" sepatutnya.

Mereka menuduh kononnya, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak melibatkan rakyat jelata, ini DAP. DAP menuduh, sebagai contoh, ini pembangkang, sebagai contoh mengatakan bahawa rakyat jelata tidak dilibatkan dalam proses penyediaan dan penggubalan akta. Kononnya, kerajaan tidak berusaha untuk mendapatkan konsensus nasional di dalam penyediaan akta ini. Ini DAP. Tidak tahulah Yang Berhormat dari Kepong bersetuju atau tidak. Saya tidak tahu.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nanti, saya habiskan ini, saya beri Yang Berhormat dari Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau sanggup hendak bertanding sebagai Setiausaha Agung, saya beri selepas ini.

Tuduhan ini adalah liar dan pembohongan politik kerana kerajaan telah menjemput DAP menyertai Majlis Perundingan Pendidikan Negara tetapi mereka menolak. Mereka menolak....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Kepong bangun lagi, Yang Berhormat. Beri?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat dari Rompin menerangkan sama ada beliau ada baca Rang Undang-undang Pendidikan 1990 berbanding dengan Rang Undang-undang Pendidikan

1995? Dalam tempoh lima tahun ini adakah perbezaan besar di antara kedua-dua draf undang-undang ini? Adakah? Kalau tidak jangan kita bising sangat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak ada kena mengena dengan apa yang saya cakapkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Mana tidak ada kena mengena.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya mengatakan bahawa DAP menuduh kerajaan tidak berusaha cuba mewujudkan satu konsensus nasional. Ini telah diusahakan oleh kerajaan melalui penubuhan Majlis Perundingan Pendidikan Negara. DAP tolak. Dijemput naik ke rumah, ditolak. Selepas itu kata tidak dijemput. Ini bukan Yang Berhormat dari Kepong cakap ini. Ketua Pembangkang! Saya bukan menuduh Yang Berhormat dari Kepong. Tidak perlulah Yang Berhormat dari Kepong hendak bela Ketua Pembangkang pula.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Mereka takut...

Tuan Fu Ah Kiow: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, ada yang bangun ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kawan kena beri. *[Ketawa]*

Tuan Fu Ah Kiow: Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat dari Rompin bahawa adakah Yang Berhormat setuju sebenarnya DAP sengaja menimbulkan soalan-soalan yang bukan-bukan supaya mereka boleh lari dari

tanggungjawab mereka menyertai Majlis Perundingan Pendidikan Negara dan sebenarnya mereka takut bahawa jika satu permuafakatan (consensus) dicapai, bahawa DAP akan kehilangan modal politik dan ini sebenarnya adalah budaya politik DAP? Apa yang diperkatakan oleh Ketua Pembangkang semalam, menghabiskan masa selama setengah jam merupakan sandiwara politik DAP?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya bersetuju. Itu pun yang saya hendak cakapkan ini. *[Ketawa]* Saya sudah tulis. Cuba tengok ini. Saya baca, "mereka takut jika ada konsensus, bila ada kejayaan majlis ini, ada konsensus melalui majlis tersebut, dia takut kerajaan akan mendapat mileage, mendapat pujian rakyat." Itu yang mereka takut. Sebab itu dia kata dia tidak mahu masuk. Ini biasalah.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau sanggup hendak jadi Setiausaha Agung, saya beri. Saya habiskan dulu, saya beri. Sebab itu mereka mencari helah mengeluarkan lima alasan to justify, dengan izin, untuk tidak menyertai Majlis Perundingan Pendidikan Negara. Ini direka-reka semata-mata. Saya tidak yakin Yang Berhormat dari Kepong bersubahat tetapi ini adalah sebenarnya usaha Ketua Pembangkang - bukan Yang Berhormat dari Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini dia hendak menggunakan pula. Mula-mula dia tidak mahu masuk atau menyertai Majlis Perundingan Pendidikan Negara. Selepas itu dia kata bentangkan pula di Parlimen. Tadi dia kata, I have got nothing to do, dengan izin, dengan Majlis Perundingan Pendidikan Negara

ini, ini tidak guna, alat politik kerajaanlah, lepas itu dia minta tolong bentangkan pula laporan di dalam Parlimen. Apa ini? Another political ploy, dengan izin.

Sebab itulah, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, DAP ini tidak payahlah. Memanglah cara mereka. Apa jua yang baik semuanya tidak betul.

Yang satu lagi ini Yang Berhormat dari Kepong boleh dengar. DAP juga menuduh kononnya hanya akta sahaja dibentang tetapi tidak ada strategi, tidak ada mission. Bagaimana dapat diadakan satu akta kalau tidak ada brainstorming, dengan izin, tidak ada perbincangan. Dalam mana-mana buku MBA, sebelum ada action plan macam ini, mestilah ada "mission"nya, mestilah ada strateginya. Saya ingat elok kita hantar Ahli-ahli DAP pergi buat MBA, suruh mereka belajar sedikit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Cuba Yang Berhormat baca mukadimah di sini:-

"Dan bahawasanya adalah menjadi suatu kewajipan untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti".

Ini baik tetapi dimana kita ada strategi untuk meningkatkan sistem pendidikan pada taraf dunia?. World class. Kita mesti ada strategi untuk world class.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau kita beri DAP semua strategi, semua action plan, bila kita buat, DAP kata dia punya. Kita ada tetapi tidak perlulah kita kemukakan kepada DAP. Rahsia kita takkan hendak beri semua. Tetapi saya mengatakan bahawa takkanlah sesuatu dasar untuk menyediakan negara tidak ada satu misi, tidak ada strategi. Ini hanya merupakan tipu helah DAP yang sengaja cuba mengalih pandangan rakyat. Itu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya kata begitu sebab kita sudah banyak melihat perubahan strategi baru, pendekatan baru yang dibenarkan oleh kementerian. Saya rasa tiap-tiap minggu kita dengar kenyataan kementerian sama ada Menterinya, Timbalan Menterinya atau pegawainya.

Contohnya diumumkan corporatisation universiti, pendekatan baru dalam persekolahan vokasional dan teknikal, pendekatan baru menganugerahkan ijazah. Inilah program-program. Banyak lagi. Minta dengan pegawai kementerian satu buku dia boleh beri. Tolong beri Yang Berhormat dari Kepong satu buku, pegawai kementerian! Saya rasa tidak baca surat khabar. Kalau baca pun dia tidak mahu lihat kenyataan dan kejayaan yang dibuat oleh kerajaan.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Mereka ini irihati, dengki. Yang Berhormat dari Kepong saya tidak tahu. Yang lain ini semua kumpulan irihati dan dengki sahaja. Saya tidak ada masa Yang Berhormat dari Kepong, lepas ini saya beri.

Satu perkara lagi, yang saya ingin sentuh Tuan Yang di-Pertua, tentang isu kawalan dan pengawasan. Ini lagi sedap. Dia coined, dengan izin, independent self-regulator. Perkataan mana dia buat? Independent self-regulator. Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kepong, di mana dalam dunia ini ada sistem pendidikan sesebuah negara tidak ada satu pengawasan dan penyeliaan? Singapura ada. Bolehkah di Singapura wujudkan sekolah Tamil atau sekolah India, mengajar semua dalam bahasa Tamil dan India? Boleh di Singapura? Ini kawan rapat Yang Berhormat dari Singapura. Tidak ada! Saya pening kepala. Mengapa satu parti yang katanya progresif, memandang ke hadapan tetapi dalam pentadbiran pendidikan tidak perlu ada regulator. Stock Exchange ada SEC sebagai "regulator"nya. Isu pollution ada penguatkuasa. Yang Berhormat dari Kepong balik ke rumah isteri yang mengawasi Yang Berhormat. *[Ketawa]* Mana ada? Hendak sebut? Saya beri. Mana ada?

Seorang Ahli: Queen Control.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Rompin mengetahui bahawa di sini ada Ketua Pengarah Pendidikan yang ada lap top, sedang membuat penjelasan dan kenyataan bagi pihak Yang Berhormat Menteri supaya dia dapat satu rujukan. Tidak payah

Rompin hendak membela Yang Berhormat Menteri di sini dengan kata-kata yang bukan-bukan....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa soalnya, saya beri jalan, tetapi apa soalnya?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya beri penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa soalnya?

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah beliau tahu?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa pandangan? Mengapa DAP mengatakan tidak perlu ada satu badan pengawasan dan penyelarasan? Yang Berhormat setujukah kita tidak ada ataupun ini hanya pandangan Ketua Pembangkang?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Rompin ini keliru sedikit. Jadi, saya pun tidak tahu apa soalan dia itu?
[Ketawa]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini faham, tetapi buat tidak faham. Kalau dia membuat kenyataan bercanggah dengan Ketua Pembangkang, susah dia pula.

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kota Melaka kata tidak cakap, nanti Kota Melaka report pula.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi kawan baik oleh DAP di masa pilihan rayalah, yakni tentang PAS. Semalam kita baca dalam *Hansard* menuduh bahawa Akta ini tidak menjaga keunggulan dan matlamat martabat Bahasa

Kebangsaan dalam sistem pendidikan negara kita ataupun Akta yang ada pada hari ini. Selepas itu dia rujuk pula kepada Fasal 12, saya tengok Fasal 12 ini lain ceritanya pula. Dia kata ini tentang komposisi Majlis Penasihat Pendidikan.

Saya mengesyorkan kepada Marang baik tukar sahajalah penasihat pendidikan beliau atau tukar tukang tulis ucapan beliau, tidak perlulah kita hujah. Saya yakin terang-terang dalam Akta ini banyak peruntukan yang menjaga keunggulan dan martabat Bahasa Kebangsaan kita, hanya Kota Bharu, dia tidak baca, dia baca yang lain sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya di dalam perbahasan ini mencadangkan beberapa perkara.

Pertama, kita banyak mendengar usaha kementerian untuk meningkatkan lagi kualiti kemudahan asas di sekolah-sekolah luar bandar. Perkara ini kita menyokong dan apa yang kita mahu usaha ini dipercepatkan lagi. Kita tidak mahu cerita-cerita yang saya rasa bukan satu cerita yang kita mahu dengar bila kita melangkah dekad abad ke-21, kekurangan kemudahan-kemudahan seperti kerusi dan bangku. Saya yakin perkara ini berlaku oleh kerana perkara-perkara yang mereka tidak dapat elakkan, tetapi kita merasa amat bangga walaupun pada hari pertama ada satu, dua sekolah kita dengar, tetapi tindakannya amat cepat.

Saya pergi ke kawasan saya Rompin, satu sekolah tidak ada kerusi bangku, pada hari Ahad satu lori datang beri kerusi bangku. Ini satu tindakan yang baik, yang cepat, tidak menunggu tiga bulan. Jadi ini kita mengucapkan

syabas. Namun demikian, dalam isu pendidikan ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sekadar hanya hardwarenya sahaja, bukan sekadar kemudahan asas bahawa sekolah mesti ada kipas, sekolah mesti ada kerusi, mesti ada bangku, tetapi sebagai contoh, dengan izin, softwarenya mesti baik juga.

Peranan guru-guru yang mengajar, kalau 20 tahun dahulu profesion guru ini menjadi seperti profesion yang ada martabat yang amat tinggi, tetapi sekarang ini amat pudar sedikit. Sebab itu kita mengesyorkan supaya melalui Akta ini supaya dikaji semula skim perkhidmatan mereka, perumahan mereka supaya benar-benar kita ada satu rangkaian kekuatan, kemudahan asas yang ada, yang lengkap dan kekuatan dari segi tenaga pengajar supaya Akta yang kita kemukakan pada hari ini, insya-Allah, akan menjayakan satu generasi yang kita harapkan.

Perkara yang kedua, mengenai IPT.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, minta gulung.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, saya sepintas lalu sahaja.

Mengenai IPT dari segi mengkorporatkan seperti bil akan datang, tidak payah saya sentuh, namun demikian IPT swasta. Sekarang kita dengar hanya 10% bumiputera, namun demikian, usaha kerajaan untuk meningkatkan sebagaimana kita dengar baru-baru ini supaya ada keseimbangan.

Kita dengar skim kementerian untuk mengadakan pinjaman untuk membantu anak-anak kita pergi ke sekolah-sekolah swasta, kita amat mengalu-

alukan dan kita menyokong supaya skim yang diumumkan dapat dipercepatkan dari segi pelaksanaannya.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas juga kepada kementerian dalam cuba memastikan sekolah-sekolah ada komputer. Ini satu usaha yang baik. Cadangan saya ialah kalau boleh mengapa tidak selepas 6 tahun sekolah rendah, 5 tahun sekolah menengah, selain dari mereka ini boleh membaca dan menulis, tetapi mereka ini juga computer literate. Yang itu saya setuju sedikit dengan DAP, tetapi masanya terpulanglah kepada kementerian, tetapi kalau boleh menjelang dekad 21, pada 1hb. Januari 2000 seramai yang boleh bila lulus selepas tingkatan lima, mereka bukan sahaja lulus, tetapi mereka tidak buta huruf dalam pengajian biasa dan mereka juga tidak buta huruf dalam komputer.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Serdang.

6.26 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, pengubalan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 menekankan latihan dan penguasaan teknologi maklumat terkini.

Berasaskan pencapaian negara kita pada masa ini mempertingkatkan tahap pendidikan rakyat dengan melalui pembaharuan kandungan dan pendekatan pendidikan amat diperlukan. Dengan Rang Undang-undang ini agar sistem

pendidikan di semua peringkat lebih baik dan lebih menyeluruh dari masa ke semasa.

Rang Undang-undang ini bertujuan membentangkan satu sistem pendidikan yang sempurna yang meliputi peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Ia juga memberi penekanan dalam perkembangan pendidikan teknologi dan vokasional. Ini nyata akan membawa negara kita ke satu era baru sejajar dengan Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju.

Dasar Pendidikan sesebuah negara adalah penentuan ke arah negara itu pada masa akan datang. Polisi yang digubal oleh bekas-bekas pemimpin negara kita telah menjadi dasar negara kita pada hari ini dan sebaliknya dasar yang kita gubal hari ini akan menjadi asas pembangunan dan corak gerakan negara bagi generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan dan pembangunan negara kita amat bergantung kepada faktor kualiti terhadap pendidikan rakyat kita. Oleh itu, latihan dan penguasaan teknologi maklumat yang canggih menggariskan sistem pendidikan yang menyeru dan menandingi dunia teknologi harus kita cadangkan buat masa sekarang. Pendidikan antara satu-satunya faktor yang akan menentukan maju mundurnya sesebuah negara. Sistem pendidikan tidak mungkin digubal pada masa yang singkat.

Keputusan bagi menentukan isi sistem pendidikan bukan senang dan mudah dibuat. Negara kita berbilang kaum, latar belakang berlainan, kemungkinan ia menjadi isu yang sensitif, tetapi menerusi polisi dan

pendirian Kerajaan Barisan Nasional yang sedia menerima pandangan-pandangan semua pihak atau pandangan yang mungkin tercicir, saya rasa ini adalah kenyataan. Semangat toleransi perlu diamalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendidikan 1995 adalah sebagai gantian bagi Akta Pendidikan 1961. Kini dunia telah memasuki zaman teknologi tinggi, situasi berubah, Akta-akta yang sedia ada, yang telah menerusi satu jangka masa lebih 30 tahun perlulah dikaji semula, yang masih sesuai dikekalkan, yang tidak sesuai dipinda supaya Akta dan sistem selari dengan pencapaian pembangunan dan situasi semasa. Apabila sesuatu sistem mengalami perubahan, tentu ada tindak balas, reaksi yang berlainan daripada parti politik, pemimpin masyarakat, tokoh pendidikan dari setiap lapisan dan golongan yang berasas dari latar belakang yang berlainan pasti ada.

Memang kita faham dan sedia maklum percanggahan pendapat, cara tafsiran dari penjuru dan segi yang berbeza memang sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Ini satu kebiasaan di mana juga pun, tetapi Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pandangan, pendapat, cadangan dan kehendak dari segenap lapisan rakyat dapat dihormati dan dipertimbangkan menerusi perbincangan maka kelahiran Akta yang baru adalah sesuatu yang dikagumkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita yang penduduknya terdiri daripada berbilang kaum, budaya dan agama adalah tidak mungkin untuk membaharui, mengubal, meminda dan melaksanakan satu Akta yang dapat diterima sepenuhnya oleh semua pihak dan tidak mungkin memuaskan hati atau aspirasi kesemua kaum. Akan tetapi, yang lebih penting ialah semangat

hormat-menghormati, bekerja sama dan permuafakatan serta toleransi antara kaum yang dipupuk selama ini agar rakyat dan negara menikmati kestabilan dan kemajuan setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, interpretasi dan pendapat yang berlainan mengenai peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini tentu sekali lagi akan diperdayakan oleh ahli-ahli parti pembangkang sebagai sumber propaganda politik mereka dan mencari publisiti murah. Ahli-ahli Parlimen dari DAP yang ditolak rakyat pada pilihan raya umum yang lalu tentu akan cuba sedaya-upaya untuk menghasut dan membangkitkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat dengan tujuan untuk memulihkan pengaruh politik mereka. DAP memang selalunya “menangguk dalam air yang keruh”.

Dalam tahun-tahun 70-an dan 80-an, akibat daripada keadaan sistem pendidikan yang dianggap tidak seimbang, DAP telah menggunakan isu tersebut menghasut rakyat membenci kerajaan, menjadikan sebagai isu politik dan modal politik mereka dengan menyemaikan rasa ketidakpuasan hati di kalangan masyarakat Cina sehingga menyebabkan perhubungan kaum Cina dengan kerajaan menjadi renggang dan semakin lemah.

Tuan Yang di-Pertua, MCA sebagai sebuah organisasi politik masyarakat Cina di negara ini melalui pemimpin-pemimpinnya selalu menyampaikan maklum balas dan aspirasi kaum Cina kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional terutama sekali pemimpin-pemimpin UMNO dan dengan semangat dan sikap toleransi, kerjasama dan kompromi, Barisan Nasional telah memperbaiki perhubungan antara kaum Cina dengan kerajaan dan seterusnya

mengakibatkan masyarakat Cina menyokong penuh dasar dan manifesto Barisan Nasional dalam pilihan raya umum yang lalu termasuk Dasar Pendidikan Negara. Ia juga dilanjutkan dengan berita di mana peruntukan seksyen 21(2) dan seksyen 26(a) dalam Akta Pendidikan 1961 yang menimbulkan kontroversi digugurkan dalam Rang Undang-undang Pendidikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong telah mengumumkan pendirian DAP di mana DAP akan menolak Rang Undang-undang Pendidikan ini sama sekali. Ia bererti DAP berniat supaya seksyen 21(1) dan seksyen 26(a) dalam Akta Pendidikan 1961 diteruskan dengan tujuan menggunakan seksyen-seksyen berkenaan sebagai modal politik dan publisiti DAP untuk terus memburukkan imej MCA dalam masyarakat Cina.

Tuan Yang di-Pertua, dalam peringkat menuju ke era pendidikan baru,...

Tuan Liew Ah Kim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Tak payah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia kata tak payah. Dia tak beri jalan.

Dato' Yap Pian Hon: Perubahan struktur pendidikan adalah tidak dapat dielakkan. Seksyen 76 Rang Undang-undang tersebut yang mengawal kualiti pendidikan dan perubahan institusi pengajian swasta memastikan Kementerian Pendidikan mengawal mutu akademik institusi-institusi berkenaan

agar institusi-institusi tersebut berkembang dengan sistematik, mewujudkan kualiti akademik, kelayakan, kemasukan dan kemudahan....

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:

[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat sebelah sana bangun. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Serdang, sama ada beliau sedar atau tidak pada pilihan raya umum 1955 dan juga baru-baru ini dalam pilihan raya kecil Gua Musang dan pilihan raya kecil Bagan terdapat krisis di antara S46 dan DAP dan DAP telah menyuruh pengundi-pengundi Cina menyokong S46 kerana dia merupakan penyelamat orang Cina kerana dia mempertahankan hak-hak orang-orang Cina tetapi sekarang kita dengar S46 menyuruh kerajaan hapuskan sekolah-sekolah Cina. Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Serdang sama ada dia sedar atau tidak bahawa DAP itu selalunya mengelirukan orang-orang Cina. Di depan orang Cina dia cakap lain dan di belakang mereka dia bekerjasama dengan mereka yang ingin menghapuskan sekolah-sekolah Cina.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam percakapan Cina dikatakan, 'cian tau len cian len wah, cian tah kun cian kun fah.' Kalau bertemu dengan manusia, dia bercakap bahasa manusia, kalau dia bertemu hantu, dia bercakap bahasa hantu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kelayakan kemasukan dan kemudahan-kemudahan institusi berkenaan, ini jelas menunjukkan bahawa....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada penjelasan lagi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Serdang, sama ada boleh atau tidak kita menggunakan sama dalam bahasa Hokien 'nang bu ti nang, kui bu ti kui'. Macam itu boleh atau tidak? *[Ketawa]*

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, samalah ertinya.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap kepentingan pelajar-pelajar dan mewujudkan satu piawaian atau sistem pendidikan melalui penggubalan undang-undang untuk membendung institusi-institusi pengajian persendirian yang tidak bertanggungjawab dan tidak jujur. Mereka semata-mata untuk mencari keuntungan dan mengabaikan mutu pendidikan. Oleh hal yang demikian, peruntukan ini tidak boleh dianggap menyekat perkembangan institusi pengajian swasta tetapi adalah untuk mengawal selia, menyelaraskan dan membantu institusi pengajian swasta menuju ke era pendidikan yang lebih berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wakil rakyat dan salah seorang pemimpin MCA, saya bertanggungjawab untuk menyuarakan dan membayangkan kebimbangan, pandangan dan cadangan pemimpin-pemimpin

masyarakat Cina bersabit dengan pendidikan ibunda dalam Rang Undang-undang ini.

Terdapat sesetengah orang berasa bimbang dan khuatir sejurumengambil perhatian serius terhadap seksyen 17(1), seksyen 27, seksyen 28 dan seksyen 143 dalam Rang Undang-undang ini. Seksyen-seksyen tersebut mempunyai erti dan penjelasan yang luas dan dianggap tidak selaras dengan erti kata seksyen 20 Akta Pendidikan 1961.

Dalam pada itu juga, para perundangan berpendapat bahawa dengan wujudnya seksyen 17(1) bererti bahawa kedudukan bahasa pengantar dalam lebih 1,200 buah sekolah rendah jenis kebangsaan, yakni SRJK(C) yang sedia ada akan tergugat. Ini berasaskan sekolah jenis kebangsaan tidak tertubuh di bawah seksyen 28 Rang Undang-undang ini.

Menurut laporan, di negara kita lebih daripada 85% ibu bapa masyarakat Cina mendaftarkan anak-anak mereka dalam sekolah jenis kebangsaan Cina dan terdapat lebih daripada 35,000 murid-murid Melayu dan kaum lain yang memasuki SRJK(C). Selama ini kerajaan telah memberi bantuan dalam perkembangan SRJK(C), meskipun seksyen 21(2) dalam Akta Pendidikan 1961 wujud tetapi tidak pernah sebuah SRJK(C) ditutup atau ditukar pada ketika itu. Ini adalah kerana kerajaan menghormati aspirasi segenap lapisan rakyat dan selaras dengan Fasal 152 dalam Perlembagaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan ucapan Yang Berhormat dari PAS dan S46, satu kesimpulan boleh dibuat bahawa parti-parti berkenaan masih berfikiran sempit, tidak berwawasan, tidak menghormati kehendak setiap

masyarakat dan menafikan struktur berbilang kaum dalam negara kita. Mereka berhasrat menyelewengkan makna fasal-fasal tertentu sebagai taktik politik supaya dapat membangkitkan rasa ketidakpuasan hati masyarakat Melayu untuk menggugat kedudukan UMNO dalam masyarakat Melayu. Maka saya berharap masyarakat Melayu hendaklah berwaspada terhadap tindak-tanduk parti-parti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat pihak-pihak yang tertentu merasa curiga terhadap seksyen 17(1), seksyen 27 dan seksyen 28 serta seksyen 143 yang bersabit dengan pendidikan asas bahasa ibunda dan bahasa pengantar, maka kerajaan jika boleh hendaklah menerang dan menjelaskan peruntukan-peruntukan tersebut untuk mengelakkan kekeliruan yang dibangkitkan ataupun menyekat golongan yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan bertindak mengelirukan rakyat. Penjelasan sebegini akan sedikit sebanyak menenangkan kebimbangan, kegelisahan dan menambahkan keyakinan masyarakat Cina terhadap Rang Undang-undang ini.

Saya penuh yakin bahawa dalam proses penggubalan Rang Undang-undang kerajaan tidak mempunyai motif dan hasrat untuk menggantikan bahasa pengantar di SRJK(C) yang telah wujud di negara kita sekian lama. Tambahan pula, menerusi komitmen dan polisi yang dipaparkan dalam manifesto Barisan Nasional semasa pilihan raya umum dan peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan bahasa ibunda dikekalkan.

Saya juga percaya di mana kerajaan akan terus membantu dan mengekalkan status SRJK(C). Berekoran dengan pertumbuhan ekonomi di rantau Asia-Pasifik, penggunaan bahasa Cina semakin luas. Ini juga mendorong masyarakat bumiputera mempelajari bahasa Cina, di samping mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris supaya melengkapkan diri

untuk bersaing dalam arena perdagangan antarabangsa. Inilah satu daripada sebab Kementerian Pendidikan mewajibkan bahasa Cina dimasukkan dalam jadual waktu sekolah rendah kebangsaan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh seksyen 19 dan seksyen 69 mengenai sistem peperiksaan, nota huraian seksyen-seksyen tersebut telah menimbulkan pandangan dan pendapat yang berlainan di kalangan pemimpin-pemimpin dari pertubuhan masyarakat. Dalam perkara ini, saya rasa inilah peluang di mana rakan-rakan saya dalam Dewan ini dapat mengetahui dan memahami keadaan dan perasaan masyarakat Cina.

Izinkan saya tegaskan di sini bahawa pendapat dan pandangan yang berbeza itu adalah berasaskan faktor sejarah. Sekolah-sekolah menengah Cina ini telah wujud hampir satu kurun di negara kita dan ia adalah hasil derma dan sumbangan daripada masyarakat Cina pada zaman itu demi keunggulan pendidikan negara. Berekoran dengan Laporan Pendidikan 1960 dan Akta Pendidikan 1961, sekolah-sekolah 'Conforming' (Conforming Secondary School) telah ditubuhkan.

Sekolah-sekolah Menengah Cina ini telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan pendidikan negara dan mempertingkatkan mutu pendidikan rakyat negara ini. Maka, dengan kasih yang telah dicurahkan, semangat dan pengorbanan demi kepentingan pendidikan generasi akan datang yang telah dihulurkan, rasa kebimbangan yang tertimbul sebab perubahan perlulah difahami oleh kita semua. Hubungan masyarakat Cina dan sekolah menengah Cina amat rapat, harapan pencapaian sekolah amat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 166, seksyen 167 dan seksyen 168 dalam Laporan Pendidikan 1960 telah menyentuh mengenai kedudukan dan status tersendiri bagi sekolah-sekolah menengah Cina. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, dan rakan-rakan saya, saya juga sebagai seorang pelajar sekolah sedemikian pada masa itu, perasaan saya memang lebih mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Pendidikan 1961 pada masa itu, Lembaga Pengelola Sekolah-sekolah Menengah Cina telah menerima cadangan Kementerian Pendidikan supaya menukar kepada sekolah menengah “Conforming” dan menyerahkan bangunan dan kemudahan sekolah kepada Kementerian Pendidikan. Kerajaan pada masa itu dengan melalui semangat demokrasi, telah membenarkan sekolah-sekolah menengah Cina yang tidak mahu menukarkan kepada sekolah “Conforming” kekal sebagai sekolah-sekolah menengah Cina (Persendirian) dan kerajaan juga bersetuju tidak menyekat sistem peperiksaanya pada ketika itu.

Menurut sumber, sistem peperiksaan sekolah cina persendirian menekankan ketiga-tiga bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan, Inggeris dan Cina. Satu Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan untuk menyelaraskan peperiksaan ini, ia digelar peperiksaan ‘Unified’ (Unified Examination). Pelajar-pelajar juga digalakkan untuk menduduki peperiksaan PMR dan SPM di samping mengambil Unified Examination.

Tuan Yang di-Pertua, Unified Examination yang dikendalikan oleh sekolah-sekolah menengah Cina persendirian telah mendapat pengiktirafan di banyak negara dan telah menjadi satu ukuran kelayakan kemasukan universiti

di luar negeri. Peperiksaan ini telah wujud sekian lama di sekolah-sekolah tersebut. Maka berekoran dengan penjelasan seksyen 19 dan seksyen 20 dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 berkenaan dengan sistem peperiksaan, kebimbangan tertimbul sama ada peperiksaan tersebut akan terjejas atau tidak.

Berhubung dengan perkara tersebut, adalah diharapkan bahawa kerajaan dapat menjelaskan maksud sebenar peruntukan-peruntukan tersebut ataupun menggunakan cara, kaedah atau peraturan yang lain untuk mengekalkan Unified Examination yang telah dijalankan selama ini. Ini sudah tentu akan dapat menjamin kedudukan sistem peperiksaan yang bersejarah ini. Pemimpin-pemimpin negara kita selalu memberi sumbangan dan peruntukan untuk membiayai sekolah-sekolah menengah persendirian Cina dan MCA sendiri telah menyumbang RM6 juta sebagai pembiayaan pembelian komputer di sekolah-sekolah tersebut. Ini adalah semata-mata untuk membantu usaha negara dalam konteks mempertingkatkan mutu pendidikan di negara kita. Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dato' Yap Pian Hon: Saya akan gulung. Gulung sedikit sahaja.

Bahagian 3 seksyen 10(2), Rang Undang-undang ini menyebut bahawa Menteri Pendidikan berkuasa untuk menubuhkan dan melantik Ahli-ahli Majlis Perundingan Pendidikan Negara untuk memberi pandangan dan cadangan kepada Menteri Pendidikan mengenai dasar pendidikan.

Saya berharap bahawa Majlis Perundingan Pendidikan ini dapat dianggotai oleh para ahli pendidikan yang berpengalaman dan berasal daripada

pelbagai aliran. Dalam pada itu, majlis ini hendaklah sentiasa bersikap terbuka dan sedia mempertimbangkan pandangan dan cadangan daripada semua pihak sebelum mengemukakan cadangan atau pandangan kepada menteri.

Akhir kata, pendidikan ialah penentuan wawasan negara. Maka, sistem, dasar dan akta yang digariskan untuk pendidikan haruslah selaras dengan pembangunan semasa, bersesuaian dengan situasi sedunia, sentiasa dikaji dan diubah suai sekiranya keadaan memerlukan.

Melalui proses penggubahan, dengan sikap yang matang dan tenang serta penerapan pandangan yang menyeluruh, bersama-samalah kita mengimbas kembali cacat cela sebelum ini, menggariskan cita-cita negara pada masa depan, sedaya-upaya untuk mempertingkatkan tahap pendidikan negara di samping terus mengamalkan polisi Kerajaan Barisan Nasional yang liberal, sentiasa berdasarkan peruntukan Perlembagaan negara seperti Perkara 152, sentiasa menghormati kehendak ibubapa-ibubapa dalam masyarakat kita. Kesemua inilah harapan kita sebelum ini, sekarang dan masa depan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Machang.

6.48 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan mengambil masa yang lama. Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Rang Undang-undang ini pada petang semalam, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyatakan tentang sikap

parti-parti pembangkang yang kononnya bertindak ‘apabila rumah sudah siap, pahat berbunyi.’

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Parti Melayu Semangat 46 sukacita saya nyatakan bahawa sejak perancangan untuk meminda Akta Pelajaran 1961 sehingga sekarang kami tidak pernah menerima sebarang jemputan untuk mengambil bahagian di dalam cadangan pindaan yang dimaksudkan itu. Atas prihatin inilah maka apabila ura-ura undang-undang pendidikan ini ingin dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, dua minggu yang lepas saya telah menyatakan secara peribadi kepada Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan supaya pihak Kementerian Pendidikan memanggil kami daripada parti pembangkang untuk hadir di dalam perjumpaan bagi penerangan yang diberikan. Tetapi malangnya saya telah dimaklumkan bahawa kehadiran kami adalah tidak diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak kami nyatakan ini sekali lagi saya ingin tegaskan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan jangan memutarbelitkan kenyataan. Saya mengingatkan Yang Berhormat daripada Selandar, sekali lagi saya menyatakan bahawa pendirian parti kami, kami tidak pernah sekali-kali berniat untuk menghapuskan sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Bukan niat kami.

Saya hendak ulang sekali lagi pendirian kami, *[Disampuk]* biarlah saya habiskan ayat dahulu. Saya hendak tegaskan pendirian Parti Melayu Semangat 46, kita tidak berniat untuk menghapuskan sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Yang kami pertikaikan, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal bahasa pengantar.

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Biar saya habiskan. Yang kami pertikaikan ialah soal bahasa pengantar - itu yang kami pertikaikan. Soal pelajaran bahasa ibunda boleh diteruskan. Pelajaran bahasa Mandarin, bahasa Tionghua, fahaman Kung Fu Tze, fahaman apa yang berkait dengan kepentingan orang-orang bukan Melayu boleh diteruskan. Tetapi yang kami pertikaikan, apakah tidak boleh orang-orang bukan Melayu menerima pengantar Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar? Apakah mereka berfikir bahawa bahasa Melayu tidak mampu untuk menjadi bahasa perpaduan masyarakat di dalam negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji hasrat kepada Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib yang dibentangkan pada tahun 60-an. Hasrat sebenar Penyata Razak dan Rahman Talib yang telah dipersetujui oleh parti Perikatan, yang dipersetujui oleh MCA, yang dipersetujui oleh MIC. Hasrat sebenarnya ialah bertujuan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di dalam sistem pendidikan negara baik di sekolah rendah dan sekolah menengah termasuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan ataupun peringkat universiti.

Atas kesedaran inilah, maka dalam Akta Pelajaran tahun 61 peruntukan seksyen 21(2) dimasukkan kerana mereka telah berfikir bahawa pada suatu masa masyarakat Malaysia yang dididik dengan melalui suatu bahasa, kesemua boleh menerima suatu bahasa pengantar yang unggul. Sebab itulah kuasa budi bicara dimasukkan di bawah...

Datuk Dr. Fong Chan Onn: *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Biar saya habiskan ayat saya dahulu. Dimasukkan di dalam peruntukan seksyen 21(2) kuasa budi bicara Menteri bahawa Menteri boleh apabila sampai tiba masanya suatu keadaan yang masyarakat Malaysia boleh terima menggunakan hanya satu bahasa pengantar. UMNO cukup bertolak ansur dalam soal ini, menghapuskan peruntukan seksyen 21(2) adalah merupakan suatu pengorbanan yang amat berat kepada orang-orang UMNO. Saya percaya, kalau tanya penyokong-penyokong kerajaan sekalipun, yang berasal daripada UMNO. Inilah satu pengorbanan yang amat besar. Pengorbanan ini akan mencatat satu tinta sejarah bahawa Parlimen yang bersidang pada kelmarin dan hari ini akan mencatat sejarah bahawa Laporan Razak dan Rahman Talib sudah tidak wujud lagi dalam ingatan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya ingin mempersoalkan termasuk Yang Berhormat dari Parit Sulong yang sedang berdiri, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, apakah sudah tidak ada cita-cita Parti UMNO bahawa pada suatu masa Bahasa Kebangsaan, bahasa Melayu boleh menjadi bahasa pengantar? Saya tahu kerana saya pun berasal daripada UMNO. Salah satu perjuangan UMNO ialah untuk mendaulatkan bahasa Melayu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Salah satu perjuangan ialah tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tidak berkompromi dalam soal ini. Saya beri jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sahabat saya dari Machang setuju bahawa ini adalah satu pengorbanan. Sebab itu saya katakan ini adalah satu pengorbanan, ini adalah satu pengabdian dan ini adalah satu keikhlasan kerajaan Barisan Nasional. Adakah pengorbanan ini mahu dijadikan perkara yang statis, perkara yang tidak ada evolusinya, perkara yang selaras dengan perkembangan sejagat dan tuntutan semasa. Saya tidak mempersoalkan bahawa bahasa Malaysia harus didaulatkan. Ini tidak menjadi persoalan langsung dalam Dewan ini. Yang dipersoalkan mengapakah perkara 21(2) mahu dijadikan isu sedangkan perkara inilah yang menjadikan perkara yang memporakperandakan masyarakat oleh pihak DAP dan seluruhnya pada suatu ketika dahulu. Ini perkara yang harus kita pertimbangkan. Adakah kita mahu mewujudkan satu undang-undang mencari keharmonian atau kita mahu mewujudkan undang-undang mencari perpecahan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Yang Berhormat Parit Sulong, cukuplah, cukup.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dia sudah guna masa dia 20 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya setuju ini suatu pengorbanan tetapi pengorbanan yang ditunjukkan oleh UMNO ini ialah pengorbanan menggadai maruah, pengorbanan yang keterlaluan, menggadai maruah. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Berhormat dari Selandar cuba mengusik 46 dengan DAP tentang perbezaan pendapat....

Datuk Dr. Fong Chan Onn: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Parti kami jelas bahawa dalam soal perinsip kami tidak ada kompromi, tidak seperti UMNO menggadaikan prinsip perjuangan. Kami tidak ada kompromi dalam prinsip perjuangan walaupun....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: ...prinsip perjuangan yang kami yakin tetap kami pertahankan, walaupun terpaksa kami berbeza pendapat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Boleh tak sedikit?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tetapi UMNO..

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat? Yang Berhormat, jawab dulu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tetapi UMNO kerana ini berkorban menggadaikan sehingga ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak? Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tidak, kalau saya tidak habiskan ayat,saya tak beri dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Biar, biar. Insyallah, saya akan beri. Biar saya habis ayat. Pengorbanan seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, pengorbanan yang bercanggah dengan prinsip perjuangan adalah perjuangan yang akan membawa kerugian pada satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat Yang Berhormat Menteri Pendidikan, malangnya pada hari ini tidak ada dalam Dewan, dalam tahun 1986, di dalam keadaan hujan lebat di Stadium TPCA, yang saya turut hadir yang masa itu Menteri Pendidikan adalah Ketua Pemuda UMNO. Saya hadir di hadapan itu sehingga selepas itu ramai orang ditahan dalam operasi Lalang, Tuan Yang di-Pertua. Dengan tegas dan nyata menyatakan bahawa perjuangan Pemuda UMNO pada masa itu tidak ada kompromi dalam soal ini, tetapi di mana kata-kata itu sekarang. Adalah lebih baik kalau Yang Berhormat Menteri Pendidikan berada dalam Dewan sekarang. Saya hendak tanya apakah pendirian beliau sudah berbeza dengan pendirian dalam tahun 1980? Ke mana pendirian yang dibuat dalam tahun 1980-an? Tuan Yang di-Pertua, lebih buruk daripada itu.....

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Tuan Fu Ah Kiow: *[Bangun]*

Datuk Dr. Fong Chan Onn: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Berdehem]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya akan teruskan dulu, Tuan Yang di-Pertua. Lebih buruk daripada itu saya tidak nafikan bahawa, sebab itu ucapan saya tidak berdasarkan teks, Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang sedang ada di hadapan saya. Yang lebih buruk daripada itu ialah pengecualian-pengecualian yang diberikan. Saya tidak dapat nafi di dalam Akta ini ada peruntukan-peruntukan untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Ada, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak dapat nafikan memang ada. Tetapi, peruntukan sedemikian langsung tidak memberi makna, kerana apa? Kerana ada tiga pengecualian yang diperuntukan di bawah Akta ini.

Satu, ialah pengecualian di bawah seksyen 17, yang kedua pengecualian di bawah seksyen 73(3) yang baru diberikan ini, Tuan Yang di-Pertua. Baru sampai petang ini. Dan ketiga ialah pengecualian di bawah seksyen 143. Kesemua hasrat meletakkan bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa unggul itu langsung tidak memberi apa-apa makna bila ada pengecualian tersebut. Sebagai contoh, saya ingin, walaupun sebahagian besar daripada Yang Berhormat ini telah membaca Akta ini, tetapi saya hendak mengingatkan sekali lagi, sebagai contohnya ialah seksyen 143 yang diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang ini. Seksyen 143 ini, Tuan Yang di-Pertua:

“Menteri boleh, jika difikirkan wajar dan demi kepentingan sesuatu institusi pendidikan atau demi kepentingan murid atau awam, melalui perintah yang

disiarkan dalam Warta, mengecualikan institusi pendidikan atau mana-mana golongan atau golongan institusi pendidikan daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta...”

Ini bermakna kuasa Menteri boleh mengecualikan penggunaan bahasa, boleh mengecualikan kurikulum, boleh mengecualikan bahasa pengantar, kecuali pendaftaran sahaja yang tidak boleh. Lebih teruk daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, petang ini kita terima satu pengecualian. Tiga pengecualian ini, apa maknanya ini? Di mana letaknya ketegasan kerajaan dalam soal ini? Kalau kita tegas, bersikap tegas, ingin mendaulatkan Bahasa Kebangsaan, peruntukan-peruntukan pengecualian ini tidak perlu wujud di dalam Akta yang dicadangkan ini. Dengan adanya peruntukan pengecualian Akta ini saya sudah nampak ada udang di sebalik batu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ada niat dan cita-cita daripada pihak kerajaan hendak mengecualikan mana-mana institusi pengajian tinggi atau kolej-kolej swasta daripada pemakaian Bahasa Kebangsaan. Saya diberitahu bahawa banyak kolej swasta yang akan ditubuhkan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Beri jalan, boleh tak?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: ...kolej-kolej swasta ataupun twinning colleges yang akan ditubuhkan di dalam negara ini dan dengan peruntukan ini bermakna Menteri boleh mengecualikan sekolah-sekolah ini daripada menggunakan bahasa Melayu.

Maknanya hasrat yang diuntukkan di dalam akta ini untuk meletakkan Bahasa Kebangsaan selaku taraf bahasa yang dihormati, bahasa perpaduan penuntut dan bahasa unggul untuk pengantar sekolah ini sudah terjejas dengan tiga peruntukan pengecualian ini. Kalau kerajaan bertindak tegas dan kerajaan tegas dalam soal ini, saya cadangkan supaya pengecualian di bawah seksyen 17, di bawah 143 dan di bawah seksyen 73 yang baru dibentangkan ini dihapuskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat Menteri akan berkata, semasa menjawab ucapan saya ini, boleh berkata, “bahawa tidak apa, Yang Berhormat jangan bimbang kerana kita ada seksyen 75. Seksyen 75 boleh mengawal semua keadaan ini”.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada seksyen 75(1):

“Menteri boleh menghendaki institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan lepas menengah supaya mengajar mata pelajaran berikut:-

(a) Bahasa Kebangsaan”

Maknanya barangkali menteri akan menyatakan kepada saya, Yang Berhormat jangan bimbang, kita ada seksyen 75, maka kita boleh mengenakan syarat bahawa sekolah yang bahasa pengantarnya bukan Bahasa Kebangsaan, bahasa Melayu, boleh dikenakan syarat.

Tetapi, Yang Berhormat mesti ingat, seksyen 75 hanya untuk sekolah swasta sahaja. Tidak termasuk definisi institusi pendidikan yang ditakrifkan di bawah seksyen 2.

Saya membaca akhbar hari ini, akhbar *The Star*. Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberi jaminan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak akan menyalahguna kuasa. Kerajaan Barisan Nasional tidak akan menyalahgunakan peruntukan di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, saya sudah muak mendengar jaminan. Saya masih ingat semasa akta pengambilan balik tanah, di daftar atau dicadang untuk dipinda dalam Dewan ini beberapa tahun yang lepas oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masa itu, yang sekarang sudah tidak lagi memegang jawatan. Saya tanya: “Apakah jaminan kerajaan tidak akan menyalahgunakan Akta Pengambilan Balik Tanah?” Dia kata: “Jangan bimbang! Kita kerajaan yang bertanggungjawab, kita Barisan Nasional ikhlas, kita tidak akan menyalahguna kuasa.”

Tuan Yang di-Pertua, lihat apa yang berlaku sekarang! Akta Pengambilan Balik Tanah sudah menjadi senjata yang amat tajam untuk merampas tanah rakyat dan memberi kekayaan kepada beberapa golongan tertentu. Ini suatu kenyataan, bukan sengaja saya bercakap, kalau hendak sebut contoh, kalau saya dicabar menyebut contoh di mana sahaja, saya boleh sebutkan. Di Seremban berlaku, di Selangor berlaku, di Melaka berlaku, di Kedah berlaku - bagaimana penyalahgunaan Akta Pengambilan Balik Tanah yang telah menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat telah diguna sebagai senjata mengambil tanah rakyat dan memperkayakan golongan-golongan yang tertentu.

Yang Berhormat sendiri sedar, berapa orang sudah jadi jutawan akibat daripada Akta Pengambilan Balik Tanah. Hari ini kita sekali lagi mendengar

jaminan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa kerajaan tidak akan menyalahgunakan akta ini. Yang Berhormat boleh bercakap, Yang Berhormat boleh memberi jaminan, tetapi Yang Berhormat sendiri tidak boleh memberi jaminan bahawa jawatan Menteri Pendidikan Yang Berhormat itu akan kekal selama-lamanya. Kalau Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa Yang Berhormat akan menjadi Menteri Pendidikan selama-lamanya, saya boleh terima jaminan ini. Boleh atau tidak? Tentulah Yang Berhormat tidak mampu memberi jaminan bahawa UMNO akan memerintah selama-lama dalam negara ini. Tentulah tidak boleh!

Yang Berhormat, saya hendak tegaskan sekali lagi, peruntukan seksyen 21(2) di hadapan Yang Berhormat adalah hasrat ayahanda Yang Berhormat sendiri. Hasrat Allahyarham Tun Razak, seorang pemimpin yang kita agung, ayahanda kepada Yang Berhormat sendiri, tetapi malangnya sekarang ini anaknya memusnahkan cita-cita bapanya sendiri. Ini yang kita pertikaikan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta, saya tidak berniat untuk menjadikan ini sebagai isu politik, tetapi apa yang saya luahkan ini lahir dariapda hati nurani saya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya hendak tegaskan bahawa pendirian Parti Melayu S.46 tidak sekali-kali ingin memansuhkan sekolah-sekolah jenis kebangsaan, kita tidak berniat sama sekali.

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Tuan Fu Ah Kiow: *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya beri jalan sekarang!

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana satu itu?

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti *Hansard* dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang, saya quote: "Apatah lagi untuk memastikan semua rakyat di negara ini disatukan melalui satu bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan dan tidak mengizinkan penggunaan bahasa lain melebihi daripada Bahasa Kebangsaan dalam seluruh kehidupan harian kita." Ini berertinya akan menghapuskan sekolah-sekolah Cina. Minta penjelasan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kena belajar banyak lagi Bahasa Malaysia, kalau tak faham. Banyak lagi kena baca, cuba baca ayat itu dalam konteks ucapan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang kelmarin. Akibat daripada tidak faham inilah, Yang Berhormat daripada Selandar pun tadi bangkit kerana tak faham. Tak faham Bahasa Malaysia.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: [*Bangun*]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Lim Si Chen: [*Bangun*]

Tuan Fu Ah Kiow: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah bertahun-tahun, merdeka sudah berapa tahun, Bahasa Malaysia pun tak

faham lagi! Ingat dak kelmarin, Yang Berhormat Menteri Pendidikan tanya Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang petang kelmarin: “Apa pendirian?” Pendirian kita jelas, kita bukan hendak menghapuskan sekolah-sekolah ini, kita biarkan, kita setuju diwujudkan. Yang kita pertikaikan ialah hanya soal bahasa pengantarnya sahaja. Sebab kita

Tuan Lim Si Chen: *[Bangun]*

Tuan Fu Ah Kiow: *[Bangun]*

Datuk Dr. Fong Chan Onn: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak kepada kedua-dua itu?

Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed: Cukup, Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Yang di-Pertua: Cukup dah! Tiga pun sekali bangun.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tak berani!

Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau saya layan pun, okay, saya beri kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri

Tuan Yang di-Pertua: Ya!

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Machang, sama ada dia faham atau tidak tentang akta ini, tentang Akta 1961, tentang Akta 1957 di mana secara definisi sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dengan definisi menggunakan sekolah bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar dan kita juga izinkan pembelajaran bahasa Cina di sekolah-sekolah yang lain.

Apa yang dicadangkan oleh S.46 ialah penghapusan sekolah-sekolah Cina sedangkan mengizinkan pembelajaran seperti biasa, bahasa Cina sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah-sekolah yang lain. Saya ingin minta penjelasan kenapa Ahli Yang Berhormat dari Machang tidak bincang perkara-perkara ini dengan kawan-kawan mereka dari DAP, memang kawan-kawan mereka dari DAP akan menerangkan dengan jelas tentang perkara ini. *[Tepuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kerana saya faham, saya berucap ini. Kalau saya tak faham, saya tak bangun berucap. Bukan seperti Ahli Yang Berhormat dari Pendang. Ahli Yang Berhormat dari Pendang langsung dia tak faham, dalam ucapan tadi dia kata, tidak ada penalty section, pada hal ada dalam ini. Yang Berhormat Menteri barangkali bersetuju, ada peruntukan penalty, bukan?

Ada dalam ini, boleh dia kata tak ada! Itulah Barisan Nasional tak faham, Tuan Yang di-Pertua. Langsung tak faham baca, lepas itu hendak bercakap. Kita bercakap soal dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. *[Ketawa]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Apa boleh buat, Tuan Yang di-Pertua. Banyak lagi perkara-perkara yang hendak saya luahkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyatakan, bahawa bukan semua peruntukan dalam akta ini kita tak bersetuju, Hendak beri tahu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, bukan semua kita tak setuju, tetapi beberapa peruntukan-peruntukan seperti yang saya sebutkan tadi, mesti dipinda

atau diubahsuai dan jika Yang Berhormat Menteri Pendidikan sanggup meminda seperti yang kami cadangkan dalam notis kami, insya-Allah kita boleh bersetuju dengan akta atau Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena.

7.08 mlm.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak mengambil masa sedikit sahaja tidak macam Machang, sampai penat kita menunggu!

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Pendidikan yang dibentang oleh Menteri Pendidikan. Sungguhpun pada dua hari ini kita mendengar banyak kata-kata, ucapan daripada parti pembangkang tetapi saya hendak beritahu Dewan pada hari ini, segala ucapan parti pembangkang terutama sekali DAP adalah yang telah disediakan pada tahun 1989. Mereka ini telah menyediakan ucapan itu pada tahun 1989, menyangka kerajaan akan membentangkan akta ini pada tahun 1989 dan mereka akan menggunakan isu ini untuk pilihan raya tahun 1990. Tetapi, dukacitanya perkara ini tidak berlaku, tetapi mereka mengguna juga ucapan dan ucapan pembangkang ini seperti yang kita tahu sentiasa samalah, kalau kita buat perkara yang putih, dia kata hitam, kalau kita buat yang hitam, dia kata putih. Tidak pernah satu perkara yang disokong. Sebab saya tidak pernah melihat terutama sekali parti DAP yang membela nasib orang-orang Melayu.

Tidak pernah parti DAP memikirkan tentang perpaduan. Sebab kalau mereka memikirkan tentang perpaduan, saya tak dengar parti DAP mencadangkan supaya semua murid-murid, pelajar-pelajar kita berada di bawah satu bumbung - belajar.

Pada pendapat saya, jika sekiranya kita berpeluang untuk belajar di bawah sebuah bumbung, saya percaya kita akan dapat menghapuskan semangat perkauman di antara kita. Saya berharap di dalam Akta yang dibentangkan ini supaya masyarakat kita di masa akan datang ini akan menjadi sebuah masyarakat yang bersatu padu demi untuk kepentingan kita bersama. Kita tidak mahu lagi sejarah yang berlaku pada tahun 1969, oleh itu saya berharap perkara-perkara yang dibangkitkan di sini dapat diambil perhatian oleh kementerian dan dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan dua, tiga perkara sahaja. Pertama sekali tentang pendidikan pra-sekolah. Apa yang berlaku sekarang, saya dapati tadika yang telah wujud sekarang ini seperti Pasti yang telah ditubuhkan oleh parti pembangkang PAS, tidak tertakluk dalam Akta ini sebab tadika Pasti ini adalah di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Jadi, saya berharap kementerian ini mengambil tindakan supaya semua tadika termasuk Pasti yang diwujudkan oleh parti PAS ini tertakluk di bawah Akta ini, di bawah Kementerian Pendidikan, supaya kita dapat membendung keadaan pendidikan di sekolah-sekolah tadika yang ditubuhkan oleh parti-parti pembangkang. Saya percaya, sebab dalam keadaan sekarang ini kita tengok ideologi tidak dapat kita lihat di dalam kurikulum. Yang kita lihat dalam kurikulum ialah apa yang

diajar tetapi ideologi-ideologi parti pembangkang yang membencikan kerajaan tidak tertulis di dalam kurikulum. Saya takut seperti yang berlaku pada pilihanraya baru-baru ini.

Dalam pilihan raya baru ini, terutama sekali bila ada ceramah-ceramah umum, saya takut bila parti PAS buat tadika dia sendiri, satu ceramah umum parti PAS iaitu ceramah agama, tetapi penceramahnyalah Encik Ah Chan Chak Li, Ketua Masyarakat Thai, Tok Sami. Ini bukan saya bohong, ada alasannya. Kita takut satu hari nanti di Pasti ini, di tadika PAS ini ada pula tok sami yang mengajar. Jadi, selain daripada perkara-perkara ini saya mintalah Kementerian Pendidikan supaya semua Pasti, semua tadika, sama ada ditadbirkan di peringkat negeri disatukan dan Kementerian Pendidikan berkuasa untuk menentukan atau untuk memberi permit bagi membuka kelas-kelas tadika prasekolah ini.

Keduanya, saya minta, oleh sebab keadaan di Kedah, terutama sekali di Kedah yang banyak sekali pondok, bukan di Kelantan sahaja, di Kedah pun banyak pondok, bila ada padi, ada pondok, ada PAS - seperti yang selalu Datuk Seri Sanusi kata dahulu - ini memang benar. Jadi, di sekolah-sekolah yang ada banyak pondok ini, masyarakat di Kedah, terutamanya dan masyarakat Melayu umumnya berkehendakkan anak-anak mereka pandai dan beriman, sebab itu kita banyak dapati bahawa masyarakat Melayu ingin anaknya ke sekolah agama yang ditadbirkan oleh Kementerian Pendidikan, tetapi bila tidak dapat, dihantarlah ke sekolah-sekolah pondok, sekolah agama swasta seperti di Yan dan di kawasan saya di Pendang. Di dalam sekolah-sekolah pondok ini banyak

terdiri dari guru-guru yang menyokong parti pembangkang yang senantiasa menanam semangat membencikan kerajaan.

Jadi, saya harap dalam perkara ini, kita dapat menghapuskannya dan saya hendak mencadangkan untuk memberi peluang kepada masyarakat yang berkehendakkan anak-anaknya berpengetahuan agama dan juga pandai dari segi pendidikan. Saya minta supaya bahasa Arab ini diadakan dan diwajibkan ataupun menjadi satu mata pelajaran di sekolah-sekolah menengah biasa, supaya tidaklah cuma sekolah menengah agama sahaja mempelajari bahasa Arab tetapi semua sekolah-sekolah menengah kebangsaan, kita wajibkan ataupun kita mestikan kanak-kanak ini belajar agama dan bahasa Arab supaya anak-anak kita menjadi seorang yang alim dan juga pandai. Saya sudah tengok, semasa dasar Tun Razak dahulu kita hendakkan anak-anak kita pandai, jadi, apabila pandai dia tidak beriman, maka jadilah macam beberapa kes - seorang lawyer yang pandai tetapi tidak beriman maka 'geran dia, geran dia', 'geran orang, geran dia'. Sekarang ini yang berehat di Pudu pun ramai - ini yang pandai sahaja. Selepas itu macam kes BMF di Hong Kong - mereka pandai - itu hasil perjuangan kita. Selepas kemerdekaan kita buat dasar supaya anak-anak kita pandai. Jadi pandai, tetapi kita terlupa tentang iman. Maka dia jadilah 'Chairman Bank', duit dia, duit dia, duit orang, duit dia. Dia berehat di jel Malaysia pun tidak padan, dia berehat di jel London dan sampai sekarang ini masih berehat di sana.

Jadi, inilah saya minta supaya sekolah-sekolah menengah kebangsaan ini kita adakan bahasa Arab sebagai sampingan. Saya percaya Bahasa Kebangsaan

sebagai bahasa rasmi, bahasa Inggerisnya untuk dunia dan untuk teknikal dan untuk kemajuan teknologi - menggunakan bahasa Inggeris, bahasa Arab untuk akhirat, lepas itu apa salahnya, bahasa Cina untuk kita bergaul supaya apabila mereka berkata “nang butinang” - kita tahu. Ini bila dia kata “nang-butinang” saya pun tidak tahu. Kita beri peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa maksudnya?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ini kena tanya Yan. *[Ketawa]* Saya pun tidak tahu, sebab itu saya hendak di sekolah kebangsaan, diajarkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi, bahasa Inggeris untuk kemajuan di dunia, bahasa Arab untuk kemajuan di akhirat dan bahasa Cina, kalau bahasa Tamil pun tidak apalah. Saya percaya, kalau anak-anak kita dapat mempelajari bahasa-bahasa yang lebih daripada satu bahasa dan dapat menguasai bahasa ini, kita tidak akan rugi.

Saya tidak dapat lihat di sini, yang mengatakan Bahasa Kebangsaan ini tidak ditetapkan di dalam ini cuma.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Nanti sekejap, sudah hendak habis dah. Cuma ada pindaan yang tidak sama seperti yang dibawa oleh ‘ayahanda Menteri kita’. Tetapi saya dapati bahawa Bahasa Kebangsaan masih bahasa rasmi.

Keduanya, saya hendak bercakap tentang institut pendidikan swasta. Orang Melayu kata “private”. Saya hendak ulang sekali lagi, orang Melayu

yang paling takut sekali 'private' - doktor private, sekolah private, hospital private, yang dia tidak takut satu sahaja, mata-mata private. *[Ketawa]*. Ini dia tidak takut - mata-mata private dia tidak takut. Orang Melayu cukup takut dengan perkataan 'private'. Jadi, bila sekolah private ini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kita, sebab pertama sekali, bila tentang private ini, ia tidak ada di luar bandar seperti di kawasan Pokok Sena tidak ada siapa yang hendak membuat sekolah private, yang ada ialah di Alor Setar, di Kuala Lumpur, Ipoh dan di bandar-bandar yang besar dan yang hendak mengaji di sekolah private ini mesti ada duit, jadi, orang kaya sahaja yang berpeluang. Apa dia untuk orang miskin? Dato' Seri kata kita akan tubuh Tabung Pendidikan Nasional. Okaylah, kalau semua tidak 'queue', saya sokong, tetapi kalau minta hendak kena 'queue', ada jawatankuasa hendak kena pilih, tidak dapat juga peluang.

Jadi, saya cadangkan supaya Tabung Pendidikan Nasional ini mesti kena bubuh duit banyak supaya siapa yang hendak masuk tidak ada 'queue', dapat tadika private pun dia boleh minta, sekolah menengah private pun dia boleh minta, universiti private pun dia boleh minta, dengan tidak ada 'queue'. Ini saya minta Yang Berhormat Menteri kena tentukan perkara ini. Kalau tidak 'private' itu orang Melayu takutlah. Tidak ada untung.

Lagi satu mengenai guru-guru pula. Guru-guru yang ada di Pokok Sena, Nami dan Pedu itu semua guru yang tidak boleh mengajar di 'private school', sebab guru private ini gajinya tinggi, yang pandai habis lari ke sekolah private, yang tinggal itu teruk-teruk. Kalau duduk di Pedu itu sekolah teruk. Sekolah

Kebangsaan Pedu, gurunya kalau hendak pergi ke sekolah private, orang tidak mahu sebab dia tidak tahu apa. Ini saya hendak mintalah supaya kementerian ini mesti jaga pengaliran guru-guru ini ke sekolah private.....

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: *[Bangun]*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: ...di Kulim ada sekolah 'private', hendak gaduh apa lagi?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya hendak tanya, Sekolah Kebangsaan Pedu ini teruk sampai macam itu, ini kawasan siapa?
[Ketawa]

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak, saya contohkan. Sekolah itu tidaklah seberapa teruk sekarang ini. *[Ketawa]* Bila jadi 'private school' itu saya takut habis guru-guru yang elok yang mengajar di Pedu sekarang ini, dia hendak pergi ke private school di Alor Setar - gaji tinggi, sekarang dapat RM600, jadi RM1,200 - ini yang saya takut.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua awat dia tak mahu jawab soalan saya?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Dia bangun pun tidak minta daripada Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Saya hendak jawab apa, ini macam orang belakang saya tanya sayalah. *[Ketawa]* Kalau dia bangun minta daripada Tuan Yang di-Pertua, saya boleh jawab. Sekolah Kebangsaan Pedu itu sekarang ini tidak teruk tetapi saya hendak beritahu kepada Dato' Menteri, kalau jadi sekolah private ini, habis guru-guru yang di Pedu, yang di Pokok Sena, yang di Hutan Kampung dan sebagainya, yang duduk dalam hutan, yang

bagus-bagus, yang ada diploma, yang ada menghadiri kursus pakar dan sebagainya, mereka akan minta ke sekolah-sekolah private. Apa kementerian mesti buat berhubung dengan perkara ini supaya jangan jadi macam hospital?

Yang ada di hospital itu atas sedikit daripada HA, pergi minta apa pun, Panadol. Yang specialist semuanya, kalau di Kedah-PPU. Kalau di sini berseparah dengan hospital-hospital swasta. Yang pakar-pakar semuanya sudah pergi ke sana. Yang ada semuanya tidak pakar. Bila kita pergi beritahu sakit apa, dia beri Panadol. Lapan biji, makan sehari empat biji. Pagi dua biji, petang dua biji. Silap makan durian, "gol" terus. Kalau tidak makan durian tidak apa. Kalau di Kedah orang makan durian dan makan Panadol boleh mati. Dia tidak beritahu ini jangan makan dengan durian. Sepatutnya kena beritahu.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, kita bahaskan pasal Akta Pendidikan, ini Akta Kesihatan. Yang Berhormat dari Pokok Sena ini pakar perubatankah? *[Ketawa]*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak. Saya hendak beri contoh. Contoh jangan jadi hospital swasta, doktor swasta. Bila jadi sekolah swasta ini, pengaliran guru, penghijrahan guru daripada sekolah yang ada sekarang ini, guru yang pakar-pakar ini akan pergi ke sekolah swasta. Faham itu Yang Berhormat Yan? *[Ketawa]* Yang ini yang saya takut sebab kalau jadi macam ini, hari ini saya berucap ini supaya satu hari bila sekolah swasta wujud dengan banyak, maka tidak akan berlaku perkara ini.

Lagi satu perkara ialah seksyen 75 bahagian sekolah swasta. Saya tengok di sini, "Menteri boleh menghendaki institusi-institusi pendidikan

swasta yang menyediakan pendidikan lepas menengah supaya mengajar mata pelajaran yang berikut, Bahasa Kebangsaan; Pengajian Malaysia” dan lain-lain lagi. Boleh sahaja! Dalam bahasa Inggerisnya "may" - may only. Saya mintalah Dato' Menteri Pendidikan supaya Menteri hendaklah menentukan ataupun Menteri hendaklah menetapkan institusi pendidikan swasta ini menyediakan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Ini saya minta Menteri supaya dalam bahasa Inggerisnya, bukan "may" tetapi "shall" - bukan Esso, "shall" ya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah perkara-perkara ini sebab ini adalah satu sejarah. Kita hendak tentukan, kita hendak berbincang tentang akta ini barangkali 50 tahun lagi. Sebab masa diwujudkan oleh ayahanda Dato' Menteri pada tahun 1956 dulu, sampailah selepas dipinda dan dipinda sehingga kajian Rahman Talib, sekarang ini anakanda Tun Abdul Razak telah membuat satu akta baru dan kita akan bincang pula 50 tahun lagi. Kita tidak ada "chance"lah. Cucu kita hendak bincangkan.

Jadi, saya hendak beri amaranlah di sini, bukan beri amaranlah, minta maaf Dato' Menteri, hendak beri peringatan, supaya perkara-perkara ini kita dapat ambil tindakan supaya satu hari kelak anak cucu kita tidak dituduh seperti yang dituduh oleh parti S.46 tadi yang kita tahu S.46, PAS dan DAP ini memang bercakap tidak serupa bikin. Kita buat akta ini kita telah berfikir bertahun-tahun tetapi oleh sebab mereka tengok terlampau lengkap maka mereka "attack"lah tentang Bahasa Kebangsaan.

Saya mencadangkanlah juga demi untuk perpaduan kita, kalau hendak wujudkan sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan - dulu ada satu ketika di mana sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina ini diadakan dalam satu pagar, supaya ada seorang Guru Besar. Mana perginya yang itu? Saya hendak tanya Dato' Menteri. Mana perginya dasar ataupun arahan itu?

Saya belajar di zaman sebelum merdeka di bawah satu bumbung di mana di sebelah kanan saya Paramanathan, di sebelah kiri saya Chong Ah Kiew. Bila saya duduk dengan orang Tionghua, jiwa saya tidak pernah terasa bahawa dia itu Cina atau dia keturunan India. Ini kita hendak bentukkan. Zaman sekarang kita tidak dapat melihat anak Melayu, anak Cina, anak India pergi tengok wayang cheap matinee. Betulkah tidak Dato'? Tidak ada. Zaman saya dulu kita main sekali. Zaman sekarang ini tidak ada. Akta ini kena mainkan peranan. Di Parlimen ini selonggok MCA, selonggok Gerakan, selonggok UMNO, PAS duduk di Tingkat 7, MIC duduk di kantin, ini hasil. Ini peranan Menteri Pendidikan. Betulkan perkara ini.

Orang Melayu telah lama beralah. Orang Melayu ini manusia yang sentiasa tidak mahu menyusahkan orang. Sebab sikap tolak ansur inilah lingkup bahasa Melayu. Bila dia jumpa Cina, dia tidak cakap betul-betul bahasa Melayu. "Lu mau pi mana? Sulah makankah?" Bila dia jumpa India, dia gelek kepala, "Adei, sudah makankah?" [*Ketawa*] Bila dia jumpa orang putih, orang putih itu belajar di Hawaii dua tahun Bahasa Kebangsaan, "Encik mana mahu pergi itu jalan Lorong Haji Taib?" Dia tidak jawab dalam bahasa

Melayu, "You go to the right and turn left." [*ketawa*] Orang Melayu telah lama bersifat macam ini. Saya minta kementerian ini membetulkan keadaan ini.

Di sekolah kita terlalu bertolak ansur. Sampai hari ini memang kita bertolak ansur sebab kita memikirkan tentang perpaduan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri kita buat ini memang kita memikirkan dari semua aspek, semua perkara supaya kita dapat hidup dengan aman dan makmur. Kalau ikut DAP, saya fikir tidak sempat tahun 2020. Kalau tidak perang pun, teruk. Tidak sempat tahun 2020 kalau ikut DAP. Kalau ikut PAS lagi deras. Sebab di Kedah pilihan raya baru-baru ini pun sudah teruk. Tengoklah dia buat ini, ini ceramah PAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Dok gulung dari tadi! [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa tidak mengizinkan Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yan bangun. Tidak ada masa Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Untuk menggulung, saya mintalah semua perkara prasekolah ini, saya minta semua sekolah tadika ini diletakkan di bawah kuasa kementerian dan sekolah swasta ini kita mesti menentukan perkara-perkara ini dan minta Menteri mengubah perkara yang boleh itu dan menetapkan dalam bahasa Inggerisnya "shall". Saya harap

perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi, kementerian ini mengambil perhatian supaya kita dapat hidup dalam aman dan makmur.

Sekian, saya menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nampaknya ramai lagi yang hendak berbahas tetapi masa pun saya rasa terhad sangat. Kita ada setengah jam lagi sebelum Menteri jawab esok. Saya kena beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lebih awal sedikit. Bandau.

7.31 mlm.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan masa yang begitu singkat diberi, saya akan teruskan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sekejap, Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat berucap mungkin saya hendak hadkan masa kepada 10 minit supaya lebih ramai lagi yang dapat berbahas, itu pun terpaksa saya berbuat demikian.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasihlah, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa terima arahan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan di Dewan yang mulia ini pada hari Isnin yang lalu, adalah satu Akta yang telah lama ditunggukan oleh rakyat Malaysia semenjak Akta Pelajaran 1961 diwujudkan. Ini disebabkan semenjak 1961 dan khususnya semenjak 1963 di mana Malaysia telah ditubuhkan, negara

Malaysia telah melangkah jauh dari segi pengalaman dan perubahan mahupun dari segi perkembangan ekonomi, politik, sosial, budaya, sains dan teknologi dan memang semestinya juga dalam bidang pendidikan. Dengan perubahan-perubahan persekitaran negara kita dan negara-negara yang lain, maka Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini dan pembentangannya adalah sememangnya tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, memang Rang Undang-undang yang telah pun dibentangkan ini mempunyai banyak kelebihan, kekuatan, tetapi juga mempunyai beberapa kelemahan. Di dalam masa yang singkat saya ingin sentuh beberapa perkara, Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak kerajaan boleh mengambil kira perkara-perkara yang dibangkitkan.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, begitu kelihatan sekali di dalam Rang Undang-undang ini bahawa kuasa yang diberi kepada menteri adalah terlalu besar dan luas sekali. Misalnya Tuan Yang di-Pertua, di Bahagian VIII dan Bahagian IX saya ingin sentuh beberapa perkara di sini. Nombor satu, di Bahagian VIII dan IX Rang Undang-undang ini yang berkaitan dengan pendaftaran institusi pendidikan, guru, pengelola dan seterusnya. Walaupun di dalam peruntukan Bab ini cara-cara pendaftaran syarat-syarat telah pun diberi dan juga perkara rayuan dan siasatan. Tetapi sepertimana yang kita lihat di dalam Fasal 128, Tuan Yang di-Pertua, di mana di dalam Fasal ini di peringkat siasatan tidak boleh membenarkan peguambela dan peguamcara untuk mewakili ataupun untuk bersama pihak yang disiasat. Jadi, dalam perkara yang memerlukan banyak masalah dari segi persoalan, keikhlasan kerajaan dari

segi menubuhkan satu Rang Undang-undang yang transparent dan juga memberi jaminan dari segi keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita melihat bahawa di Fasal 151 peruntukan di mana kita alu-alukan dari segi memberi sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Akta 1961 supaya diteruskan di bawah Rang Undang-undang ini. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita harus lihat bahawa dengan adanya peruntukan di bawah Fasal 143 yang memberi kuasa kepada menteri untuk membuat pengecualian dan juga menambahkan syarat-syarat, maka jaminan yang diberi di bawah Fasal 191 Tuan Yang di-Pertua, amat diragui oleh beberapa pihak khususnya oleh sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina. Di dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya percaya berkaitan dengan peruntukan 151 ini hendaklah kerajaan memberi jaminan yang lebih jelas, walaupun tidak melalui di dalam Rang Undang-undang ini, tetapi menerusi rules and regulations.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Bahagian V iaitu Penilaian dan Pemeriksaan iaitu di bawah Fasal 67 dan 68, di mana ia menekankan kuasa menteri untuk menentukan penilaian dan tahap penilaian bagi murid di bawah Akta ini, sekali lagi ini menjadi satu bahan keraguan, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang dibenarkan melalui Fasal 151 di mana pada satu hari nanti, ini terletak kepada kuasa menteri dengan adanya peruntukan 143 pengecualian yang boleh dilakukan oleh pihak menteri dan sebenarnya bukan pengecualian sahaja, termasuk di dalam Fasal ini, Tuan Yang di-Pertua, juga kuasa menteri untuk menambahkan syarat-syarat tersebut

sudah tentu. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi menimbulkan keraguan kepada pihak-pihak sekolah-sekolah jenis kebangsaan khususnya sekolah-sekolah Cina di mana jaminan yang ada itu Tuan Yang di-Pertua, boleh tergugat dan boleh diubah dengan adanya peruntukan 143.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukan-peruntukan khususnya 143 ini, dia memberi fokus kepada kuasa menteri untuk membuat tindakan dan seterusnya. Ertinya dia terletak kepada budi bicara dan personaliti kepada Menteri Pendidikan, barangkali kita tidak ada masalah dengan menteri yang sedia ada, yang nampaknya melihatkan kebolehan, moderation dan sikap tanggungjawab. Tetapi sepertimana yang telah disentuhkan oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, di Dewan yang mulia ini, pada masa-masa yang akan datang, dengan izin, we get the wrong guy, Tuan Yang di-Pertua, yang visinya, aspirasinya tidak serentak dengan menteri ataupun aspirasi Allahyarham Tun Razak sendiri, maka banyak akibat yang akan terjadi yang kita tidak inginkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terfokusnya kuasa kepada Menteri Pendidikan, maka kita sedia maklum bahawa prioritas, pendekatan, falsafah peribadi, kegemaran, taste, dengan izin berbeza-beza dan semuanya ini memperlihatkan bahawa kuasa yang diberi kepada menteri begitu besar sekali dan jaminan hendaklah diberi khususnya bagi sekolah-sekolah yang dibenarkan di bawah peruntukan 151 supaya dengan izin, the fears and the concerns of the group and from the schools are addressed by the government, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah di bawah Rang Undang-undang ini banyak juga kelebihan-kelebihan dan kekuatan-kekuatan, misalnya pemansuhan Fasal 21(2) dalam Akta Pelajaran 1961 kita alu-alukan, tetapi sepertimana saya sentuhkan tadi dengan adanya Fasal 143 itu, ini juga menimbulkan keraguan tentang masa depan sekolah-sekolah yang dibenarkan, khususnya di dalam Fasal 151.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Bahasa Malaysia sepertimana penggunaan Bahasa Malaysia sebagai satu bahasa pengantar utama yang diperuntukkan di bawah Fasal 17(1). Sememangnya kita terima ini dan kita katakan bahawa ini sepertimana yang wajib dilaksanakan oleh kerajaan tanpa menjejaskan bahasa-bahasa ibunda suku-suku kaum yang lain sepertimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 2(d)(ii) iaitu jika didapati munasabah dan praktik. Maka perbuatan sedemikian dan sekurang-kurangnya 15 orang murid di sekolah tertentu, ibu bapa bolehlah memohon untuk mengadakan pengajaran bagi mata pelajaran bahasa ibunda.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menyentuh dalam Fasal 2(d)(ii) bahawa perkataan yang dikatakan munasabah dan praktik, saya rasa ini menimbulkan satu keraguan berkaitan dengan relatifnya, dengan izin, relative important kepada sesuatu bahasa ibunda itu, ertinya kalau didapati tidak munasabah, kalau didapati tidak praktik dan hal-hal seperti ini Tuan Yang di-Pertua, adalah perkara-perkara relatif. Walhal di dalam peruntukan yang sama bagi sekolah Cina dan sekolah Tamil perkataan 'munasabah dan 'praktik' itu tidak timbul sama sekali.

Saya memohon Tuan Yang di-Pertua, supaya perkataan 'munasabah' dan 'praktik' itu tidak harus dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini dan terus kepada sepertimana yang diperuntukkan di dalam Fasal 2(d)(i).

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu memang kita alu-alukan tindakan kerajaan untuk memperuntukkan di dalam Akta ini pengajaran agama lain seperti mana dalam Fasal 51. Kita berharap sepertimana yang disentuh oleh Yang Berhormat yang lain bahawa ini bukan sahaja di dalam sekolah jenis kebangsaan atau bantuan kerajaan tetapi di dalam, khususnya di negeri Sabah dan Sarawak, supaya peruntukan adalah dibuat melalui rules and regulations, dengan izin, supaya membenarkan pelajar-pelajar yang bukan beragama rasmi untuk berkumpul dan menerima pengajaran mereka di dalam agama mereka, memandangkan bahawa antara tujuan dan matlamat ulung Rang Undang-undang ini adalah membentuk manusia dan insan yang bermoral dan beretika, bersatu padu, progresif serta maju.

Dengan adanya pengajaran-pengajaran pendekatan kepada agama masing-masing, saya percaya ia akan membentuk insan yang lebih bertanggungjawab dan berguna kepada masyarakat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya ada satu perkara lagi dan selepas itu saya akan gulungkan.

Saya alu-alukan tindakan kerajaan untuk memasukkan pendidikan prasekolah di dalam sistem pendidikan negara. Harapan kita bahawa di luar bandar pihak kerajaan akan menumpukan tenaga dan bantuan dan juga pembangunan demi untuk memastikan supaya pelajar-pelajar di luar bandar ini

khususnya di tempat-tempat yang belum ada sekolah rendah maka dibekalkan sebagai permulaan semua infrastruktur asas untuk mengadakan pendidikan prasekolah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kesuntukan masa, saya terpaksa hadkan bilangan Ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas kepada dua orang lagi sebelum hari suntuk. Bukit Mertajam.

7.44 mlm.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tahniah diucapkan kepada Kementerian Pendidikan kerana menggubal suatu Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang merupakan satu langkah positif ke arah reformasi pendidikan negara kita untuk menghasilkan sumber manusia yang berbagai bidang menjelang tahun 2020.

Penggubalan Akta Pendidikan itu sebenarnya mengambil beberapa tahun dan saya mendapati bahawa Majlis Perundingan Akta Pendidikan telah mula bekerja sejak bulan September, 1990 tetapi malangnya bahawa parti-parti pembangkang langsung tidak menghantar wakil untuk berucap atau menyumbang idea, pandangan atau teguran dalam Majlis tersebut. Saya rasa majlis atau forum di mana perbincangan, bertukar fikiran dapat dijalankan seperti apa yang diminta oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan Ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang yang lain.

Oleh kerana ini boleh dikatakan bahawa wakilk-wakil daripada parti pembangkang telah mengabaikan peluang yang diberikan kepada mereka untuk

menyumbangkan idea kepada proses penggubalan Akta Pendidikan 1995 ini dan baru-baru ini ingin membuat bising untuk publisiti dan menarik perhatian.

Yang Berhormat dari Tanjong pula membangkitkan perkara strategi pendidikan semata-mata untuk memesongkan tumpuan perhatian rakyat jelata. Beliau sepatutnya mesti mengarahkan wakilnya menghadiri Majlis Perundingan Akta Pendidikan dan menyumbangkan idea pada peringkat itu. Tetapi baru sekarang hendak berucap mengenai strategi pendidikan dan ianya sudah terlewat sedikit.

Yang Berhormat dari Kota Bharu dan Yang Berhormat dari Gua Musang pula masih berpegang kepada idea-idea yang sempit yang sangat-sangat mengabaikan kebajikan dan bahasa ibunda anak-anak kaum yang lain selain daripada orang Melayu. Saya rasa kesempitan fikiran seperti itu adalah kurang sihat di zaman baru ...

Tuan Liew Ah Kim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Seputeh bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Maaf, tiada masa. *[Disampuk]* Masa suntuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Itu hak dia, Yang Berhormat.

Dr. Tan Chong Keng: Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana berjaya memansuhkan seksyen-seksyen 21(2) dan 26(a) Akta Pendidikan 1961 dan seksyen-seksyen itu yang telah menjadi isu yang dimainkan oleh parti-parti pembangkang. Pada masa sekarang kita

sudah hampir mencapai satu persefahaman di antara kaum-kaum di Malaysia di mana kita boleh hidup bersama secara harmoni. Kita tidak memerlukan lagi seksyen-seksyen 21(2) dan 26(a) yang selalu menimbulkan punca masalah, perselisihan fahaman antara kaum. Saya berasa bangga dan gembira kerana seksyen-seksyen yang bermasalah itu sudah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang diberikan satu definisi ataupun tafsiran yang begitu jelas dalam Fasal 2 Akta Pendidikan ini, saya rasa ini dapat memberikan keyakinan kepada ibu bapa yang ingin menghantarkan anak-anak mereka kepada sekolah jenis ini.

Berkaitan dengan gunanya bahasa Cina untuk pendidikan awal, saya berpendapat bahawa dengan menggunakan bahasa Cina untuk mengajar mata-mata pelajaran dalam sekolah rendah jenis kebangsaan Cina kepada budak-budak keturunan Cina adalah satu kebaikan iaitu lebih lagi menolong kepada kefahaman mereka. Kalau kita pandang bahasa Cina itu sebagai satu bahasa dunia kita dapati bahawa bahasa Cina itu dapat kita gunakan sebagai satu kunci untuk membukakan pintu pelaburan dan pasaran dengan begitu besar di negeri seperti Republic of China dan juga Taiwan. Dari segi globalisation, kita akan beruntung kalau budak-budak generasi muda kita diberi peluang untuk mempelajari bahasa Cina di sekolah kebangsaan juga.

Jadi, saya menyokong dengan sepenuhnya cadangan dalam Akta ini supaya jikalau ada lebih 15 orang ibu bapa meminta, pihak sekolah kebangsaan akan memberikan pengajaran bahasa Cina ataupun bahasa Tamil. Itu adalah satu langkah yang amat positif dan saya harap kita boleh cuba mengelakkan

memberikan satu label kaum terhadap bahasa. Saya lebih suka kalau bahasa-bahasa seperti bahasa Cina dan Tamil tidak lagi diberikan satu label POL - People Own Language, dengan izin. Saya lebih suka jikalau bahasa-bahasa itu disebut sebagai bahasa pilihan - bahasa pilihan Cina, bahasa pilihan Tamil kerana budak-budak Melayu pun boleh belajar bahasa Cina dan Tamil mengikut keperluan dan minat mereka masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Tan Chong Keng: Saya cubalah. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Bahagian IV Bab 9 - Pendidikan Guru, saya ingin menyarankan supaya kerajaan mempercepatkan lagi latihan perguruan bahasa Cina untuk mengisi jawatan-jawatan kosong yang akan diadakan di sekolah-sekolah kebangsaan kerana mereka diperlukan mengajar bahasa itu kepada murid-murid di sekolah kebangsaan. Pada masa sekarang pun, kita sudah mengalami kekurangan guru bahasa Cina, apa lagi apabila kita buka kelas-kelas bahasa Cina di sekolah kebangsaan pula. Memang kita memerlukan lebih ramai guru-guru bahasa dan saya cadangkan untuk menambah pengambilan pelatih-pelatih guru bahasa Cina, kita boleh cuba mempelbagaikan sumber-sumber atau punca pengambilan.

- (a) para lulusan SPM, STPM dengan lulusan dalam bahasa Cina;
- (b) para lulusan Unified Examination daripada sekolah menengah swasta;
- (c) para lulusan Jabatan Bahasa Cina Universiti Malaya; dan

- (d) meluluskan penubuhan Jabatan Bahasa Cina di Kolej TAR untuk menambahkan lagi para lulusan dengan pengkhususan bahasa Cina; dan
- (e) boleh diminta para lulusan daripada Universiti Taiwan ataupun Republik Cina yang mempunyai kelulusan bahasa Cina yang sesuai untuk dilatih menjadi guru bahasa Cina.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, hanya satu komen sahaja saya hendak buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ada komen lagi?

Dr. Tan Chong Keng: Satu sahaja. Satu ayat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Habiskan ayat itu sahaja, Yang Berhormat.

Dr. Tan Chong Keng: Parti MCA sudah menubuhkan Kolej TAR, dan saya harap bagi institusi pendidikan swasta, Kementerian Pendidikan boleh cuba menolong dengan peruntukan yang lebih besar amaunnya supaya boleh memberi penghargaan kepada usaha dan juga kerja-kerja yang sudah dibuat oleh pihak swasta dalam bidang pendidikan.

Akhir kata, saya hendak memohon menyokong Rang Undang-undang ini.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*] Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat. Itu bukan caranya, Yang Berhormat. Nanti dahulu Yang Berhormat. Nampaknya, ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang mungkin tak sempat hendak cakap, hendak berbahas pada hari ini. Walaupun demikian, saya tetap berharap - nanti dahulu, jangan menyampuk Yang Berhormat. Walaupun demikian, saya tetap berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang tak sempat berucap ataupun berbahas pada hari ini akan dapat mengambil bahagian esok di peringkat Jawatankuasa. Seputeh.

7.54 mlm.

Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]: Nasib kurang baiklah saya. Tuan Yang di-Pertua, menjelang abad ke 21, perjuangan pertubuhan pendidikan Cina, ataupun 'Dong Ziau Chong' tidak lagi dihargai kerana mereka hanya dilihat secara negatif, iaitu kepentingan pendidikan Cina sahaja. Sumbangan mereka dalam perjuangan bahasa ibunda di pandang sepi, disebabkan pandangan negatif kerajaan terhadap mereka; disebabkan tidak dilihat secara rasional perjuangan Kesatuan Guru-guru Melayu juga semenjak selepas merdeka hanya dianggap sebagai menuntut kenaikan gaji sahaja. Kerajaan cuba melupakan sumbangan mereka ke arah memantapkan Dasar Pendidikan

Kebangsaan. Dong Ziau Chong telah mengendalikan lebih kurang 60 buah sekolah menengah persendirian semenjak awal 1960-an. Mereka bukan sahaja memberi pendidikan bahasa ibunda yang seimbang dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, malah memberi sumbangan yang amat bernilai kepada pendidikan di negara ini, kerana peperiksaan persendirian yang dikendali oleh Dong Ziau Chong adalah diiktiraf oleh pusat pengajian tinggi di luar negeri.

Oleh itu, peranan Dong Ziau Chong dalam memberi sumbangan kepada pendidikan di negara ini akan ikut terganggu dengan terlaksananya Perkara 56, Perkara 58(1) dan Perkara 59(1), kuasa menteri secara mutlak dalam menentukan Lembaga Pengelola Sekolah meliputi juga sekolah-sekolah menengah persendirian Cina adalah keterlaluan dan tidak berasaskan Rukunegara yang kelima.

Tuan Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Senai bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Kedudukan Dong Ziau Chong untuk meningkatkan tahap pendidikan bahasa ibunda sentiasa dibayangi oleh peruntukan kuasa yang keterlaluan dalam Perkara 91 dan Perkara 93(1), kerana dengan apa cara sekalipun mengikut peruntukan tersebut boleh digunakan untuk memansuhkan kedudukan mana-mana Lembaga Pengelola yang tidak disenangi oleh Ketua Pendaftar, sekalipun hanya untuk kepentingan perigadi golongan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perkara 91, Ketua Pendaftar diperuntukkan kuasa luar biasa, iaitu Ketua Pendaftar boleh enggan mendaftarkan seseorang sebagai Pengelola atau kerja sesuatu institusi pendidikan. Manaka dalam Perkara 93(1) peruntukan kuasa luar biasa Ketua Pendaftar tersebut boleh mengeluarkan daripada daftar seseorang pengelola ataupun pekerja, atas alasan yang dinyatakan dalam perenggan 91(a)(b), jika didapati oleh Ketua Pendaftar bahawa orang itu bukanlah seorang yang patut, demi kepentingan Malaysia, awam atau mana-mana orang kekal sebagai pengelola atau pekerja. Apakah definisi jika didapati Ketua Pendaftar bahawa orang itu bukanlah seorang yang patut demi kepentingan Malaysia, awam atau mana-mana orang? Adakah mereka yang mahukan pendidikan bahasa ibunda akan didapati oleh Ketua Pendaftar bukan seorang yang patut demi kepentingan Malaysia, awam atau mana-mana orang?

Penjelasan ini mestilah diberi peruntukan di dalam Akta Pendidikan bahawa perkara bahasa ibunda dikecualikan dari kuasa luar biasa Ketua Pendaftar ini. Sekolah-sekolah menengah persendirian Cina atau sekolah-sekolah menengah Cina bebas dibangunkan atas kesedaran masyarakat Cina yang prihatin dengan pendidikan bahasa ibunda sekalipun tidak mendapat tunjangan kewangan daripada kerajaan. Dong Ziau Chong sudah banyak memberikan sumbangan kepada pendidikan bahasa ibunda ini. Apakah kerajaan mengambil langkah-langkah yang amat memerlukan hati mereka semata-mata mendapat sokongan MCA dan Gerakan. MCA dan Gerakan

bukan sahaja tidak prihatin dengan pendidikan bahasa ibunda, tetapi menjadi perosak secara dengan bersubahat untuk memikirkan bahasa ibunda ini.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada empat orang peminat.

Tuan Liew Ah Kim: Saya tidak ada masa.

Seorang Ahli: Satu minit sahaja.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak ada pihak yang berfikiran waras akan menolak ketetapan bahawa Bahasa Kebangsaan adalah bahasa pengantar utama. Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 juga Dong Ziau Chong mengendalikan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina. Tetapi dengan terdapat peruntukan Perkara 143 dalam Akta ini, hak mereka disisi Perlembagaan sudah dinafikan.

Perkara 143 dalam Akta Pendidikan 1995 yang diperuntukkan adalah berbunyi seperti di bawah ini,

“Menteri boleh, jika difikirkannya wajar dan demi kepentingan sesuatu institusi pendidikan atau demi kepentingan murid atau awam melalui perintah yang disarkan dalam Warta, mengecualikan institusi pendidikan atau mana-mana golongan atau institusi pendidikan daripada semua ataupun daripada mana-mana peruntukan Akta ini kecuali peruntukan tentang pendaftaran, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada mana-mana syarat yang difikirkannya patut

dikenakan dan boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya membatalkan pengecualian sedemikian atau mengkansel' ataupun mengubah atau menambah syarat-syarat itu”.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Liew Ah Kim: Baiklah. Banyak perkara yang jadi injab kubur kepada pendidikan bahasa ibunda dalam Akta ini, iaitu semuanya akan terkurung di dalamnya selepas sahaja ia diluluskan. Adakah definisi yang disebutkan mengecualikan institusi pendidikan atau mana-mana golongan atau golongan institusi pendidikan daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini, tetapi mempunyai injab kubur di belakang ayat ini apabila dimansuhkan, kecuali peruntukan tentang pendaftaran sama ada secara mutlak ataupun tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hari sudah suntuk.

Tuan Liew Ah Kim: Satu minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan. Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan tadi. Jadi, esok Menteri yang berkenaan akan menjawab.

Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.

